

DN.8.12.98

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

Jilid IV	Bil. 27	Hari Selasa	8 Disember 1998
-----------------	----------------	--------------------	------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan

USUL

**- Krisis Ekonomi Asia - Peraturan Pengawasan Mata Wang
Antarabangsa (IMF).** (Ruangan)

- Y.B Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman

PARLIMEN KESEMBILAN

Penggal Keempat

Mesyuarat Ketiga

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M.,
B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,
J.P. (Melaka)

- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Selasa, 8 Disember 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****D O A**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**KAWALAN TUKARAN ASING – KESAN POSITIF**

1. **Datuk Haji Hashim bin Safin** minta Menteri Kewangan menyatakan sejak kawalan tukaran asing dikenakan, apakah kesan-kesan positif kepada ekonomi negara. Sudahkah ada pelaburan masuk ke dalam negara, kalau ada berapa jumlahnya dalam bentuk nilai Ringgit Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor yang dijadual dijawab pada hari ini; Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail yang dijadualkan untuk dijawab pada 9 Disember 1998; Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin yang dijadualkan untuk dijawab pada 10 Disember 1998; Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Majid bin Haji Baba, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu yang dijadualkan untuk dijawab pada 15 Disember 1998; dan Yang Berhormat Dato' P. Krishnan yang dijadualkan untuk dijawab pada

17 Disember 1998, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan itu menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan baru-baru ini telah mendatangkan manfaat seperti berikut:-

- (i) kadar pertukaran mata wang yang ditetapkan pada RM1 bersamaan dengan AS\$0.2632 memberi kepastian dan kestabilan kepada pasaran pertukaran mata wang asing. Ini akan memudahkan perdagangan luar negara dan mengelakkan risiko berkaitan dengan turun naik kadar pertukaran mata wang serta memanfaatkan para pedagang dan pelabur;
- (ii) deposit dalam akaun luar negeri dan jualan aset Ringgit telah meningkat daripada RM9.1 bilion pada akhir Ogos 1998 kepada RM13.2 bilion pada akhir bulan September 1998 berikutan penghantaran pulang deposit yang dahulunya disimpan di luar negeri dan jualan aset Ringgit oleh bukan pemastautin;
- (iii) imbalan perdagangan telah mencatat lebih yang besar sebanyak RM38.7 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini iaitu dari Januari hingga September 1998, kalau dibandingkan dengan sembilan bulan tahun sudah hanya sebanyak RM1.5 bilion sahaja. Peningkatan ini adalah ekoran daripada perkembangan lebih pesat dalam eksport sebanyak 36.9% berbanding dengan import hanya 11%. Justeru itu akaun semasa imbalan pembayaran dijangka mencatatkan lebih sekurang-kurangnya RM20 bilion dalam tahun 1998, kalau dibandingkan masa yang sama tahun sudah hanya RM14.2 bilion;
- (iv) dasar-dasar yang lebih positif dapat dilaksanakan seperti menurunkan kadar faedah, menyuntik lebih mudah tunai ke dalam sistem perbankan serta memperbaiki proses perantaraan untuk membantu pemulihan ekonomi negara.

Hasilnya kadar berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan telah turun daripada 12% pada bulan Mac kepada 8.05% pada masa ini, sementara jumlah dana di dalam sistem perbankan telah meningkat. Seterusnya pinjaman tak berbayar sehingga 30 September 1998 mengikut pengelasan enam bulan ialah RM51.8 bilion (12/4%) daripada jumlah pinjaman;

- (v) sentimen pasaran saham lebih bertambah baik di BSKL. Pada 1 Disember 1998 Indeks Komposit Kuala Lumpur dan Indeks Papan Kedua masing-masing telah meningkat sebanyak 71.2% dan 138.1% semenjak akhir bulan Ogos. Rizab luar negeri Bank Negara Malaysia pula turut meningkat sebanyak AS\$3.4 bilion dari akhir bulan Ogos kepada RM89.8 bilion (AS\$23.6 bilion) pada 15 November 1998 iaitu ianya mencukupi pembiayaan selama 4.5 bulan import tertangguh;
- (vi) peraturan kawalan mata wang tidak menjejaskan pelaburan asing langsung (foreign direct investment) dan dalam sembilan bulan pertama tahun ini, Malaysia telah meluluskan pelaburan dari Amerika Syarikat bernilai RM5.9 bilion, pada tahun 1997 RM2.3 bilion sahaja. Pelaburan dari negara Belanda pula bernilai RM572 juta berbanding 1997 hanya RM33.5 juta, manakala pelaburan dari United Kingdom bernilai 396 juta tahun ini, tahun 1997 hanya RM206 juta. Dan pelaburan dari Australia tahun ini bernilai RM11 juta berbanding dengan tahun 1997 lalu hanya RM90 juta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani kesan-kesan sampingan daripada langkah-langkah ini, kerajaan telah berusaha untuk memastikan agar jentera-jentera pentadbiran bergerak dengan lebih pantas dalam memberi sesuatu kelulusan. Di samping itu, terdapat peruntukan perundangan di bawah Akta

Kastam 1967 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 yang berupaya membendung transfer pricing di Malaysia. Peruntukan-peruntukan ini akan memberi kuasa kepada pihak berkuasa tertentu untuk mengesahkan kesahihan nilai eksport dan import bila mana perlu.

Di bawah Akta Pengurup Wang 1998 yang berkuat kuasa pada 25 September 1998, denda bagi kesalahan telah dinaikkan daripada RM10,000 atau tiga tahun penjara atau RM100,000 atau lima tahun penjara serta akaun pengurup-pengurup wang juga perlu diaudit.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, sejak pelaksanaan langkah-langkah kawalan mata wang terdapat tiga kes penyeludupan dengan jumlah rampasan sebanyak RM1.265 juta yang telah dikenal pasti, manakala kes rampasan bagi pengembara yang mengisytihar serta pembawa wang yang melebihi jumlah yang dibenarkan sehingga 30 November 1998 di seluruh negara adalah sebanyak 350 kes dengan wang yang dirampas berjumlah RM2.366 juta.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan kawalan tukaran asing yang diamalkan di negara kita ini. Kawalan tukaran asing ini menunjukkan pimpinan yang bijak Perdana Menteri kita, kesannya amat baik. Pada hari ini kedudukan ekonomi negara kita adalah stabil

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya? [*Ketawa*]

Tuan Yim Chee Chong: ... nampaknya ekonomi kita semakin lama semakin bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di negara kita ini menyokong penuh

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bukan hendak bersyarah ini.

Tuan Yim Chee Chong: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan hendak berucap ini! Apa dia soalnya?

Tuan Yim Chee Chong: Soalan tambahan saya secara ringkasnya. Negara ASEAN akan bermesyuarat di Vietnam tidak lama lagi, bolehkah kita cadangkan sistem kawalan tukaran asing di dalam negara ASEAN agar semua negara ASEAN mengikut cara perjuangan Malaysia untuk mengalahkan segala niat jahat George Soros?

Tuan Yang di-Pertua: Soros sahaja?

Tuan Yim Chee Chong: Ya, dan sahabat dan kawannya untuk menyerang wang negara-negara yang lain, tidak menghiraukan kepentingan negara-negara lain. Pada hari ini sampailah masanya untuk kita bersatu-padu untuk menentang George Soros dan pedagang wang antarabangsa untuk mengalahkan segala niat jahat mereka.

Jadi, soalan saya bolehkah negara Malaysia kita dalam Mesyuarat ASEAN kemukakan cadangan ini agar semua negara ASEAN mengikut perjuangan Malaysia demi kepentingan ASEAN? Itulah sahaja soalan saya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, semenjak berlaku kegawatan mata wang antarabangsa yang dicituskan oleh spekulator mata wang dunia seperti George Soros dan rakan-rakannya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, Malaysia adalah satu-satunya negara yang meminta seluruh dunia melalui IMF, melalui badan-badan kewangan dunia untuk menyemak semula pergerakan ataupun untuk memperundangkan penggunaan hedge fund dan juga spekulator mata wang ini.

Kita telah menyuarakan ini di Hong Kong apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta supaya ianya dilakukan, tetapi selain dari meminta, kita juga menyuarakan di dalam forum-forum tertentu di IMF dan Bank Dunia, tetapi tidak berapa diikuti oleh negara-negara lain khususnya negara ASEAN. Justeru itu negara kita mengambil daya utama untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan dasar mengawal modal secara selektif yang kita lakukan sekarang dan dunia memandang perbuatan kita sebagai satu eksperimen, mereka tidak mengutuk lagi, mereka hanya melihat di dalam satu persidangan yang saya hadir di Jepun pada bulan sudah, mereka sedang melihat, mereka mengatakan kalau Malaysia berjaya di dalam eksperimen ini maka banyak negara akan mengikutnya, bukan sahaja negara ASEAN malah negara-negara lain di dunia yang terlibat ataupun terkena bahana spekulator mata wang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, di sinilah perlunya kita berjaya di dalam mengimplementasikan dasar ini agar kita menjadi satu negara yang membuat daya utama di dalam usaha melawan satu kuasa di dalam pasaran kewangan dunia yang

pada masa ini negara-negara lain tidak sanggup mengawalinya ataupun membendungnya.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Pada pagi tadi kita telah mendengar taklimat yang panjang lebar dari Yang Berhormat Menteri Kewangan II, begitu jelas sekali bahawa kebijaksanaan kerajaan kita menyekat pengaliran wang ini bukan menimbulkan masalah bahkan pelaburan begitu bertambah sekali, sebagaimana penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi.

Saya ingin tahu bagaimana kedudukan mata wang kita pada hal kita menyekat wang kita seolah-olah tidak diperlakukan di luar negara, tetapi baru-baru ini saya pergi ke Batam dua hari seramai 15 orang, senang menukar wang di bank-bank di Batam bahkan di hotel-hotel pun boleh kita tukar dengan begitu laku sekali dan saya dapat tahu bukan sahaja di Indonesia, bahkan di selatan Thailand pun begitu juga di Singapura masih diperlukan wang kita. Sebab itu mungkin kerana penyeludupan wang ini dilakukan oleh setengah-setengah pihak membawa wang kita keluar, bagaimana kedudukan ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan sebegini, kita tidak boleh mengatakan bahawa kita membina satu benteng yang water proof, jadi apa yang berlaku di tempat-tempat Ahli Yang Berhormat sebutkan itu seperti di Batam, di Singapura, di sempadan Thailand berlaku perdagangan yang harian, bukan perdagangan macam perdagangan antarabangsa yang menggunakan LC dan lain-lain, ini perdagangan runcit harian.

Jadi, penggunaan mata wang kita diperlukan lagi di situ, misalannya orang Singapura kalau datang ke Johor melalui causeway, misalnya mereka hendak membeli sayur yang boleh dibeli dengan harga yang murah dibandingkan dengan harga di Singapura, dia memerlukan Ringgit, jadi ini berlaku di sempadan-sempadan, kerajaan kita sedang memikirkan soal membenarkan perlakuan Ringgit ini khususnya di sempadan Thailand yang mana ianya adalah melibatkan beratus-ratus ribu Ringgit dalam sehari.

Jadi, soal ini tidak membahayakan kita kerana malah ia dapat menolong kita dari segi mencetuskan ataupun menambahkan volume perniagaan direct di antara sempadan. Jadi, setakat ini, kita hanya memikirkan untuk membolehkan penggunaan Ringgit di kawasan sempadan seperti Haadyai, Padang Besar, Danok, di Rantau Panjang. Jadi, itu adalah satu kenyataan yang kita mesti terima, setakat ini untuk utara Malaysia dahulu.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya ada dua soalan tambahan. Pertama, dalam pengetahuan pihak kementerian, manakah negara yang melihatkan kecenderungan mereka untuk datang melabur di Malaysia.

Yang kedua, pinjaman atau hutang tidak berbayar begitu banyak sekali, apakah tindakan kementerian bagi memastikan negara akan dapat kembali hutang-hutang daripada pemiutang tersebut? Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soal pelaburan ini bukan soal negara ataupun kerajaan. Soal pelaburan selalu ditangani oleh pelabur-pelabur. Jadi, di dalam konsep kapitalisme yang hendak diadakan di seluruh globalisasi di mana tidak ada sempadan, pelabur-pelabur yang memegang pada prinsip kapitalisme, mereka tidak kira dari mana negara dan apa dasar sekali pun, yang pentingnya ialah pulangan kepada pelaburan.

Jadi, di sini kalau saya sebut bahawa pelabur-pelabur dari Amerikalah yang paling banyak yang hendak datang ke sini, pelabur dari Belanda, pelabur dari United Kingdom, Australia kerana negara-negara ini merupakan negara yang 200% kapitalisme, jadi kalau kita lakukan ini dari segi negara dia marah, tetapi dari segi pelabur, orang kapitalis ini dia tidak kira apa sahaja asalkan dia memaksimumkan keuntungan.

Jadi apa sahaja kita lakukan dasar kita, tetapi kalau ia dapat memberi keuntungan yang maksimum maka dia tidak kira apakah kita buat benteng ataupun tidak. Jadi di sinilah usaha-usaha kerajaan untuk mewujudkan keyakinan dan juga

mewujudkan iklim pelaburan yang mana kapitalis-kapitalis luar negara dapat melabur di sini.

Pada soalan kedua, hutang tidak berbayar, Yang Berhormat sedia maklum Dewan ini telah meluluskan dua rang undang-undang yang menubuhkan Danaharta Sdn. Berhad yang dahulu dan Danaharta Sdn. Berhad telah pun dapat mengambil alih lebih kurang RM20 bilion hutang yang tidak berbayar sekarang ini dan akan mengambil alih RM20 bilion non performing loan (NPL) iaitu hutang tidak berbayar. Jadi apabila Danaharta dapat mengambil alih daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan, insya-Allah, perkara ini tidak timbul lagi yang mana institusi kewangan tidak lagi mempunyai beban hutang tidak berbayar dan mereka akan terus dapat menjalankan usaha-usaha perbankannya dengan lebih licin jika dibandingkan dengan keadaan di mana kerajaan tidak menubuhkan Danaharta.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan tentang institusi pertukaran wang iaitu institusi pengurup wang. Saya ingin mengemukakan soalan adakah kerajaan sudah berpuashati atau tidak berpuashati tentang peranan yang sudah dimainkan oleh institusi-institusi pengurup wang di negara kita dan kalau perkhidmatan ini sudah memuaskan hati adakah kerajaan bercadang untuk menambah lagi lesen-lesen pengurup wang baru?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dapat mengambil intipati kepada soalan saudara saya Yang Berhormat Hanipah bin Ahmad mengenai dengan lesen, sekarang ini kerajaan sedang melonggarkan pemberian lesen iaitu Bank Negara Malaysia membuka kembali lesen pengurup wang. Mengenai puas hati atau tidak, kerajaan memang berpuas hati dengan kerja-kerja pengurup wang sekarang dan kita meminda Akta Pengurup Wang yang baru lalu iaitu untuk memastikan bahawa kerja-kerja black marketing dan kerja-kerja penyeludupan wang yang mungkin berlaku lantaran daripada dasar kita yang baru dapat di kawal. Itu sebagai satu langkah yang proaktif tetapi apa yang dilakukan oleh pengurup wang sekarang adalah satu perkara yang boleh memuaskan kerajaan iaitu sekarang ini terdapat sebanyak 1084 pengurup-pengurup wang di seluruh negara dan yang paling banyak adalah di Wilayah Persekutuan diikuti oleh Johor dan Pulau Pinang.

Jadi kerajaan melalui Bank Negara pada masa ini akan membuka semula, jikalau sesiapa yang hendak menjadi pengurup wang bolehlah minta borang kepada Bank Negara untuk dipertimbangkan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ini berkenaan dengan dasar sedikit. Bolehkah kita sekarang ini cuba tukar kadar pertukaran tetap (fixed rate for exchange) tapi dengan tidak ada capital control hanya Bank Negara (BNM) sahaja dari masa ke semasa cuba memerhatikan dari segi keluar masuk duit. Ini ada sedikit pertukaran dasar, sampailah masanya kita buat keadaan ini untuk membaiki lagi keadaan kewangan di negara kita.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai capital control ini kita mesti sedar bahawa ianya dilakukan untuk menstabilkan keadaan dan tempoh yang kita beri ke satu tahun untuk pengeluaran wang yang dilabur di dalam BSKL itu adalah semata-mata untuk memastikan satu keadaan yang mana short term capital flow ataupun pengaliran modal jangka pendek tidak berlaku dengan sewenang-wenangnya dalam satu tahun yang kita sedang mengatasi masalah ekonomi negara yang kita hadapi sekarang tetapi kemungkinan cadangan Dato' Zuki itu mungkin dapat diadakan selepas kita telah mencapai keadaan yang lebih stabil, kita mencapai usaha kita untuk mencerna semula pertumbuhan ekonomi kita iaitu satu masalah yang kita hadapi sekarang ialah pengucupan ekonomi akibat daripada permintaan agregat yang merendah sekali. Orang takut hendak belanja sebab itulah tidak berapa lama lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan melancarkan satu program untuk memberangsangkan orang mahu belanja tetapi berbelanja daripada barang-barang consumption kepada baang-barang produktif.

Jadi masalah kita sekarang ialah orang takut hendak berbelanja, industri dalam negeri pun apabila orang tidak berbelanja dia mengurangkan pengeluarannya. Justeru itu akan berlaku deflation. Apabila deflation, ekonomi jadi stagnant jadi speculation. Teori yang Dato' Zuki bangkit dalam perjumpaan tadi adalah relevan. Apabila pengucupan ekonomi berlaku, harga turun dan akibat daripada harga turun itu ekonomi menjadi stagnant maka kita akan menghadapi satu masalah yang cukup buruk yang mana ianya mungkin membawa kita kepada keadaan di Myanmar, Laos ataupun Kampuchea. Inilah yang sedang ditangani oleh

kerajaan supaya ianya tidak berlaku sebab itu kita hendak menggalakkan rakyat kita membelanja khususnya ke atas barangan yang dikeluarkan dalam negeri, barangan luar negeri jangan belanjalah. Macam songkok yang dikeluarkan di Kelantan, songket, belanja yang itu tetapi barangan luar negeri jangan belanja.

Jadi kita mencerna semula pertumbuhan ekonomi kita, insya-Allah, apabila ini berlaku kita akan dapat memulihkan kepada keadaan yang lebih baik.

PROTON – LOTUS - PELABURAN STRATEGIK

6. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) telah mendapat manfaat dari pelaburan 'strategiknya' dengan Lotus.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) telah menguasai 80% ekuiti dalam Lotus Group International Limited (Lotus). Kerjasama dalam pelaburan strategik Proton dan Lotus memberi faedah kepada negara khususnya dalam industri automotif dari segi pemilikan teknologi pembuatan kereta yang berkualiti dan berprestasi tinggi serta mempunyai keupayaan kejuruteraan yang lebih baik dari segi pemanduan, pengendalian, tahap bunyi, gegaran dan kekasaran. Ini secara tidak langsung akan memberi keyakinan kepada pelanggan tentang prestasi dan mutu kereta keluaran Proton.

Sebagai contoh, melalui pengeluaran kereta model-model Satria Gti dan Perdana V6 yang baru diperkenalkan baru-baru ini, Proton telah bekerjasama dengan Lotus Engineering bagi memastikan keseragaman kuasa enjin dengan pemanduan dan pengendalian model-model tersebut. Di samping itu, dengan kerjasama kedua-dua pihak pengurangan juga telah didapati pada tahap bunyi gegaran dan kekasaran.

Lotus juga mempunyai kepakaran yang tinggi dari segi penyelidikan dan pembangunan di bidang automobil. Kesempatan ini dimanfaatkan oleh Proton untuk menggunakan kepakaran jurutera-jurutera Lotus untuk membangunkan keupayaan tertentu di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Proton. Kerjasama dalam pelaburan strategik ini dapat memberikan pasaran yang lebih

baik kepada Proton lanjutan dari jenama atau “brand name” Lotus yang sering dikaitkan dengan kereta-kereta yang berprestasi tinggi.

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selama ini Proton telah pun berjaya mengeluarkan kereta yang berharga sederhana dan harga murah dan kita dapati kualitinya adalah setanding dengan harga yang telah pun diberikan malahan saya rasa bukan sahaja di Malaysia tetapi di luar negara juga telah membuktikan kemampuan dan keupayaan Proton. Soalan saya adakah Proton bercadang untuk mengeluarkan kereta mewah sama standard dengan kereta Mercedes Benz misalnya, dan kalau Proton bercadang untuk mengeluarkan kereta mewah ini mengikut jangka waktunya, bilakah agaknya Proton dapat menghasilkan kereta berkenaan? Terima kasih.

Dato’ Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya sudah pasti pihak Proton harus membuat kajian mengenai pasaran bagi kereta-kereta yang akan dikeluarkan. Jadi Proton sudah pasti mempunyai perancangan untuk mengeluarkan berbagai model kereta termasuk kereta mewah tetapi bergantunglah kepada pasaran permintaan dalam negara kita. Kalau sekiranya permintaan kereta mewah ini meningkat maka sudah pasti Proton mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan kereta-kereta mewah yang bermutu tinggi.

SISTEM UJIAN MEMANDU - PINDAAN

3. **Tuan Jang Chow Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan bercadang meminda undang-undang bersabit dengan ujian memandu memandangkan ada cadangan di mana pemandu baru akan diuji kebolehan menukar tayar sebagai satu syarat untuk lulus ujian memandu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato’ Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya prihatin mengenai perlunya diadakan sistem pengujian memandu yang terbaik untuk melahirkan pemandu yang berhemat dan berdisiplin bagi tujuan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Sebagai usaha mencapai matlamat tersebut sistem pengujian pemandu yang ada sekarang telah pun dipinda di mana salah satu kurikulum baru yang diperkenalkan akan mendedahkan calon-calon pemandu dengan cara-cara penyelenggaraan sesebuah kenderaan termasuk cara-cara menukar tayar. Walau bagaimanapun kebolehan menukar tayar oleh calon-calon

pemandu bukanlah merupakan satu syarat untuk lulus ujian memandu tetapi ianya hanya sebagai pelajaran yang akan memberi manfaat kepada bakal pemandu mengenai cara-cara macam mana sesebuah kenderaan dapat diselenggara dan dipandu berada dalam keadaan sempurna.

Memandangkan modul baru ini merupakan sebahagian daripada pindaan yang dibuat ke atas sistem ujian memandu mengikut kurikulum baru ianya tidak melibatkan pindaan undang-undang kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sekian.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pernah terbaca dalam surat khabar yang menyebutkan bahawa 20,000 orang penunggang-penunggang motosikal terutamanya di luar bandar tidak mempunyai lesen. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kenyataan ini satu kenyataan yang benar? Jika benar, apakah usaha-usaha daripada pihak kementerian untuk menentukan supaya penunggang-penunggang motosikal ini yang saya difahamkan melalui rencana tersebut adalah terdiri daripada mereka yang telah berumur mempunyai motosikal, tidak mempunyai lesen. Apakah program-program yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menentukan supaya mereka ini dapat diusahakan mendapat lesen-lesen memandu motosikal. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dibaca oleh Yang Berhormat memang benar. JPJ mendapati bahawa begitu ramai orang kampung khususnya pemuda-pemudi, oleh kerana mereka berada atau bermastautin di pedalaman negeri ataupun di kampung-kampung maka pemeriksaan polis dan rondaan polis tidak begitu ketat dan oleh yang demikian mereka hanya apabila mereka tahu macam mana untuk menunggang motosikal bahkan memandu kereta, mereka terus dengan tidak mempunyai lesen, tidak pergi mengambil ujian, terus menunggang motosikal dalam persekitaran kampung-kampung ataupun bandar-bandar yang kecil.

Tetapi untuk mengatasi masalah ini, JPJ baru-baru ini telah pun memperkenalkan satu program iaitu 'JPJ dan Anda'. Ini bermaksud JPJ akan turun

ke kampung-kampung dan bandar-bandar kecil di mana penduduk-penduduk dalam kampung-kampung dan bandar-bandar kecil diberikan peluang untuk mengambil peperiksaan yang dikendalikan oleh JPJ. Orang ramai digalakkan supaya mereka juga mengambil kursus dan mendapat lesen baharulah diberikan kebenaran untuk menunggang motosikal ataupun memandu kereta. Ini sedikit sebanyak telah pun meningkatkan kesedaran di kalangan orang kampung betapa pentingnya mendapat lesen sebelum memandu ataupun menunggang motosikal. Sekian.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah benar dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan sekarang ini ada sindiket lesen memandu yang dikeluarkan oleh sama ada dengan kerjasama pegawai di JPJ ataupun oleh agen-agen lain. Kalau ianya benar, bagaimanakah kedudukan yang sebenarnya.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengenai sindiket yang menjalankan kegiatan-kegiatan mengeluarkan lesen-lesen palsu ataupun mengeluarkan lesen-lesen yang benar dengan kerjasama yang tidak sah dengan pegawai-pegawai JPJ. Memang ini ada dan selama ini JPJ memang tahu tentang keadaan ini tetapi sukar untuk JPJ ataupun penyiasat-penyiasat dapat mengambil tindakan yang sesuai ataupun tindakan di mana sindiket-sindiket ini dapat ditangkap tetapi baru-baru ini pula JPJ telah pun mengadakan satu task force di mana kegiatan sindiket-sindiket ini sentiasa ataupun mula di 'monitor' dan kita haraplah dengan tindakan yang dijalankan oleh task force ini kita dapat menyiasat juga menangkap sindiket-sindiket yang buat lesen palsu ini. Sekian.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengenai dengan pelumba-pelumba motosikal haram di kalangan anak-anak muda kita yang semakin menjadi-jadi. Apakah langkah yang telah diambil oleh JPJ mahupun polis trafik untuk membendung masalah ini dan kita lihat bukan sahaja membahayakan anak-anak muda kita ini bahkan pengguna-pengguna jalan raya. Ianya sering berlaku pada malam minggu dan juga musim

cuti. Jadi saya berharap perkara ini dapat kita bendung sebelum menjadi lebih teruk lagi.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dua hari yang lepas di dalam jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat saya telah pun beritahu iaitu satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah membuat kajian semula mengenai pindaan-pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan termasuk Kanun Kesiksaan. Memanglah dalam jawatankuasa ini terdiri dari ramai wakil terdiri dari Polis Diraja Malaysia, Peguam Negara dan lain-lain agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan sekarang kita dalam peringkat yang terakhir untuk membuat pindaan iaitu mengenai pelumba haram kita ingin menambah satu peruntukan lagi di bawah Kanun Kesiksaan iaitu Seksyen 279A, di mana tafsiran 'lumba haram' diberikan tafsiran yang baru dan lebih luas, definisinya diperluaskan di mana pelumba-pelumba haram, jika selepas undang-undang ini diluluskan, maka kita dapat sekali gus membendung kegiatan yang tidak sihat ini. Memang pindaan-pindaan ini akan dibentang di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara, kemungkinan pada sesi akan datang iaitu tahun hadapan.

MASALAH PEMBERHENTIAN PEKERJA - LANGKAH MENANGANI MASALAH

4. **Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba** [*di bawah S.O. 23(2)*] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan secara terperinci perancangan-perancangan Kementerian untuk menangani masalah pemberhentian pekerja berikutan langkah Kementerian menolak cadangan untuk menubuhkan "National Retrenchment Fund" oleh Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC).

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan baru-baru ini untuk menolak cadangan daripada sebuah pusat perburuhan untuk menubuhkan suatu National Retrenchment Fund, dengan izin, langsung tidak menjejaskan inisiatif-inisiatif kerajaan dalam menangani isu-isu mengenai pemberhentian kerja dan isu-

isu lain misalnya kerajaan baru-baru ini telah pun membuat keputusan untuk melantik Saudara Zainal Rampak, seorang ahli Trade Union yang terulung di negara kita sebagai Ahli Yang Berhormat tanpa sebarang desakan di atas inisiatif kerajaan sendiri, adalah suatu contoh dan bukti bahawa kerajaan ingin pekerja kita diperjuangkan nasib mereka dengan lebih berkesan.

Di samping itu, tujuan kerajaan sepanjang masa dari segi pemberhentian kerja adalah untuk mencegah pemberhentian kerja. Itulah sebabnya kita telah meminda peraturan yang berkaitan baru-baru ini di mana kita mestikan setiap majikan memberi notis sebulan dahulu kepada Jabatan Buruh sebelum mereka memberhentikan pekerja-pekerja mereka. Dengan cara itu kita dapat memujuk mereka untuk mengelak pemberhentian pekerja mereka, dan kalau mereka hendak memberhentikan juga kita akan pujuk juga mereka supaya mungkin cari jalan untuk mengurangkan gaji dengan persetujuan kedua-dua pihak, dan kalau juga mereka hendak memberhentikan pekerja mereka kita juga akan memastikan supaya konsep-konsep yang telah pun ditetapkan seperti 'last in first out' dan sebagainya diamalkan.

Di samping itu, tumpuan kerajaan dalam menangani isu berkenaan ialah untuk memastikan majikan-majikan

melakukan pemberhentian pekerja secara teratur dan mengikut peraturan-peraturan yang ada termasuklah menolong pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja mendapatkan bayaran pampasan yang sepatutnya mengikut Undang-undang Buruh. Dalam hubungan ini, sukalah saya maklumkan bahawa lebih 80% ataupun RM248,962,000 daripada jumlah faedah pemberhentian kerja sudah pun dibayar oleh majikan-majikan dan bakinya masih dalam proses pembayaran. Ini bermakna kebanyakan apa yang perlu dibayar telah pun dibayar oleh majikan-majikan yang berkaitan. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia juga akan membantu sedaya yang boleh agar pekerja-pekerja terbabit mendapat pekerjaan ganti ataupun mengikuti kursus latihan semula dan meningkatkan kemahiran mereka.

Bagi pekerja-pekerja yang terpaksa diberhentikan kerana majikan mereka jatuh muflis pula, kerajaan telah memperkukuhkan lagi jaminan kepada pekerja tentang bayaran pampasan dengan meminda seksyen 31, Akta Pekerja 1995. Pindaan tersebut yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1998 membolehkan pekerja-pekerja mendapat keutamaan yang lebih tinggi daripada pemiutang bercagar bagi gaji, faedah pemberhentian kerja, gaji cuti tahunan, gaji cuti sakit, gaji cuti umum dan elaun bersalin apabila harta kepunyaan majikan yang muflis itu dijual atau wangnya di'garnish' atau ditahan.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Kerajaan Malaysia yang telah melantik saya sebagai Senator untuk menyuarakan pendapat para pekerja di Dewan yang mulia ini. Soalan tambahan saya ialah apakah perlindungan masa depan kaum pekerja? Itu yang pertama. Jadi, kalau sekiranya kerajaan telah menolak cadangan yang telah dikemukakan oleh MTUC, apakah cadangan lain yang akan dibuat oleh kerajaan selain daripada perundangan yang ada? Soal pokoknya jika sebuah syarikat jatuh muflis, hendak lelong harta syarikat pun hendak bayar hutang terlebih dahulu dan tidak ada baki untuk membayar gaji pekerja ataupun pembayaran faedah persaraan dan sebagainya. Itulah sebab MTUC meminta supaya ditubuhkan satu skim yang dinamakan Skim Penamatan Perkhidmatan. Saya jangka skim ini bukan sahaja akan dapat menolong pekerja, tetapi juga menolong negara sendiri jika sekiranya seorang pekerja membayar RM1, majikan RM1, sebulan RM2 disimpan dalam PERKESO – PERKESO punya keahlian 5.3 juta, kita boleh menyimpan sebanyak RM10.6 juta sebulan, setahun wang ini bertambah baik dan bertambah besar, dan dengan ini akan dapat menolong bank memberi pinjaman kepada yang lain dan ekonomi akan bergerak untuk menolong peniaga dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin untuk merujuk semula kepada Deklarasi APEC yang telah bersidang pada 18 November 1998.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu soalan tambahankah?

Tuan Zainal bin Rampak: Ya, ini soalan tambahan. Soalan tambahan ini ada hubung kait dengan isu perkara ini. Dengan izin, saya bacakan, keputusan APEC menyatakan, *“Given reformation of the crisis and the important of the addressing social what ever it is, we agreed that the matter of high priority, APEC should identified effort to address the social impact of the crisis. In particular with direct our ministers to work with World Bank, The ADB, The Inter-American Development Bank and where appropriate public and private*

institution to formulate prejudice of concrete action in threatening social safety union. We are looking forward to receiving a report in our next meeting.”

Jadi, saya ingin tahu kenapa tidak kerajaan memikirkan dan adakah Kementerian Sumber Manusia boleh memikirkan semula dan mengadakan perbincangan dengan Kesatuan Sekerja dan pihak majikan, tubuhkan satu jawatankuasa kecil untuk mengkaji keseluruhannya, keputusan APEC dan juga demi untuk kepentingan pekerja dalam negara ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, cadangan MTUC memanglah baik. Bukan maksud kerajaan tolak cadangan itu oleh sebab ianya tidak baik. Cuma kerajaan rasa dari segi dollar and cent ianya tidak viable pada ketika ini. Itu sebenarnya, bukan oleh sebab cadangan itu tidak baik. Memang kerajaan berniat baik, cadangan yang baik. Cuma tidak viable, tidak praktikal dari segi dollar and cent.

Mengenai Deklarasi APEC sebagaimana yang telah dibaca oleh Yang Berhormat, ini baru sudah. Kita akan ambil pelbagai langkah bersama-sama dengan negara APEC yang lain untuk formulate pelbagai peraturan untuk menjaga kepentingan pekerja. Jadi, ini akan bermula tidak lama lagi. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat memang pun ketahui di negara kita mengamalkan dasar tripartite, bermakna kalau kerajaan pergi mana, di mana boleh, di mana dibenarkan kita bawa bersama wakil-wakil pekerja dan juga majikan dan kita memperjuangkan bersama untuk kepentingan pekerja.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari kerajaan tentang kedudukan yang sebenar sekarang tentang pemberhentian pekerja-pekerja kilang plastik tempoh hari di negeri Kedah. Adakah perkara ini telah disampaikan kepada pihak kerajaan, dan saya ingin mendapat penjelasan apakah kemungkinan perkara ini masih berlaku terhadap pekerja-pekerja?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sebenarnya saya tidak tahu syarikat yang mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat kerana syarikat

plastik ini banyak. Tetapi kalau beritahu nama spesifik, insya-Allah, kita akan ambil tindakan. Sebagaimana yang saya telah berkali-kali mengatakan jumlah pekerja tahun ini setakat ini yang telah diberhentikan kerjanya ialah 72,851 orang. Itu sahaja, dan hampir sebahagian besar dari pekerja-pekerja ini sudah pun mendapat kerja ganti. Yang masih mungkin menganggur itu adalah oleh sebab mereka tidak mahu pindah tempat. Mereka tunggu tempat yang lebih sesuai ataupun mereka ini di peringkat graduan dan sebagainya. Di peringkat itu sudah tentu mereka akan mengambil masa sedikit untuk dapat kerja ganti. Jadi, keadaan tidaklah sebegitu buruk sebagaimana yang terdapat di negara-negara lain.

DAGING LEMBU – MENINGKATKAN PENGELUARAN

5. **Dato' Ting Chek Sii** minta Menteri Pertanian menyatakan mengikut statistik Kementerian Pertanian, negara kita cuma mampu menghasilkan 20% keperluan daging lembu. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan lagi pengeluaran daging lembu dan bilakah negara kita dijangka dapat mengeluarkan daging lembu secukupnya untuk memenuhi tempatan.

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian untuk memenuhi permintaan serta untuk meningkatkan keluaran bekalan daging lembu adalah seperti berikut:

- (i) mengenal pasti kawasan yang berpotensi di seluruh negara bagi tujuan pengeluaran pedaging;
- (ii) menggalakkan penyertaan sektor perladangan tanaman kekal termasuklah peladang-peladang untuk menternak lembu secara komersial melalui sistem integrasi di dalam ladang, iaitu menjadikan ladang tanaman kekal seperti kelapa sawit dan getah sebagai ladang ragut.

Selain dari itu, kerajaan juga meminta syarikat milik kerajaan memiliki kawasan sawit seperti FELDA, FELCRA dan RISDA dan lain-lain agensi pertanian di peringkat negeri melibatkan secara sama, dan menggalakkan penyertaan sektor swasta supaya menternak lembu feedlot secara besar-besaran dan memberikan sokongan dan bantuan khidmat nasihat oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan kepada

pengusaha-pengusaha lembu pedaging sedia ada untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti lembu yang diternak melalui perkhidmatan teknikal dan peningkatan kualiti baka jantan. Terus membenarkan import daging dan ternakan sembelih dari luar negara sebagai usaha mengurangkan tekanan kepada stok asas negara, dengan demikian populasi ternakan pedaging dapat meningkat.

Melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan, kerajaan juga mengambil tindakan memastikan ternakan yang ada bebas dari penyakit-penyakit yang boleh mengurangkan produktiviti ternakan yang ada dan seterusnya memperkukuhkan lagi kemampuan dan kualiti perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Haiwan kepada para pengusaha. Dengan demikian, bidang usaha mereka lebih berdaya maju.

Berdasarkan kepada keadaan agroiklim kawasan yang sesuai untuk ternakan serta kadar pertumbuhan pengeluaran dan permintaan, negara berupaya memenuhi antara 24% - 25% daripada permintaan tempatan dari tempoh menjelang tahun 2010.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daging-daging yang diimport ke negara kita ini, daging yang datang dari luar negara, bagaimana pengawalan tentang kualitinya dan penjagaan halal haram daging tersebut.

Soalan yang kedua, kementerian memang telah pun menggalakkan bagi pihak RISDA pekebun kecil, peladang untuk memelihara lembu di ladang-ladang, jadi adakah apa-apa bantuan atau pinjaman wang untuk penggalakan tersebut dan sejauh manakah kemajuan yang telah didapati pembelaan tersebut di ladang-ladang.

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, segala daging yang kita import daripada luar negara mestilah dipastikan dari segi kualitinya, ini dikawal oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan bahkan sampel-sampel diambil dan diuji untuk menentukan bahawa ianya tidak mengandungi penyakit begitu jugalah tentang halal haramnya. Pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan pergi memeriksa abattoir tempat daging itu dikeluarkan

terutama sekali dari India dan juga daripada Australia dan New Zealand, dari aspek halal haram dipastikan dahulu sebelum kita membenarkan daging itu diimport.

Tentang pinjaman kepada penternak-penternak di kawasan FELDA, FELCRA dan lain-lain, saya rasa kalau mereka memerlukan pinjaman ini saya yakin mereka boleh memohon di bawah pinjaman dana makanan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tamabahan. Saya ucapkan terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat Menteri Pertanian sebentar tadi, saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri sebagaimana yang kita maklum dengan adanya Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang mempunyai pegawai-pegawai yang ada kemahiran dan pendidikan dari segi ilmu kehaiwanan ini mereka telah pun memberi khidmat nasihat yang mungkin mampu untuk menghasilkan pengusaha-pengusaha yang dapat membekalkan ternakan untuk memenuhi keperluan negara tetapi kita dapati sehingga sekarang perkara ini tidak menjadi kenyataan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat terutamanya dari segi skim galakan. Apakah skim-skim galakan yang disediakan oleh kerajaan supaya pengusaha-pengusaha ini dapat manfaat dan juga menjadi sebagai satu dorongan kepada mereka untuk mereka menternak lembu-lembu dan juga ternakan-ternakan yang lain.

Keduanya saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, adakah pihak kementerian pernah membuat kajian dari segi viability sesuatu projek kerana daripada dahulu sehingga sekarang kita tidak dapat melihat sesebuah ladang yang luas yang dapat dijadikan contoh dalam negara kita. Apakah perkara ini tidak menjadi kenyataan kerana ia tidak viable ataupun sumber-sumber untuk memelihara ternakan ini tidak mencukupi, umpamanya penyediaan makanan dan sebagainya.

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di antara galakan yang diberi oleh kita ialah soal khidmat nasihat di mana kepakaran daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan boleh

diperolehi. Di samping itu pinjaman daripada fund yang ada pada kerajaan saya rasa boleh diperolehi dan daripada sudut kajian mengenai viability projek-projek ini memang ada, kalau sekiranya ada di kalangan para penternak ingin mengetahui perkara ini mereka bolehlah merujuk perkara ini sama ada kementerian ataupun Jabatan Perkhidmatan Haiwan di mana insya-Allah kita akan memberi apa juga pertolongan yang boleh.

Daripada segi sumber, satu masalah yang dihadapi oleh kita dalam usaha kita hendak meningkatkan pengeluaran daging tempatan ini ialah untuk mendapat baka, terutama sekali lembu betina kerana sukar kita hendak mendapat lembu betina ini. Kita telah berusaha untuk mendapat daripada negara-negara Asean akan tetapi saya sendiri pergi ke Vietnam dan Myanmar umpamanya, tetapi negara-negara ini mempunyai dasar tertentu iaitu dengan izin, conservation policy, di mana mereka itu tidak mahu membenarkan lembu betina dieksport kerana mereka sendiri juga memerlukannya. Bahkan di negara Burma umpamanya, mereka mempunyai satu dasar di mana lembu itu tidak boleh dieksport selepas 16 tahun. Siapa yang hendak import lembu betina yang 16 tahun, tidak dapat beranak lagi. Jadi inilah di antara masalah yang dihadapi oleh kita.

Daripada segi makanan tadi, saya rasa soal makanan tidak cukup itu mungkin tidak timbul kalau sekiranya kita dapat nasihat daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan, kalau tidak cukup rumput ada benda-benda lain yang boleh digunakan untuk makanan binatang ini, bahkan di perusahaan yang menggunakan feetlot, umpamanya di Johor menggunakan hampas nanas dan lain-lain lagi.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kalau tidak silap saya ada kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa dalam tahun 2010 kita akan dapat menghasilkan 24% hingga 25% daripada keseluruhan permintaan daging lembu. Saya tidak tahu sama ada ini satu keputusan yang realiti tetapi apakah sebenarnya yang menghalang kita untuk mengeluarkan lebih daripada 100% lembu daging ini, setelah sekian lama kita merdeka dan kita menghadapi masalah import yang begitu lama dan mungkin Menteri, kementerian

dan kerajaan mempunyai constrain dan limitasinya yang hanya menganggarkan hanya 25%.

Jadi apakah tidak ada rancangan kita untuk membekalkan daging ini ke tahap mungkin melebihi 100% supaya kita menjadi pengeksport kerana kita nampak banyak di antara ladang-ladang melalui pandangan Yang Berhormat Menteri tadi melalui perladangan intergrasi umpamanya di KETENGAH baru-baru ini diumumkan oleh kerajaan negeri untuk mengadakan 200,000 ekor lembu. Jadi apakah Yang Berhormat Menteri boleh menyatakan pada hari ini berapa juta ekor lembukah dalam satu masa yang sebenarnya mencukupi program pembekalan daging lembu untuk rakyat di negara kita, kalau targetnya 100%.

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi iaitu kita mengenal pasti beberapa kawasan dan setakat ini kita dapati bahawa ada lebih kurang 1.5 juta hektar tanah yang dianggar sesuai untuk menternak lembu ini. Kalau kita lihat daripada statistik yang ada pada saya, pengeluaran kita dalam tahun 1995 lebih kurang 16.9 ribu tan, ekornya saya tidak tahu, angka tidak ada di sini dan tahun 2010 58.6 ribu tan. Permintaan tempatan, tahun 1995 88,000 tan, manakala tahun 2010 240,000 tan. Penggunaan per kapita meningkat daripada 4.3% tahun 1995 kepada 8.5% tahun 2010. Terpaksa kita import 72.2 ribu tan tahun 1995 dan tahun 2010 190.4 juta tan.

Jadi kalau kita lihat walaupun kita mengeluarkan banyak, consumption pun meningkat juga. Sebenarnya masalah yang dihadapi oleh kita selain daripada kekurangan kawasan ragut juga benih baka, masalah yang kita hadapi sekarang hendak mendapat lembu betina, lembu jantan tidak kira sangat, kita tidak perlu lembu jantan kita boleh gunakan lembu betina sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau manusia jantan, guna atau tidak?

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Seekor lembu betina boleh 40 ekor lembu jantan. Jadi itulah masalah yang dihadapi oleh kita dan saya rasa kita sukar hendak mendapatkan 100% pengeluaran daging lembu. Akan

tetapi dalam ternakan lain seperti ayam umpamanya dan khinzir, pengeluaran kita adalah berlebihan daripada pengeluaran kita. Di samping itu sebagai punca protin kita juga menggalakkan ternakan ikan bagi menggantikan keperluan daging bahkan protin daripada ikan itu lebih baik daripada daging.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian berhasrat untuk mewajibkan mana-mana sektor perladangan sebagai contoh barangkali FELCRA atau FELDA, 20% daripada kawasannya diwajibkan untuk memelihara lembu-lembu sebagaimana yang kita perlukan dan yang kedua kenapakah tidak seperti barangkali pengeluaran daging kerbau ini kita cuba gunakan untuk memenuhi keperluan yang diperlukan oleh negara. Terima kasih.

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita ternak semua, lembu, kerbau pun kita ternak juga. Tetapi soal hendak mewajibkan ladang-ladang 20% daripadanya sebagai satu contoh, saya rasa daripada segi FELCRA, FELDA dan ladang-ladang kerajaan ini saya rasa tidak ada masalah bahkan yang banyak mengeluarkan lembu-lembu ialah di ladang FELCRA, FELDA dan RISDA. Bahkan baru-baru ini Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah pun meluluskan satu cadangan daripada Kerajaan Pahang untuk mengadakan satu usaha pemeliharaan lembu secara integrasi dengan besar-besaran.

Setakat ini saya tahu bahawa Kerajaan Negeri Johor menerusi Yayasan Pendidikan telah pun mengadakan projek seperti ini dan baru-baru ini MTEN telah meluluskan cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk mengeluarkan daging secara besar-besaran. Tetapi dukacitanya, sambutan daripada pihak ladang swasta adalah tidak menggalakkan sama sekali. Jadi mengapa begitu saya tidak tahu. Saya sendiri pernah bercakap dengan pihak ladang dan sambutannya adalah begitu dingin. Saya sudah berbuat demikian, Menteri Perusahaan Utama sudah berbuat demikian, Menteri dengan Tugas-Tugas Khas sudah berbuat demikian, bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri

pun pernah, saya difahamkan bercakap dengan pihak tuan punya ladang ini supaya menggunakan ladang itu sebagai padang ragut. Kalau mereka sendiri tidak mahu membuatnya, maka benarkanlah orang lain menggunakan ladang itu sebagai padang ragut.

Alasan yang saya terima daripada salah satu tuan punya ladang ialah kerana mungkin merosakkan ladang dan juga dia kata, kalau lembu itu dibiarkan di sana maka kotorlah dengan najis, sukarlah buah kelapa sawitnya terpaksa dicuci dan lain-lain lagi. Saya rasa itu satu alasan yang boleh kita atasi. Tetapi kalau ianya terbukti merosakkan ladang itu oleh kerana mungkin tanahnya tidak begitu keras, maka itu munasabah, tetapi saya tidak percaya bahawa ladang-ladang kelapa sawit yang besar-besar begitu semuanya daripada tanah gambut. Jadi daripada aspek untuk memaksakan itu perlulah meminta mereka mengadakan 20% daripada ladang untuk dijadikan tempat ternakan. Dalam ladang-ladang kerajaan ataupun agensi-agensi saya rasa tiada masalah bahkan mereka hendak berbuat sendiri. Tetapi masalah ini ialah ladang-ladang swasta.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mungkin ini soalan tambahan yang terakhir. Soalannya, saya ingin mendapat penjelasan negara manakah yang menjadi pengeksport lembu utama untuk Malaysia? Yang kedua, adakah benar yang menyatakan cita rasa lembu import itu lebih enak daripada daging lembu tempatan. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu kebanyakan daging yang digunakan oleh kita di Malaysia ini ialah daripada India. Lebih kurang 80% daripada daging yang diimport dari India dan kebanyakannya daging-daging kerbau. Tetapi kita pun tahu daging ini adalah lebih murah daripada daging yang lain. Selain daripada itu, kita juga mengimport daging daripada Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat tetapi itu hanya untuk dengan izin, neat market sahaja, akan tetapi kebanyakan daging yang kita gunakan adalah daripada India dan sebabnya ialah kerana daging daripada sana adalah murah, jauh lebih murah daripada daging tempatan. Kerana daging

tempatan sepertimana yang kita sedia maklum, harga nya lebih di antara RM10 – RM13. Tentang rasa itu, tidak tahulah, saya rasa sama sahaja kalau dah dikarikan itu tidak tahu yang mana daging lembu, yang mana satu daging kerbau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail. Hari ini saya beri lebih sedikit masa sebab kita ada usul satu sahaja.

KEKURANGAN BEKALAN MINYAK MASAK – CARA MENGATASI

6. **Dato' Haji Ahmad Ismail** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah kerajaan bercadang mengarahkan kilang menghantar serta-merta minyak masak ke kawasan yang mengalami kekurangan bekalan tersebut.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Tuan Jan Chow Thye yang dijadualkan pada 10 Disember 1998 dan soalan dari Yang Berhormat Dato' Mohd Zuki Kamaludin yang dijadualkan pada 15 Disember 1998. Terima kasih.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan memang telah mengambil tindakan segera apabila berlakunya kekurangan minyak masak yang meruncing di satu-satu kawasan dengan mengarahkan kilang-kilang penapis menghantar bekalan minyak masak tambahan ke kawasan-kawasan yang terlibat sepertimana yang dilakukan sebelum ini bagi negeri Kelantan pada pertengahan bulan Oktober yang lalu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kekurangan minyak masak yang berlaku di beberapa negeri di kawasan sempadan baru-baru ini adalah bagi minyak masak yang diberi subsidi di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak mulai 16 Disember 1997. Oleh kerana harga minyak masak di bawah skim ini adalah lebih rendah berbanding dengan harga di pasaran terbuka dan harga di negara-negara jiran, maka terdapat kecenderungan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengambil kesempatan mengaut untung daripada skim ini dengan

menyalahgunakan kemudahan skim dan menyeludup keluar minyak masak ke negara-negara jiran.

Tambahan pula, beberapa kategori pengguna industri yang tidak layak telah juga mendapat bekalan minyak masak subsidi ini. Oleh yang demikian walaupun penggunaan minyak masak adalah sebanyak 35,000 tan metrik sebulan, penggunaan minyak masak subsidi telah mula melebihi paras ini mulai April 1998 sehingga mencapai 45,000 tan metrik sebulan menjelang bulan Julai 1998. Peningkatan ini telah menjejaskan kedudukan kewangan skim untuk membiayai subsidi yang berkenaan.

Untuk menghalang peningkatan penggunaan minyak masak secara berterusan, kuota sebanyak 35,000 tan metrik telah dikenakan bagi urusan minyak masak di bawah skim ini yang diagihkan kepada kilang-kilang penapis.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkemas lagi pelaksanaan skim supaya tidak menjejaskan bekalan minyak masak di pasaran dalam negeri, kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) melarang sama sekali penggunaan minyak masak subsidi oleh pekilang dan pembuat makanan dan bukan makanan dan juga jualan untuk makanan ternakan;
- (ii) melarang sama sekali urusan atau jualan minyak masak subsidi kepada peniaga-peniaga yang bukan berstatus berbungkus dan tidak mempunyai peralatan membungkus;
- (iii) membekukan kebenaran bagi warganegara asing membawa keluar minyak masak sehingga 2 kilogram seorang.

Adalah diakui bahawa pada peringkat awal pelaksanaan sistem kuota ini telah menimbulkan masalah bekalan di beberapa buah negeri. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan ini sebuah Jawatankuasa Pemantuan Pengedaran Minyak Masak telah diwujudkan di peringkat kebangsaan, bagi memantau dan menyelaras penghantaran minyak masak tiap-tiap

bulan serta mengenalpasti kawasan-kawasan yang mungkin mengalami kekurangan bekalan, dan agihan kuota dibuat semula pada bulan berikutnya, jika perlu.

Sementara itu di peringkat negeri-negeri pula, PORLA telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi menentukan minyak masak yang dihantar ke negeri-negeri, benar-benar dijual kepada mereka yang layak membeli minyak masak yang subsidi itu. Manakala bagi kes-kes kekurangan bekalan yang meruncing, PORLA akan terus mengarahkan kilang-kilang penapis menghantar bekalan minyak masak tambahan ke kawasan berkenaan dengan segera. Terima kasih.

KEMPEN ANTI-ALKOHOL - KESEDARAN

7. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kesihatan menyatakan cadangan untuk memperluaskan kesedaran dan kempen anti-alkohol melalui media elektronik di kalangan orang ramai, khususnya pelajar-pelajar sekolah.

[Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan] Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memperluaskan kesedaran di kalangan generasi muda adalah melalui beberapa pendekatan termasuk juga media elektronik.

Aktiviti-aktiviti bagi pencegahan penyalahgunaan alkohol antara lain ialah:

- pendekatan kesihatan - melalui ceramah-ceramah, penyediaan bahan-bahan pendidikan mengenai alkohol dan bahan-bahan untuk pameran.
- Perundangan - meneruskan usaha-usaha untuk meminda Peraturan Makanan 1985 di bawah Akta Makanan 1983 iaitu untuk minuman beralkohol. Satu aspek yang dicadangkan adalah pembatasan penjualan kepada mereka di bawah 18 tahun.
- Strategi-strategi lain termasuklah memperkukuhkan rawatan dan rehabilitasi dari segi pengesanan penyalahgunaan alkohol dan penagihan alkohol.

Satu pelancaran Kempen Cara Hidup Sihat di estet akan diadakan pada 10 Disember 1998 di Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan. Satu aspek yang akan diberi fokus adalah meningkatkan kesedaran tentang kesan alkohol kepada kesihatan. Sekian, terima kasih.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa salah satu cara untuk menimbulkan kesedaran dan kempen anti-alkohol ialah dengan pembatasan jualan di bawah umur 18 tahun. Soalan saya bagaimanakah pihak kementerian dapat menguatkuasa dan melaksanakan pembatasan ini kerana kita tahu ia agak susah hendak dilaksanakan tetapi saya percaya mungkin ada caranya kementerian dapat laksanakan. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan kepada Peraturan Makanan 1985 di bawah Akta Makanan, kita boleh dapat kuasa.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sebagaimana yang telah kita maklum, di akhir-akhir ini kos pembiayaan untuk pesakit-pesakit seperti pesakit buah pinggang, kanser dan sebagainya memakan kos yang begitu tinggi dan ini membebankan bagi golongan yang berpendapatan rendah. Adakah kementerian bercadang untuk menyediakan satu tabung supaya dalam kes-kes seumpama ini tidaklah mereka ini tulis di surat khabar, menadah tangan di sana sini dan menjadikan satu keriuhan di kalangan masyarakat. Oleh itu kita rasa sudah sewajarnya kita mengadakan satu tabung supaya pesakit-pesakit yang menderita ini dapat kita bantu dan tidaklah timbul suasana-suasana yang memilukan rayuan melalui akhbar dan lain-lain. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan dari Yang Berhormat berkenaan, pesakit-pesakit yang tidak mampu mendapat rawatan ataupun tidak boleh pergi ke hospital, mereka boleh mohon dengan Pengarah Hospital untuk dikecualikan bayaran dari hospital, boleh dapat percuma, bukan minta dari wakil-wakil rakyat ataupun lain-lain. Mereka boleh memohon kepada

Pengarah Hospital untuk mendapat pengecualian atau rawatan percuma dari hospital.

KWSP - PENYELAMAT KEPADA SYARIKAT BERMASALAH

8. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Kewangan menyatakan bolehkah KWSP dapat terus bertahan kukuh jika ia secara berterusan digunakan untuk membantu syarikat-syarikat yang bermasalah. Di samping itu apakah penggunaan berterusan caruman KWSP yang diperolehi dari caruman para pekerja akan melemahkan sumber itu seperti yang berlaku sekarang di mana pengeluaran dilakukan secara besar-besaran.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan KWSP sama ada dalam bentuk pinjaman atau ekuiti bukanlah sebagai penyelamat kepada syarikat yang bermasalah. Aktiviti pelaburan dilakukan secara berterusan sejak dahulu lagi sebelum krisis ekonomi. Pemberian pinjaman atau pembelian ekuiti dilakukan secara teliti dengan melihat fundamental dan potensi syarikat berkenaan untuk memberikan pulangan serta mampu membayar balik pinjaman. KWSP tidak boleh dengan sewenang-wenangnya melakukan pelaburan kerana diawasi oleh Kementerian Kewangan. Kedudukan kewangan KWSP adalah teguh dan tiada sebarang masalah untuk membayar pengeluaran yang dilakukan oleh ahli-ahli. Walaupun pengeluaran oleh ahli-ahli KWSP meningkat pada peringkat awal krisis ekonomi tetapi ini telah semakin berkurangan sejak keadaan ekonomi semakin pulih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang kadangkala memberi penerangan kepada orang ramai berkenaan dengan kedudukan kewangan kita di Tabung Haji, di KWSP, di SOCSO. Jadi ini akan meyakinkan lagi rakyat kita bahawa dari segi kewangan KWSP adalah teguh. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, bagaimana kita boleh meyakinkan lagi bahawa KWSP ini kewangannya adalah teguh dan apa yang dilaburkan itu adalah dalam syarikat-syarikat yang mempunyai fundamental yang kukuh supaya orang ramai tahu dalam

surat khabar, dalam kenyataan di balai-balai raya dan sebagainya sebab KWSP ini ia dilabur oleh seluruh rakyat negara yang bekerja dengan kerajaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, butiran ataupun maklumat mengenai dengan kekukuhan KWSP ini selalu kita dapat baca dalam akhbar dan melalui jawapan-jawapan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tabung KWSP sekarang adalah hampir mencapai RM140 bilion dan kita sedia maklum bahawa segala pelaburan KWSP adalah dirancang dan diawasi oleh satu panel pelaburan yang terdiri daripada pakar-pakar di dalam bidang kewangan dan ini sedang dilakukan dan juga pelaburan-pelaburan ini dibuat dengan begitu teliti. Ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa walaupun KWSP diberi 25% untuk pelaburan ekuiti, setakat ini hanya 19% sahaja yang dilakukan dan saya nyatakan sekali lagi bahawa tidak ada wang KWSP yang digunakan sewenang-wenang untuk bail-out mana-mana syarikat dan syarikat-syarikat yang mana KWSP melabur kebanyakannya adalah di bawah guarantee kerajaan dan lain-lain yang bukan di bawah guarantee kerajaan adalah berasaskan kepada fundamental dan kebolehan mereka membayar balik pinjaman ini. Jadi itulah sahaja yang dapat saya beritahu bahawa kedudukan wang di dalam dana KWSP adalah teguh dan selamat.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Soalan saya ialah sejak krisis ekonomi tahun lepas, berapa buakkah syarikat-syarikat yang mana KWSP telah membuat pelaburan secara ekuiti? Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bilangannya saya tidak dapat beritahulah tetapi ekuiti hanya di dalam BSKL dilakukan pelaburan ekuiti tetapi di dalam syarikat-syarikat lain setakat krisis berlaku saya difahamkan tidak ada pelaburan-pelaburan secara ekuiti.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah pun menjelaskan kepada kita bagaimana keadaan dan kedudukan

KWSP yang sebenarnya. Saya kira bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir di Dewan ini memang kita mempunyai keyakinan penuh kepada ketelusan dan juga professionalism pegawai-pegawai yang ada dalam KWSP dan juga pihak pembuat dasar dalam KWSP. Masalahnya sekarang ini, imej yang dibawa oleh sesetengah pihak terutamanya pembangkang yang telah menjadikan KWSP dan juga Tabung Haji sebagai sasaran mereka untuk meraih sokongan. Dengan kekukuhan kewangan yang ada pada KWSP, tidakkah pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan satu unit ataupun satu kumpulan yang boleh memberikan penjelasan kepada akar umbi terutamanya mereka yang melabur atau menyumbang dalam KWSP supaya mereka mengetahui kedudukan sebenar dalam KWSP. Walaupun ini saya faham akan meningkatkan kos dan mungkin sebagai satu belanja yang hangus tetapi pada pandangan saya ia perlu untuk menyelamatkan imej KWSP dan juga menyelamatkan imej kerajaan yang selama ini menyokong dan menentukan KWSP menjadi satu perbadanan yang boleh membela nasib rakyat. Apa pandangan kementerian tentang perkara ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan membawa cadangan Yang Berhormat Mastika Junaidah kepada pihak KWSP sendiri untuk menyemarakkan lagi kerja-kerja extension mereka, kerja-kerja pengembangan mereka untuk manfaat KWSP sendiri dan juga untuk memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur ataupun penyimpan-penyimpan di dalam KWSP.

Tuan Zai nal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya ingin tahu adakah kementerian bercadang untuk Jawatankuasa Pelaburan melantik wakil-wakil daripada pekerja menduduki jawatankuasa tersebut kerana pelaburan adalah merupakan satu aktiviti ke dalam KWSP yang paling cergas kerana wang-wang tersebut dilaburkan dalam pasaran dan sebagainya. Buat

masa ini, Jawatankuasa Pelaburan tidak dianggotai oleh wakil kesatuan sekerja, adakah pihak kementerian bercadang untuk melantik wakil kesatuan sekerja untuk menduduki dalam jawatankuasa tersebut bagi membolehkan kita mengawasi lebih rapi dan penerangan-penerangan yang kita perolehi dalam keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pelaburan ini akan dapat disampaikan kepada pekerja khususnya. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Cadangan ini adalah baik untuk melibatkan wakil pekerja mengetahui apakah tindakan-tindakan yang diambil di dalam membuat keputusan pelaburan. Saya akan membawa cadangan ini kepada pihak kementerian dan kita akan mengkaji dan menimbangkannya.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Saya ingin tahu bagaimana wang KWSP yang tidak dituntut oleh yang empunya atau waris-warisnya, kebanyakan kemungkinan alamat ataupun pengesanan mereka itu tidak dapat dikesan dengan betul, saya rasa wang ini cukup banyak yang tidak diambil oleh ahli-ahli yang menyimpan di KWSP. Bagaimana wang ini, hala mana kita gunakan, sepatutnya kita mengesan ini dengan ada alamatnya. Saya pernah terima arahan, terima satu buku untuk mengesan tetapi tidak ada alamat, nama sahaja, ini yang menjadi masalah pada kita. Kalau ada alamat, saya ingat Tok Sidang, Tok Penghulu atau Tok Imam boleh tolong mengesan sebab wang ini banyak, wang rakyat, wang orang ramai, wang pekerja bagaimana keadaannya?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mekanisme ini wujud, jikalau tidak dituntut pada sekian-sekian tempoh ianya dimasukkan ke dalam Harta Amanah. Di dalam Harta Amanah itu pun boleh terus dituntut tetapi sebagaimana Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid menyebut tadi, satu masalah KWSP itu ialah untuk mencari iaitu walaupun ada nama, ada nombor IC tetapi alamat tidak ada dan ini satu masalah dan jikalau ianya menjangkau tempoh yang tertentu ianya akan dimasukkan di dalam Pemegang Harta Amanah yang mana orang itu kalau dia hendak menuntut boleh pergi menuntut kepada Pemegang Amanah Harta-harta.

9. **Tuan Janggu Anak Banyang** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Sekolah Bestari di seluruh Malaysia akan dimulakan. Adakah semua ini sudah cukup untuk dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan melaksanakan program Sekolah Bestari menjelang tahun 1999 bagi empat mata pelajaran iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Untuk tujuan tersebut, sebanyak 80 buah sekolah yang telah sedia ada akan mula melaksanakan program tersebut. Rancangan untuk menjadikan sekolah-sekolah di Malaysia sebagai Sekolah Bestari akan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Adalah diharapkan hasrat untuk menjadikan sekolah-sekolah di Malaysia sebagai Sekolah Bestari yang tercapai.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, program untuk mewujudkan Sekolah Bistari, kalau tidak silap saya adalah dalam usaha untuk kita mempertingkatkan penggunaan IT di sekolah-sekolah. Jika ini yang dicadangkan oleh pihak kementerian dan saya mendapat tahu pihak kementerian telah menentukan untuk membekalkan sejumlah komputer bagi sekolah-sekolah yang berkenaan tetapi dalam soalan yang berkenaan, adakah pihak kementerian telah membuat kajian mengenai kerosakan-kerosakan yang mungkin berlaku dan adakah pembekalan komputer yang dibekalkan ke sekolah-sekolah yang berkenaan mencukupi bagi digunakan oleh pelajar-pelajar yang telah dipilih untuk terlibat dalam Sekolah Bestari ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kekurangan peruntukan, Kementerian Pendidikan tidak mampu menyediakan ke semua sekolah di negara kita dengan komputer yang mencukupi tetapi kita perlu mengambil masa supaya dari segi peringkat-peringkat, kita boleh capai untuk 80 buah sekolah yang telah ditentukan. Kementerian Pendidikan akan sediakan kemudahan komputer supaya kita boleh mempercepatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Ingin saya terangkan bahawa Sekolah Bestari ini bukan sahaja berhasrat untuk menggalakkan pelajar-pelajar menggunakan komputer tetapi juga kita hendak melalui konsep Sekolah Bestari, ingin menggalakkan guru-guru menggunakan

cara, dengan izin, computer - added learning process supaya pelajar-pelajar kita boleh mempercepatkan proses mereka memperolehi ilmu-ilmu yang baru, dan akhirnya mereka sendiri berdikari untuk memperolehi maklumat dan ilmu yang mereka perlukan.

Puan Jamilah binti Ibrahim [Kelantan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di antara 80 buah Sekolah Bestari sebagai percubaan awal, saya yakin, berapakah sekolah itu akan diwujudkan di kawasan luar bandar? Terima Kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan sekolah ini merupakan sekolah di luar bandar. Saya tidak ada senarai nama sekolah-sekolah tersebut, tetapi saya boleh sampaikan secara bertulis.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mengenai dengan program Matrikulasi di IPT swasta kita sebagaimana yang telah kita semua maklum diberitakan bahawa 70% pelajar-pelajar kita di IPT swasta ini gagal, mungkin kita dapat tahu dalam Dewan ini, apakah punca kegagalan ini dan langkah-langkah yang kementerian ambil.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tajuk itu adalah lari daripada yang asal. Namun demikian, saya akan sediakan jawapan secara bertulis kerana itu memerlukan penerangan yang mendalam.

PROGRAM PENGAMPUNAN KERAJAAN – JUMLAH PENDATANG TANPA IZIN YANG TERLIBAT

10. **Tuan Long bin Jidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dalam Program Pengampunan pendatang tanpa izin sempena hari Kemerdekaan 1998 dalam tempoh yang berkenaan berapa ramaikah yang terlibat mengambil peluang untuk kembali ke negara asal mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang tanpa izin yang telah kembali ke negara asal sempena Program Pengampunan Kerajaan yang berakhir pada 15 November 1998 ialah seramai 187,486 orang.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pengampunan ini meliputi seluruh

negara, sedihnya bila kita lihat di negeri Sabah selepas pengampunan ini nampaknya kawasan-kawasan yang memang telah menjadi tumpuan kepada orang-orang yang tidak kita perlukan di negara kita masih berkeliaran begitu bebas, malah kadang-kadang setengah pihak mengatakan bahawa ini cuma prosedur sahaja, tindakan tidak juga diambil dan kadang-kadang bila kita lihat bahawa memang kadang-kadang ada tindakan yang diambil dan ada juga yang kadang-kadang sengaja sama ada dibiarkan atau barangkali kerana ada sebab-sebab tertentu, saya kurang pasti tetapi untuk makluman, di Sabah saya lihat perkara ini tidak begitu serius diambil tindakan. Apakah sebenarnya kementerian mengambil tindakan khusus untuk negeri Sabah yang sedia kita maklumi bahawa di Sabah inilah pendatang tanpa izin terlalu ramai berlambak di sana? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tindakan penguatkuasaan ini memang dijalankan secara berterusan. Bagi negeri Sabah, ia lain sedikit daripada Semenanjung. Di Semenanjung polis dan Jabatan Imigresen terus bertanggungjawab menjalankan tindakan penguatkuasaan ini. Di Sabah, semua usaha ini disepadukan di bawah Pasukan Petugas Khas Persekutuan, jadi setahu saya Pasukan Petugas Khas ini ada mengadakan perbincangan dan mengadakan operasi-operasi berterusan, akan tetapi perasaan ataupun permintaan dari negeri Sabah itu kadang-kadang bercampur-campur. Ada rakyat yang meminta kita bertindak tegas, ada ramai majikan minta kita jangan fasal ekonomi, kegiatan ekonomi kena pulih, mereka perlukan pekerja itu, sah tidak sah, macam-macam permintaan yang berlainan. Apa sekalipun kerajaan masih berpendirian tegas, kita tidak mahu tengok pendatang tanpa izin ini berleluasa termasuk di Sabah dan saya rasa pandangan Yang Berhormat itu kita akan ambil serius.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan apa sebabnya pengampunan ini terpaksa dibuat sempena dengan tahun kemerdekaan 1998, adakah kaedah ini akan berterusan menjadikan satu budaya negara Malaysia?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengampunan ini bukan sesuatu yang dirancang atau sengaja disediakan untuk pendatang tanpa izin.

Sudah banyak kali kita beri amaran pada masa yang sama operasi untuk menangkap dan menyerbu ke tempat-tempat bekerja dan sebagainya dijalankan tetapi usaha yang kita buat itu memakan banyak perbelanjaan dan banyak masa bagi penguatkuasa itu terpaksa kita guna seperti pasukan polis dan imigresen – banyak sangat beban kerja iaitu cuba kita tengok dalam sembilan bulan tahun ini kita biar gunakan operasi tanpa pengampunan, kita hanya dapat menangkap 66,540 orang dan kita kena belanja banyak wang untuk menghantar mereka balik.

Apabila kita adakan satu pengampunan mulai 31 Ogos sampai 15 November, sejumlah yang saya sebut tadi 187,000 lebih pendatang tanpa izin balik secara sukarela, dia beli tiket sendiri, tidak payah kerajaan beri atau gunakan apa-apa kos dan kita nampak itu satu cara yang berkesan tetapi cara ini bukan selalu. Sampai hari ini tidak ada beri peluang lagi, banyak pihak yang masih minta kita kata tidak. Sekarang kita tetap tangkap. Saya berharap ini tidak akan menjadi satu mesej yang disalah anggap oleh majikan terutamanya yang sentiasa mengambil pekerja tanpa izin kerana kerajaan tidak akan memberi peluang lagi, sekarang operasi akan terus ditingkatkan.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan pendatang asing. Saya ingin mengetahui setakat ini berapa orang asing yang melibatkan diri dalam tunjuk perasaan yang menyokong Reformasi di Kuala Lumpur dan apakah tindakan kerajaan terhadap mereka yang melanggar undang-undang di negara kita?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, daripada tangkapan-tangkapan yang dibuat oleh pihak polis di bawah Akta Polis – bukan ISA ya, Akta Polis kerana mereka mengingkari arahan polis untuk bersurai iaitu mereka berdemonstrasi secara haram. Dalam semua tangkapan itu sehingga 26 November, jumlah tangkapan yang melibatkan orang asing adalah 27 orang dan 27 itu diambil tindakan mengikut Akta Polis dan sebahagian daripada mereka itu memang didakwa seperti orang biasa. Yang lain-lain kalau sekiranya penglibatannya itu tidak begitu serius, kita check dokumennya sama ada kehadiran mereka di negara

ini sah atau tidak, kalau tidak sah, kita usir mereka terus ataupun kita gunakan Akta Imigresen yang berkenaan.

Tuan Yim Chee Chong: Dalam 27 orang itu, majoritinya dari mana? Dari Indonesiakah, Chinakah atau mana-mana negeri, bolehkah tolong jelaskan kepada Dewan yang mulia ini?

Dato' Ong Ka Ting: Majoriti mereka itu datang dari Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya panjangkan masa soalan lebih kurang setengah jam, saya lanjutkan oleh kerana hari ini kita nampak daripada agenda kita hanya satu sahaja usul dan kita habis usul ini – harapkan semua Ahli Yang Berhormat akan bangun bercakap usul yang akan dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 11 hingga 57 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

KRISIS EKONOMI ASIA – PERATURAN PENGAWASAN MATA WANG ANTARABANGSA (IMF)

11.36 pagi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada pengurusan Dewan yang memberi peluang untuk saya membawa usul bagi mendapatkan persetujuan Dewan yang mulia ini dan usulnya berbunyi seperti berikut:

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

“Bahawa Dewan ini,

menyedari hakikat krisis ekonomi yang melanda rantau Asia sejak bulan Julai 1997 telah pun mengakibatkan keretakan

sosial dan politik negara-negara terlibat dan memahami bahawa antara lain krisis ekonomi yang kini merebak ke peringkat antarabangsa adalah diakibatkan oleh kegiatan spekulasi mata wang;

Menginsafi hal yang demikian maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setahun lalu telah pun menggesa badan-badan dunia seperti Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) membuat Peraturan Pengawasan Perdagangan Matawang Dunia dan disokong kini oleh pemimpin-pemimpin dan pakar-pakar dunia tetapi sehingga kini peraturan ini masih belum digubal dan dilaksanakan;

Bersetuju membuat ketetapan supaya Pengarah Urusan Tabung Matawang Antarabangsa – International Monetary Fund (IMF), Michel Camdessus, meletakkan jawatan di atas keagalannya membuat perhitungan yang lebih sesuai bagi mengatasi masalah krisis ekonomi Asia dan menggubal serta melaksanakan dengan agak segera Sistem Pengawasan Perdagangan Matawang Dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan amat perlu usul ini dibawa kerana kita dapati sejak Julai 1997, kegawatan ekonomi yang melanda Asia termasuklah Malaysia, Indonesia, Thailand dan South Korea serta negara-negara jiran bukan sahaja dapat dipulihkan tetapi merebak sehingga ke Rusia dan kini Brazil, seolah-olah ianya merupakan satu recession, satu depression yang akan melanda dunia seluruhnya dan perkara yang penting bagi kita setiap kali sesebuah negara itu ekonominya dilanda oleh sesuatu masalah yang besar seperti berlaku di Mexico pada tahun 1996, badan seperti Tabung Matawang Antarabangsa memainkan peranan untuk memulihkan kegawatan ekonomi yang berasaskan kepada pertukaran wang asing ataupun defisit dari segi rizabnya dan ketidakmampuan sesebuah negara itu membayar balik hutang-hutang baik daripada kerajaan mahupun pihak swasta kepada peminjam-peminjam iaitu bank-bank antarabangsa terutamanya.

Apabila masalah ini melanda Mexico misalnya, pada tahun 1995 ianya mendapat bantuan agak cepat dan segera berjumlah US\$40 bilion dan ianya telah pun membaik pulih Mexico dengan secepat mungkin juga kerana peranan Amerika

Syarikat nampak menampilkan keperluan negara jirannya Mexico untuk dibaik pulih dengan agak segera.

Selepas tahun 1995, rata-rata pemberi pinjaman iaitu bank-bank antarabangsa merasakan amat mudah sekali, kita berikan pinjaman, kalau bermasalah IMF dan badan-badan yang bersekutu dengannya akan datang membantu. Justeru kerana itu sejak tahun 1995, kita dapati peningkatan pelaburan dan juga pinjaman daripada bank-bank di peringkat antarabangsa ke negara-negara membangun termasuklah negara-negara rantau Asia iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Korea dan sebagainya. Bagi mereka memasukkan wang ringgit melabur secara langsung (direct) dan juga menggunakan kewangan mereka dari segi pelaburan jangka pendek, iaitu dari segi membeli saham-saham di pasaran-pasaran stok yang membangun, the emerging market, dengan izin.

Sehinggalah pada tahun 1997 seluruh negara Asia Timur ini dipanggil 'harimau', dipanggil 'ekonomi ajaib' yang diakui sendiri bukan sahaja oleh Bank Dunia tetapi oleh IMF sendiri, bahawasanya negara-negara Asia ini seolah-olah mempunyai satu pendekatan disiplin dan nilai budaya yang berbeza dengan negara-negara lain sehinggakan ekonomi kita membangun begitu pesat. Malaysia sendiri membangun selama sembilan tahun, tujuh, lapan tahun ke peringkat 8% setahun. Atas kesedaran ini banyak bank peringkat antarabangsa, dari Eropah misalnya, kita dapati keluaran wang untuk dipinjamkan kepada negara-negara membangun meningkat, daripada RM50 bilion pada tahun 1990 kepada RM300 bilion pada tahun 1997. Apabila ekonomi Thailand, misalnya pada bulan Julai 1997, merasakan impact di mana nilai Baht merudum selepas itu harga saham jatuh. Selepas itu kita dapati dari Thailand ianya merebak, 'contagion effect' kepada negara-negara jiran, kepada Indonesia, kepada Malaysia selepas itu South Korea dan kita dapati fundamental kita baik, kita dapati pada waktu itu laporan Bank Dunia dan IMF sebelum daripada itu pun baik, mengatakan fundamental negara kita ini mempunyai fundamental yang baik. Tiba-tiba ianya merudum, tiba-tiba nilai mata wang turun, jatuh dan kita dapati rupanya di atas keinsafan bahawa ekonomi

kita baik ada kuasa yang lebih besar iaitu kuasa capitalism liberal yang diwujudkan oleh mereka yang membuat spekulasi mata wang.

Kita dapati harga nilai Yen merudum, kita dapati Ringgit kita pada waktu itu RM2.50 kepada US Dolar meningkat kepada sampai RM4.00 dan kini kita tetapkan. Ini satu langkah yang saya akan ceritakan nanti, langkah-langkah yang kita ambil yang berbeza dengan langkah-langkah yang diambil oleh IMF dan apabila ini berlaku IMF cepat-cepat mengatakan kita akan membantu negara ini dengan syarat, negara-negara ini terpaksa mengikuti ikatan-ikatan dasar ekonomi yang amat mengecewakan kita kerana kesan-kesannya, akibatnya melanda keretakan sosial dan politik negara-negara di rantau ini. Seolah-olah IMF mempunyai kuasa yang lebih besar daripada Bangsa-Bangsa Bersatu menunjukkan dan mengarahkan kepada kerajaan yang merdeka di Thailand, di Indonesia dan di South Korea supaya mengikuti telunjuk mereka dan pada waktu itu negara-negara ini tidak ada pilihan kerana mereka terpaksa meminjam sungguhpun ikatan-ikatan dan syarat-syarat, terma-terma pinjaman daripada IMF ini amat mengecewakan. Kesan-kesan daripada pinjaman ini bukan sahaja ianya meretakkan sistem perbankan kerana tekanan yang diberi oleh IMF, ia mengatakan kita beri pinjaman tetapi syarat-syaratnya – satu tingkatkan kadar faedah sistem perbankan kerana untuk menentukan nilai mata wang itu tidak terus merudum.

Yang kedua, dia kata kerana liquidity di rantau itu terlalu banyak, kita ketatkan supaya tidak ada pinjaman-pinjaman dan projek-projek yang besar tidak dapat dijalankan. Di Indonesia, misalnya ia juga menyebut bukan sahaja sistem perbankan patut perlu diberikan reformasi tetapi sampai kepada senget-benget mikro ekonomi seperti harga minyak pun tidak boleh diberi subsidi. Ini cara IMF mengaturkan programnya supaya negara-negara yang terkandas di dalam krisis ekonomi ini terpaksa mengikut. Sungguhpun begitu kita dapati mereka mengikut dan apa yang berlaku di Indonesia, Indonesia mula-mula dikatakan bank-bank itu kita biarkan tidak perlu masuk, tidak perlu inject dari segi kewangan, tidak payah kita berikan struktur capitalizationnya, modalnya sebelum mereka membuat satu

pendekatan di mana mereka yang membuat deposit dengan bank-bank mendapat insurans, sebab apabila kita mengetatkan kawalan kepada bank-bank, kita biarkan, kita 'lapse'kan supaya mereka ini menjunam jatuh, orang akan cepat-cepat mengeluarkan duit. Depositor-depositor mengeluarkan duit sehingga banyak bank dan sistem perbankan di Indonesia ranap dan inflasi meningkat sampai 50%.

Kini untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini hak yang tidak bekerja hampir 20 juta orang, yang tergolong dalam lingkungan kemiskinan sudah meningkat kepada 40 juta orang di Indonesia, yang lebih teruk ialah huru-hara politik kerana sebenarnya IMF sejak ditubuhkan pada tahun 1944 lagi telah menukar pendekatan. Ianya seolah-olah menjadi alat kepada negara-negara tertentu. Ini diakui sendiri oleh, misal katakan ramai pakar yang mengatakan bahawasanya apa yang dibuat oleh IMF seolah-olah ianya menjadi – macam di Korea katakan, Timbalan Setiausaha Treasury Lorrence Summers dalam bulan Februari 1998 mengatakan, dengan izin, *“The IMF has done more to promote America’s trade and investment agenda in Korea than 30 years of bilateral trade talks.”* Dahulu mereka cuba hendak masuk melabur di Korea dalam sistem perbankan, hendak masuk, hendak membeli syarikat-syarikat hartanah di Indonesia, hendak masuk ke Malaysia ini juga tetapi di Malaysia ini lain, saya hendak ceritakan, hendak masuk ke Malaysia tetapi mereka disekat kerana kepentingan negara lebih penting daripada kepentingan liberal kapitalisme yang diagung-agungkan oleh IMF sebagai satu tools, satu alat yang sengaja digunakan oleh Amerika untuk menentukan mereka dapat meredah masuk, membeli bank-bank. Sekarang ini banyak bank di Thailand dan di Korea mereka sudah masuk dan bertapak kerana kuasa daripada sistem perbankan mereka dapat mengembangkan lagi kuasa politik untuk hendak menggugat satu-satu ekonomi, untuk hendak menggugat sistem politik menerusi sistem perbankan. Seolah-olah kita telah pun mengadaikan hak asasi sovereignty sesebuah negara, kedaulatan sesebuah negara menerusi IMF kepada mereka yang menggunakannya sebagai alat dan alat ini kita nampak ia digunakan di Russia.

Di Russia baru-baru ini pada bulan Ogos kerana teruknya di Russia, ia terpaksa meminta lebih kurang RM22 bilion daripada IMF dan kita dapat tahu di Russia sendiri pada waktu itu Perdana Menteri nya bukan main marah kepada orang-orang IMF kerana Perdana Menteri baru, yang lama sudah habis, yang baru Yevgeny Primakov, dia kata orang-orang Inggeris yang datang menjenguk ke Russia ini tidak mahu kaji bagaimana hendak beri RM20 bilion adalah merupakan dan saya petik, “young kids were seeing almost nothing in life.” Budak-budak muda yang tidak dapat pendedahan kepada penghidupan. Ini cara IMF hendak masuk, apabila dia masuk hendak beri RM20 bilion, dia hantar budak-budak ini, tengok keadaan selepas itu beri RM20 bilion. Sungguhpun Russia sendiri mungkin memerlukan RM40 bilion kerana sistem di Russia amat berbeza sekali kerana 70 tahun di bawah pemerintahan komunis, ‘the command economy’ nya, sistem liberal pemasarannya berbeza, sistem capitalismnya berbeza tetapi cepat-cepat mereka memberinya RM20 bilion – ranap, habis. RM20 bilion rupanya digunakan kebanyakannya untuk membayar balik hutang-hutang dan banyak yang ia berhutang ialah bank-bank daripada Barat dan ranap sehinggakan Long Term Capital Management (LTCM) sebuah syarikat yang mempunyai hedge fund (lindung nilai) ini ranap.

Dengan modal sebanyak RM4.5 bilion yang dia dapat, dia kumpul daripada mereka yang hendak melabur, dia boleh pinjam 50 kali ganda, dekat RM200 bilion, dia pinjam dari bank-bank di peringkat antarabangsa ini untuk hendak melabur dari segi hedge fund, membuat spekulasi mata wang dan sebagainya, ranap habis sehingga reserve bank Greenspans sendiri menyatakan kita perlu bela LTCM inject masuk duit, RM3.5 bilion. Orang lain buat dia marah tetapi bila berlaku di Amerika LTCM kerana ramai yang terlibat, kalau ranap LTCM banyak lagi bank-bank lain yang terlibat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sudah empat orang tokoh-tokoh bank dunia letak jawatan ke atas apa yang berlaku di LTCM. Presiden Bank Amerika Debit Colter berhenti, Mathews Galbriellaita, Union Bank of

Switzerland kerana ini juga berhenti, IMG Barings Chairman, Maureenors Mandy Hope pun berhenti dan yang terbaharu sekali Martin Taylor, Martin Taylor ini Pengarah Urusan Barclays Bank pun berhenti kerana membuat kesilapan, memberikan pelaburan mereka kepada LTCM untuk menjahanamkan kononnya Rusia, tetapi Rusia sendiri kekuatan ekonominya kurang, peruntukan yang diberikan oleh IMF pun kurang RM20 bilion, yang diperlukan mungkin RM40 bilion, ranap habis, dan reserve bank Amerika terpaksa memberi RM3.5 bilion kepada LTCM.

Jadi, begitu jelas dan nyata masalah-masalah krisis ekonomi Asia bukannya masalah fundamental negara tetapi ialah masalah-masalah spekulator seperti George Soros dan banyak lagi penyangak-penyangak seperti George Soros yang dalam bukunya baru-baru ini, *The Crisis of Global Capitalism* yang dikeluarkan yang paling terbaru dibuat pula pendedahan di John Hopkins University di Amerika dan mengambil kesempatan pula menerusi pelancaran buku dia, suruh pula Perdana Menteri kita berhenti kerana Perdana Menteri kitalah setahun lebih dahulu di Hong Kong menyarankan untuk menentukan krisis ekonomi ini dapat dibendung, kita memerlukan satu sistem pengawasan kewangan antarabangsa dan badan yang paling sesuai untuk mengendalikan dan mewujudkan ialah IMF, Bank Dunia kerana mereka ini merupakan institusi-institusi kewangan di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengawasi sistem kewangan antarabangsa.

Mula-mula semua tidak bersetuju, George Soros sendiri mengatakan kepada Perdana Menteri kita, you are menace kepada Malaysia maknanya satu masalah Perdana Menteri kita diberitahu dia punca masalah negara. Beberapa bulan kemudian pakar-pakar ekonomi daripada Harvard, daripada MIT, daripada Bank Dunia sendiri mengakui perlunya kita mewujudkan satu architecture International Financing System, satu arkitek, satu sistem pengawasan mata wang dunia. George Soros mengakui bahawa pasaran tidak mempunyai moral, market is immoral dan saya tidak berdosa, dia kata, dan George Soros sendiri agaknya terlalu berdosa, dia menggunakan duit dia sekarang ini untuk membela open

society di Hungary di negara dia dahulu, dan negara-negara membangun, negara-negara Eropah Tengah yang baru keluar daripada komunis hendak masuk dalam sistem capitalism baru ini, dia sudah bela, dia guna beratus-ratus milion, agaknya dia amat berdosa dan menginsafi bahawa dosa dia telah meranapkan, memiskinkan 40 juta rakyat Indonesia, membunuh. Ini 2,000 rakyat Korea telah bunuh diri, lepas itu syarikat-syarikat sudah bankrap bukan main banyak, dan yang lebih penting ianya memainkan peranan untuk masuk campur hal-hal politik negara-negara. Itu peranan IMF sekarang ini, sehinggakan kalau kita tengok majalah *Times*, waktu Suharto, bekas Presiden Indonesia sain untuk meminjam dia akan sebut begini, tengok seolah-olah Suharto menyerah diri, surrender, semasa Perang Dunia Kedua apabila Jepun kalah, saya tengok gambar serupa sahaja. Orang Putih tengok orang Jepun sain mengaku kalah di Singapura, begini duduk, dia perhati dan berapa bulan kemudian Presiden Suharto dengan reformasi dan sebagainya yang dituntut oleh protes-protes demonstrasi di Indonesia meletak jawatan, terpaksa meletak jawatan dan berjajalah IMF, berjajalah Amerika di belakangnya, itu tujuan dia, begitu juga sekarang ini di Thailand. Di Thailand kerajaan baru sekarang ini pun akan mendapat tentangan daripada pembangkang kerana hendak meluluskan undang-undang mengikut telunjuk IMF di atas pinjaman baru dia, mungkin terkubur kerajaan Thailand, kita tidak tahu.

Di Malaysia kita amat bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Enam, tujuh bulan selepas krisis ekonomi kita mengikut ciri-ciri keperluan yang diidam-idamkan oleh IMF. Saya tengok dalam televisyen baru-baru ini kenapa pula kita mengikut dasar seolah-olah macam IMF. Saya tengok bekas Menteri Kewangan dahulu dia duduk bercium-cium dengan Michel Camdessus, kawan baik dia rupanya, sebab itu kita perhatikan sejak krisis ekonomi dan beberapa bulan kemudian langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan kita merugikan kita kerana kita menaikkan interest, kadar faedah, kita mengurangkan pinjaman, kita berhentikan projek-projek yang besar-besar, pada masa itu kita memerlukan itu semua. Kita memerlukan liquidity, kecairan dalam sistem perbankan untuk

menghidupkan, menggerak dan memangkinkan kegiatan-kegiatan ekonomi ke akar umbi. Saya pernah bercakap di Dewan ini, apa guna kita umumkan tabung ini, tabung itu, RM2 bilion, RM1.5 bilion semuanya rhetoric kerana tidak sampai kepada akar umbi untuk mereka menggerakkan, menggunakan tabung-tabung ini untuk menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi, enam, tujuh bulan kita rugi. Tetapi kita amat berterima kasih kepada pucuk pimpinan, wujudkan MTEN, merancang cara kita sendiri bagaimana hendak mengatasi masalah-masalah yang telah pun timbul hasil daripada krisis ekonomi ini. MTEN membuat agenda baru, meningkatkan, menurunkan interest, menurunkan faedah, menurunkan dari segi rizab SSR untuk meningkatkan cairan, sehingga sekarang saya sudah diberitahu bahawa RM30 bilion ada di dalam sistem perbankan kita tetapi masih lagi bank-bank yang masih belum lagi memberikan pinjaman, amat susah memberikan pinjaman. Kita membuat arahan-arahan, pihak kerajaan membuat arahan-arahan, kita hendak gerakkan ekonomi. Saya tengok sekarang ini sistem-sistem yang baru ini kecairan sudah wujud, faedah rezim rendah sudah diwujudkan dulu daripada 11% kepada 7%, lepas itu dari segi margin BLR 4% turun kepada 2.5%, semua ini hendak menentukan wujudnya kedudukan cairan yang mantap bagi setiap kegiatan ekonomi yang kecil, yang besar dapat bergerak dan kita mewujudkan Danaharta, Danamodal untuk memberikan satu struktur baru, memberikan modal baru kepada sistem perbankan kita.

Kita kukuhkan secara bersendirian tanpa mendapat telunjuk daripada IMF kerana agenda IMF berbeza dengan keadaan ekonomi sebenar. Tujuan sebenar untuk membaik pulih ekonomi, dia hendak membaik pulih sistem politik negara-negara kita seolah-olah mengikut nilai, cara mereka berfikir dari segi politik, liberal ekonomi merupakan satu ideologi, liberal capitalism merupakan satu ideologi, liberal demokrasi merupakan satu ideologi yang mereka gunakan dan salah satu alat yang digunakan ialah IMF.

Selepas itu pula, pucuk pimpinan negara kita, Perdana Menteri kita, Menteri Kewangan kita, mengasingkan, dia ada dua perkara, mengasingkan dari segi spekulasi atas dua perkara, mata wang kita dengan saham kita.

Kita asingkan kerana kalau kita tidak asingkan kedua-dua ini mereka akan, kita telah buat apa cara sahaja kita buat dalam negara, yang di luar ini, spekulator ini memainkan peranan menghentam, menjatuhkan duit kita dan membuat spekulasi mata wang kita, ringgit kita. Jadi, kita asingkan, kita pisahkan daripada tekanan-tekanan luar, maka CLOB misalnya, yang dahulunya wujud di Singapura yang boleh digunakan sebagai satu medan untuk menaikkan saham-saham di Malaysia, kita tutup. Kalau hendak main saham bawa duit ke Malaysia, main di stock market Malaysia, pasaran saham kita, naik turunnya indeks kita di sini, bukan di luar. Jadi, tekanan daripada luar kepada saham kita berkurangan.

Begitu juga dengan kawalan modal dan mata wang terpilih, kalau hendak masuk dari segi hendak melabur, masuk direct tetapi hendak masuk short term industry jangka pendek, masuk dan main stock setahun, jangan keluar. Kita tidak mahu masuk berderun, keluar berderun seperti yang berlaku sebelum wujudnya sistem kawalan mata wang ini. Sekarang ini selepas kita menunjukkan sistem mata wang kerana kita sudah fedup, kita sudah terlalu kecewa dengan IMF, dengan badan-badan antarabangsa. Sehingga kini belum lagi wujud sistem pengawasan pedagang mata wang, sampai sekarang belum wujud. Kita katakan tidak payah tunggulah sistem itu, kita buat cara kita sendiri dan insya-Allah, kita perhatikan rizab kita meningkat, dari segi akaun defisit kita sudah tidak ada, surplus, banyak dah, dari segi current account kita – surplus dan mata wang kita tetapkan pada RM3.80, tidak ada masalah sekarang, orang sekarang seluruh dunia memerhatikan kita dan yang amat takut, mereka amat takut kalau model ekonomi yang kita buat sekarang ini ditiru oleh negara-negara lain kerana ianya memberikan bukti bahawa apa yang kita buat boleh berjaya dan tindakan yang hendak diambil oleh IMF sebagai ejen negara-negara kecil Amerika gagal untuk hendak menguasai ekonomi dan politik negara-negara membangun.

Apa yang kita buat, telah pun dibuat oleh India dan China yang mempunyai pengawasan dan pengawalan dari segi modal asing, kedua-dua negara besar. Jadi, apa yang kita buat sekarang jelas sekali kerana kita kecewa, kalau IMF sudah buat satu peraturan mungkin kita tidak perlu kawalan mata wang yang terpilih ini. Kalau sudah wujud, kalau Soros mengatakan, Soros sekarang ini mengaku. Untuk makluman Dewan, George Soros mengakui apa yang diutarakan orang beliau di John Hopkins University baru-baru ini dia sudah kesal. Dia buat kenyataan bahawa dia tidak sangka dengan kenyataan dia, semua lapisan masyarakat Malaysia akan mengutuk balik dia. George Soros ini dia berdosa besar, ia sebenarnya hendak membasuh dosa dia, sebab itulah dia tidak perlu sangat kepada pengawasan mata wang dunia.

Sekarang ini dia mengatakan kerana sudah rugi banyak, dia kata perlu kita wujudkan apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita setahun dahulu di Hong Kong, dia pun bersetuju dan dia hendak sangat. Tengok pada Hong Kong, dia hendak attack Hong Kong, spekulator-spekulator antarabangsa kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat, dia hendak cuba attack dan merosakkan nilai mata wang Dolar Hong Kong tetapi orang Hong Kong, dia kumpulkan DHK56 bilion untuk hendak menyelamatkan Dolar Hong Kong dia daripada dilanda oleh spekulator-spekulator ini, rugi pula orang yang masuk campur dan sungguhpun Hong Kong terpaksa membelanjakan wang itu tetapi dapat menebus maruah negara dia sendiri dan baru merdeka ini.

Kita mengucapkan syabas kepada Hong Kong dan sekarang ini tidak berani lagi orang hendak masuk ke Hong Kong, pasal dia tahu kemungkinan Kerajaan Hong Kong akan memberikan bantuan yang kuat kepada mata wang dia supaya tidak dapat dinodai oleh spekulator-spekulator mata wang dan kita berterima kasih kepada Jeffrey Salts yang misalnya kerana bersetuju, ini pakar ekonomi daripada MIT, bersetuju dengan apa yang kita buat, Milton Friedman, pakar ekonomi dari Chicago pun bersetuju dengan apa yang kita buat. Begitu juga dengan Martin Fatman bersetuju dengan apa yang kita buat. Ramai pakar ekonomi bukan di

Timur sahaja tetapi di Barat pun bersetuju. Pakar ekonomi Bank Dunia pun bersetuju dengan apa yang IMF buat itu tidak betul. Dia kata terlalu drastik pakej yang dibuat kepada Asia ini seolah-olah memberikan satu diskriminasi kepada kita dia buat secara drastik.

Dia hendakkan pertukaran sistem reformasi perbankan, hendak buat pertukaran politik, orang ini tidak boleh jadi Perdana Menteri sebab itulah dia gugat dan sebab itulah sekarang dia amat kecewa. Spekulator antarabangsa ini, IMF ini, telah bersekongkol dengan negara-negara tertentu untuk hendak menukarkan kerajaan rupanya. Dia tidak berapa bersetuju kalau kita melaung-laungkan kebenaran, untuk menjadi champion kepada negara-negara membangun untuk memberikan tindak balas kepada apa yang Amerika buat itu tidak betul, dia tidak setuju. Rupa-rupanya agenda dia hendak menukar kerajaan. Kalau mereka percaya kepada liberal demokrasi, hendak menukar kerajaan di Malaysia, tunggu pilihan raya, tahun 2000 sekurang-kurangnya. Kita ada Perlembagaan yang menuntut pilihan raya lima tahun sekali sekurang-kurangnya dan George Soros bukan ahli pengundi di negara kita, begitu juga dengan Al Gore. Al Gore adalah seorang Naib Presiden menggunakan APEC sebagai medan untuk menunjukkan kurang ajar dia, memberitahu rupanya demonstrasi di sini, orang yang pergi protes itu adalah hero, berapa kerat sahaja. Sekarang ini sudah reda, rupa-rupanya ini agenda dia, agenda tersembunyi yang dulu, sekarang ini bukan lagi tersembunyi, semua orang sudah tahu agenda sebenar IMF sudah tukar di Indonesia, Korea, Jepun pun tukar, cuba pula hendak menukar pemimpin kita di Malaysia ini. Kita beritahu semua lapisan masyarakat negara kita termasuk parti-parti pembangkang bersetuju dengan pucuk pimpinan kita dan marah kepada Al Gore, marah kepada George Soros kerana kurang ajar dan jangan masuk campur.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku, krisis ekonomi yang berlaku ini ada hikmahnya, dia menunjukkan belang bahawa wujud di antara kita di Malaysia ini yang bersekongkol dengan mereka yang hendak menjajah, yang mempunyai agenda hendak menukar kerajaan, ada kerjasama yang rapat untuk hendak menentukan

wujudnya pemimpin baru di negara kita kononnya. Mujurlah kita dengan izin Allah S.A.W ditunjukkan kepada kita cepat-cepat sebelum benda ini berlaku, sebelum kita dapat pemimpin yang boleh dijual beli oleh negara-negara Barat, negara Amerika dan sebagainya, kita cepat-cepat menjalankan usaha kita secara bersendirian dan ini mempertahankan apa yang kita ada, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan pemimpin-pemimpin lain di negara kita ini. Kalau mereka hendak juga, tunggu pilihan raya, kita tengok bagaimana pilihan raya, rakyat menentukan.

Jadi, negara kita Tuan Yang di-Pertua, pemilihan di negara kita ini memang besar. Dari segi mereka yang keluar mengundi, ini saya hendak beritahu orang-orang di Amerika, yang keluar mengundi di negara kita di Malaysia ini ialah di antara 60% – 70%. Daripada tahun 1995, kita menang lebih dua pertiga. Ini berbeza dengan Amerika. Dalam pilihan raya di Amerika baru-baru ini 36% sahaja yang keluar mengundi, bererti 64% tidak keluar mengundi dan tidak tahu pendapat mereka, adakah mereka bersetuju dengan apa yang dipilih? Jadi, di mana sebenar letaknya pendekatan demokrasi ala Malaysia atau demokrasi ala Amerika dan mengapa wujud kekecewaan mereka apabila kita terus menjalankan sistem yang kita ada, kenapa diganggu-gugat oleh mana-mana pihak kerana kita mempunyai sistem sendiri, demokrasi Malaysia.

Kita mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan kita sungguhpun rata-rata dikecam, dikecam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita seolah-olahnya dikecam oleh setiap lapisan, orang-orang ASEAN sendiri, saya amat terperanjat apabila mengeluarkan desas-desus seolah-olah tidak bersetuju dengan tindakan yang kita ambil. Masalah dalaman kita dipersoalkan, APEC digunakan sebagai batu loncatan untuk mendedahkan agenda yang mereka adakan sendiri, itu pun menghairankan kita, tidak pernah lagi APEC digunakan oleh pucuk pimpinan negara-negara lain di mana ia digunakan untuk hendak menghentam tuan rumah sebab itulah saya rasa kita tidak perlu APEC. Saya tidak nampak bagaimana APEC

boleh berjaya mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara di Asia.

Apabila negara kita dilanda oleh kegawatan ekonomi Jepun pertama kali menyuarakan perlunya kita wujudkan 100 bilion untuk hendak membantu negara-negara di Asia ini kerana Jepun tahu perdagangan antara negara-negara Asia sekarang lebih banyak perdagangan kita dengan Amerika ataupun Eropah. Intra-trade dan inter-trade, mohon izin, di Asia ini orang Jepun, orang Singapura, orang Indonesia lebih banyak sekarang. Sebab itu bila Jepun mengutarakan 100 bilion, cepat-cepat Amerika tidak bersetuju, dia kata tak perlu kerana ianya berlawanan dengan apa yang hendak dibuat oleh IMF, bezanya apabila IMF buat tujuan Amerika Syarikat dapat disalurkan bersama.

Apabila AMF (Asian Monetary Fund) saya panggil ini, yang Jepun hendak buat 100 bilion dulu bila dia buat, tidak ada chance Amerika hendak masuk campur kerana Amerika tidak boleh menyalurkan duit dia menerusi Asia Monetary Fund yang baru kita sebutkan tadi menerusi Jepun kerana tidak dibenarkan oleh Kongres. Kongres boleh beri kepada badan-badan yang wujud di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu. Susah dia hendak menge luarkan duit kalau hendak tolong sama menerusi bantuan 100 bilion. Yang 30 bilion sekarang ini Jepun hendak utarakan inisiatif yang dipanggil Miyazawa 30 bilion hendak bantu termasuklah negara kita, pun Amerika sekarang ini telah bersetuju, tetapi dia hendak masuk campur sikit, menerusi ADB, IDB tak menerusi Kongres wang hendak masuk 1.5 bilion saya rasa hendak masuk campur sedikit.

Sekarang ini telah bersetuju, kenapa tidak setuju 100 bilion dulu, kalau 100 bilion dulu wujud tak payah kita dikerenahkan oleh IMF kita wujudkan Asia Monetary Fund, kerana IMF, sekarang ini lebih terkenal sebagai “International Moral Hazard”, mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, dia memberi peluang bank-bank Orang Puteh ini - Amerika, dan Eropah, beri pinjaman dengan faedah yang rendah banyak-banyak dan mengetahui kalau mereka gagal IMF akan datang tolong. Sebab itu berani sangat dia datang dan apabila dia mengeluarkan bantuan duit itu digunakan untuk membayar balik kepada bank-bank ini. Jadi dia tidak ada merasa kerugian yang amat sangat. Yang rugi kita pinjam duit hendak bayar balik kepada bank-bank real economy, ekonomi sebenar negara itu tidak digerakkan kerana duit itu digunakan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman daripada bank-bank

luar, bank-bank Amerika, bank-bank Eropah, di sini wujudnya moral hazard, kelam kabut dari segi moralnya. Dan ada pakar-pakar yang menyatakan IMF merupakan “International Moral Hazard”, sampai begitu sekali. Jadi peranan IMF terpaksa ditukar dan orang yang mengendalikan IMF berdegil sampai sekarang. Ini baru hendak bermesyuarat bulan Februari, G-7 akan bermesyuarat pada bulan Februari di Bonn, dan IMF akan bermesyuarat bulan April, sudah berapa tahun, mesyuarat untuk mengkaji dahulu, bukan membuat kepastian dia hendak mengeluarkan sistem pengawasan mata wang antarabangsa, hendak kaji dahulu bulan Februari kemungkinan di Bonn, G-7 yang terdiri daripada mereka ini juga Amerika, Britain, Italy, Canada, Australia dan sebagainya akan bermesyuarat di Bonn, hendak mengkaji, belum buat apa, hendak mengkaji. Bulan April IMF hendak bermesyuarat dan kemungkinan kita rasakan dia boleh buat, tetapi semuanya cakup-cakup sahaja kerana kepentingan mereka terjamin, kerana mereka ada agenda sendiri, agenda politik, bukan agenda ekonomi.

Jadi, sekarang ini wujud satu ideologi baru, wujud satu pendekatan penjajahan baru, penjajahan menerusi ekonomi menerusi IMF, Bank Dunia dan sebagainya untuk hendak meng ‘kowtow’, untuk hendak melututkan negara-negara umpamanya seperti Asia dan sebagainya. Jadi kita mengharapkan apa yang hendak dibuat oleh Jepun untuk mewujudkan satu dana 30 bilion ini tidak tersekat lagi dan dapat kita gunakan membantu kita sungguhpun kita gunakan dana kewangan peringkat negara kita, menerusi badan-badan seperti KWSP, LUTH dan sebagainya tetapi kita perlu juga bantuan daripada luar di mana ikatannya tidaklah begitu ketat kerana pada suatu ketika dahulu kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat apabila kita hendak pergi meminjam wang di peringkat antarabangsa Pengarah Bank Dunia, seperti Moody’s, Standard and Poors menurunkan taraf kita sebagai macam seolah-olah kita ini laku di peringkat junk bond, bon yang tidak ada guna lagi dan negara kita disamatarafkan dengan negara Libya yang baru sahaja keluar daripada sistem komunis dahulu, baru sahaja keluar daripada sistem komunis dahulu baru lapan tahun keluar, tahun 1989, apabila jatuhnya tembok Berlin, Libya tu baru merdeka mendapat sistem pasaran liberal yang baru hendak samakan dengan negara kita.

Jadi seolah-olah satu pil untuk semua penyakit yang di buat oleh IMF diberikan kepada negara-negara sehinggakan kita terpaksa dilanda kesengsaraan

bukan sahaja dari segi politik dan sosial tetapi kesengsaraan secara umum, secara ekonomi dan sebagainya. Inilah yang kita khawatirkan dan kita mengharap kerana IMF ini di bawah salah satu institusi yang lahir daripada Bretton Woods pada tahun 1944 seperti juga Bank Dunia terpaksa diawasi oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Jangan kita biarkan Amerika sahaja, sekarang ini Amerika mungkin akan menurunkan 18 bilion lagi untuk meningkatkan lagi modal IMF kepada 280 bilion, kalaulah ia memberikan 18 bilion dan menggunakan IMF sebagai alat untuk mengembangkan dominasinya dan hegemoni dia mengembangkan dominasi dia, kita rasakan Bangsa-Bangsa Bersatu mengawasi kembali objektif IMF, objektif Bank Dunia dan sebelum dia mengkaji kita hendak minta Michel Camdessus meletakkan jawatan atas dosa-dosanya kepada rakyat yang tidak berdosa di rantau Asia, di Rusia, dan kini di Brazil kerana apa pendekatan yang dibawa amatlah discriminatory, amatlah memihak-mihak

. Kalau apa yang berlaku di Asia cepat dia ambil langkah, cepat dia ketatkan program kita, lambatkan pemberian duit kita, tetapi bila berlaku di Brazil sudah dapat dah di Brazil, Rusia sungguhpun banyak pakar-pakar tidak bersetuju tidak memberikan kepada Rusia kerana ekonominya yang amat rapuh, pemerintahannya pada waktu itu bukan yang baru ini, yang dulu amat rapuh beri juga, habis ranap, itu pasal bankrap LTCM. Jadi pendekatan yang pilih kasih, yang discriminatory, merupakan pendekatan apartheid, menengok bulu dan warna, jadi pendekatan apartheid ini kita merasakan yang bertanggungjawab ialah Michel Camdessus sebagai Pengarah Urusan IMF dan Pengarah Urusan ini kita memohon kepada saudara-saudara kita supaya meletakkan jawatan secara terhormat sebelum dia disingkirkan kerana dosa-dosa itu adalah dosa-dosa kepada rakyat yang kini berjumlah ratus-ratus milion di rantau Asia Timur.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membawa usul itu dan mohon persetujuan Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

12.29 tgh.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali : Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan setinggi tahniah kepada Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang telah membawa usul seperti yang ada di hadapan kita ini dan sebagaimana hujah-hujah dalam ucapan perbahasannya. Saya sungguh bangga di atas inisiatif yang telah diambil oleh Yang Berhormat Dato'

Abdul Aziz Abdul Rahman membawa usul ini. Dan usul ini hanya satu kenyataan sikap dan pandangan Dewan Negara yang mulia ini semoga diketahui bukan sahaja oleh rakyat negara kita tetapi juga oleh dunia betapa IMF sebuah agensi Tabung Wang Antarabangsa yang ditubuhkan untuk tujuan memainkan peranan dan memakmurkan dunia tetapi telah terbalik dari segi peranannya untuk tujuan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman.

Pada saya, Tuan Yang di Pertua, isunya bukan sahaja Michel Camdessus ini kena letak jawatan, saya berfikir lebih jauh daripada itu sehingga apakah keterlaluan kalau saya cadangkan patut dibubarkan sahaja. IMF tidak patut wujud sama sekali, kerana fungsi IMF itu sendiri sebenarnya saya sudah yakin bukan lagi sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam soal pengendalian urusan mata wang antarabangsa. Pada saya IMF juga merupakan satu agensi agenda politik Amerika dan juga tidak kurang samanya peranan seperti CIA. Tinggal lagi fungsi-fungsi agensi ini bertindak atau pun berfungsi secara berselindung di sebalik peranan fungsinya sebagai agensi Tabung Mata Wang Antarabangsa ataupun kalau kita samakan seperti CIA yang terlibat dalam urusan secret agency services tetapi semua agensi seumpama ini diperalatkan oleh agenda politik Amerika Syarikat.

Jadi, tidak hairanlah Michel Camdessus punya peranan. Katalah Michel Camdessus ini letak jawatan besok diganti dengan orang baru, saya tidak yakin dasar IMF akan berubah. Kerana ia merupakan alat Amerika Syarikat.

Jadi, isu yang ada di hadapan kita, Tuan Yang di-Pertua, ialah isu kuasa besar Amerika Syarikat yang sudah besar kepala yang memang kita tahu dari dahulu lagi Amerika ini mendakwa dia ini World Police tetapi kedajalan Amerika Syarikat ini makin melampau apabila sistem komunis sudah runtuh. Saya ingat Amerika iaitu USSR satu ketika dahulu hancur. Maka hari ini Amerika menganggap bahawa dialah 'the world masters'. Pada Amerika walaupun kita ini sudah merdeka, negara-negara di dunia ini sudah banyak merdeka tetapi pada Amerika, dunia ini milik mereka bahawa Presiden Amerika itu ialah Presiden of the World. Negara-negara lain tidak lebih daripada alat mereka semata-mata untuk kepentingan mereka.

Dengan lain-lain perkataan, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita tengok Amerika tidak senang hati dengan mana-mana pemimpin di dunia ini, saya selalu fikir secara reverse psychology, pemimpin itu maknanya betul, sebab pada Amerika yang tidak bersetuju dengan agenda dan dasar mereka mesti ditumbangkan sama ada melalui strategi ekonomi ataupun strategi secara terbuka, perang terbuka seperti di Iraq dan pernah juga mereka lakukan kepada Iran tetapi alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, Tuhan Maha Kaya, betapa pun usaha Amerika untuk menghancurkan Iraq kerana kesedaran rakyat Iraq, kerana semangat patriotism rakyat Iraq yang begitu kuat dan mengkagumkan sampai hari ini Amerika Syarikat gagal menumbangkan Sadam Hussein.

Dua puluh lapan tahun Amerika berusaha untuk menumbangkan rejim Ayatollah di Iran selepas berlakunya revolusi Iran pada tahun 1978 sampai hari ini Amerika gagal. Iran terus survive, maju ke hadapan sebagai sebuah negara yang berdaulat yang amat kita banggakan sampai hari ini. Iran telah di'insulate' daripada dunia luar, mata wang Iran, apa nama saya pun sudah tidak ingat, tidak boleh didagangkan di luar negara, tiada siapa berminat dengan duit Iran. Mereka telah meletakkan sampai kepada ekonomi embargo, sama dengan Iraq sampai hari ini tetapi negara ini masih survive, masih gagah perkasa, baik Iran, baik Iraq. Mereka telah cuba secara serangan menggunakan peluru berpandu, secara menggunakan ekonomi embargo, mereka gagal sebab bangsa Iran dan Iraq ialah bangsa yang tinggi semangat patriotisme, mereka tidak akan jual maruah bangsa mereka, tidak ada nilai dari segi wang ringgit. Sebab itu dalam pemikiran bangsa Iraq dan Iran, mereka tidak fikir pun IMF ini dan saya percaya mereka tidak tahu ada IMF. Mereka perang secara langsung dengan Presiden Amerika Syarikat, dengan kuasa Amerika Syarikat secara terbuka.

Kita hari ini hanya berhempas pulas dengan IMF sebab agenda Amerika di Asia ini, mereka berpendapat cukup menggunakan agensi-agensi seperti IMF ini untuk merangka agenda mereka, berselindung di sebalik IMF, melemahkan negara-negara tertentu sehingga mereka boleh melantik boneka mereka menjadi pemimpin di negara-negara yang mereka harap dapat menjadi alat mereka. Eksperimen yang dibuat oleh IMF berjaya, bila eksperimen ini dibuat? Sesudah Amerika besar kepala, saingan kepada USSR bukan lagi ancaman komunis, bukan lagi saingan kepada Amerika dan negara China yang ada pasaran, tidak kurang dari

1.2 bilion population yang akhirnya menerima dasar market economy, pasaran terbuka walaupun tidak mengubah dasar kefahaman sosialisme atau komunismenya tetapi juga mula mengubah pendekatan dasar ekonomi, termasuk Vietnam yang dulu dikatakan juga negara komunis.

Apabila dalam beberapa tahun kebelakangan ini mereka melihat kemunculan negara-negara Asia dari segi ekonomi yang gagah perkasa, apa yang dikatakan “The Asia Tigers” dan negara-negara Asia sudah mula dapat mengeluarkan barangan yang bermutu, yang sama competitive, sama dengan barangan keluaran negara-negara Eropah ataupun Amerika dan melihat potensi pada pasaran di negara China maka Amerika sudah mula cemas, mereka mula merancang bagaimana hendak melumpuh setengah-setengah negara Asia yang mula sudah bangkit sebagai Asia Tigers termasuk Korea Selatan, Indonesia dan negara-negara lain sampailah ke negara kita.

Maka eksperimen mereka tidak payah kepada strategi ketenteraan, pada mereka cukup dengan strategi ekonomi maka yang terbaik bagi mereka ialah menggunakan IMF. Dan sebelum IMF berfungsi, ia bukan soal IMF ini gagal seperti mana yang disebutkan oleh Dato’ Aziz tadi, apa yang IMF buat, Michel Camdessus buat, mereka sedar apa yang mereka buat untuk mencapai matlamat mereka. Bukan masalah IMF atau Michel Camdessus tidak pandai, dia pandailah dia boleh buat ini. Kalau dia tidak pandai dia tak buat dan dia sedar apa yang dia buat. Bukan dia gagal, dia sudah berjaya. Michel Camdessus sudah berjaya atas arahan telunjuk Amerika sama ada melalui Pentagon atau CIA. Mereka sudah berjaya, mereka membuat eksperimen.

Kebangkitan Asia Tigers bahaya dari segi ekonomi sebab boleh mengancam mereka, boleh mengancam industri mereka, mungkin mereka sudah guna melalui macam-macam persidangan antarabangsa untuk mengenakan macam-macam polisi trade protection. Tengok sahaja syarat-syarat yang ada dalam itu, WTO. Tengok sahaja persidangan alam sekitar yang semuanya dimasuk dan dicampur-aduk dengan urusan-urusan ekonomi, isu human right itu dijadikan agenda utama dalam sebarang persidangan hatta dalam soal-soal urusan hal ehwal ekonomi dan kewangan pun agenda human right itu dijadikan perkara yang asas.

Sebab itu China tidak dapat menjadi anggota WTO sebab Communist China tidak menghormati human right.

Jadi sebenarnya apa yang dibuat oleh IMF ini, dia tahu dan sedar, betul apa yang dia buat sebab agenda dia hendak melemahkan ekonomi Asia dan menghalang kemaraan China yang boleh satu hari nanti menjadi kuasa yang besar bukan sahaja sehebat USSR dahulu malah boleh bersaing dengan Amerika Syarikat. Apakah China tidak mampu mengeluarkan peluru berpandu hatta mengeluarkan basikal ataupun motosikal yang harganya murah tetapi bermutu tinggi dengan pasaran 1.2 bilion. Ini Amerika tahu, so, pada saya, saya tidak surprise this is the agenda.

Cuma kita kena faham seperti bangsa Iraq dan Iran sebagai contoh yang terbaik bukan saya bersetuju dengan politik Iraq dan Iran, tidak. Saya hanya bercakap dari segi kesedaran semangat patriotisme bangsa Iraq dan Iran yang boleh dijadikan contoh dan teladan sebab mereka ada agenda, ini agenda mereka dan eksperimen yang mereka buat, mereka serang. Dia cari dahulu yang mana yang dia boleh peralat dengan mudah. Mula-mula dia serang dimana, IMF mengguna siapa? Dia mengguna spekulator mata wang. Orang seperti George Soros, ramai, the hedge fund leaders seperti Soros ini.

The hedge fund mesti baca dan bermesyuarat dengan IMF. Ini yang mereka buat tanpa menggunakan sedikit modal, paper transaction sahaja melalui komputer, boleh bercakap berbilion-bilion ringgit, mana mereka buat dahulu, mulakan dengan negara Thailand dan kita tahu Thailand ini. Dia kenakan Thailand dahulu dan IMF masuk dan IMF boleh mudah Thailand terima IMF sebab kita tahu sejarah Thailand. Sebab itu mudah tentera Jepun masuk ke Thailand untuk melanggar Malaya dahulu sebab setiap negara mempunyai kepentingan masing-masing maka Baht kena. Bila Baht kena, diserang ekonomi Thailand mulalah lumpuh, awal-awal lagi, Thailand sudah isytihar mereka akan menerima pakej IMF.

Kemudian mereka melangkah ke South Korea dan pergi ke Indonesia, rupanya eksperimen di Indonesia yang paling berkesan secara kebetulan Indonesia sendiri pun baru menjalan dasar ekonomi terbuka. Walaupun Indonesia bukan

negara sosialis tetapi penduduknya 100 juta lebih dan rakyatnya miskin dan Amerika tahu dari segi ketahanan Indonesia banyak masalah. Mereka tidak puas hati dengan Timor-Timur. Mereka tahu ada sesetengah pulau-pulau di Indonesia sebahagian darah Indonesia yang boleh dijadikan agenda mereka untuk memecahkan Indonesia, maka mereka masuk ke Indonesia dengan menyerang Rupiah Indonesia, yang dahulu US\$1 bersamaan Rupiah 2,600 sahaja, sekarang ini US\$1 sampai satu ketika Rupiah 24,000, tukar di black market US\$1 sampai ke Rupiah 40,000, boleh bawa dengan lori duit Rupiah, sampai begitu mereka serang Indonesia. Tentulah bila ekonomi lumpuh, pada rakyat yang kekurangan makanan yang hidupnya terhimpit, pekerjaan sudah hilang, berjuta hilang pekerjaan, mereka tidak nampak Amerika, mereka nampak pemimpin mereka. Di sinilah mereka mengatakan Suharto gagal. 36 tahun Bapa Suharto mentadbir Indonesia mengheret Indonesia daripada sebuah negara yang walaupun kita tahu bangsanya kuat dari segi patriotisme, berjuang menuntut kemerdekaan zaman Sukarno dahulu dengan memakan darah yang tidak sedikit menentang Belanda tetapi sekelip mata mereka menggagalkan sistem ekonomi Indonesia melalui serangan duit Rupiah maka rakyat menyalahkan Suharto, bangkit rakyat Indonesia yang begitu ramai, tunjuk perasaan, Suharto jatuh.

Dahulu tidak ada masalah, orang tahu kalau hendak dituduh soal ketidaktelusan pimpinan Indonesia dalam urusan ekonomi, orang tahu, orang sudah lama bercakap, bukan baharu, anak-anaknya pada masa itu berniaga bunga cengkih, orang tahu, bangsa Indonesia sudah tahu 15 tahun dahulu, tidak ada masalah. Mereka dapat complement kepada pertumbuhan ekonomi dunia Indonesia pada waktu itu tetapi bila terjadi? Bila duit Indonesia diserang, begitu juga South Korea dan saya percaya ada pakatan. Saya cukup yakin ada pakatan di antara IMF ini dengan hedge fund leaders termasuk George Soros, ada pakatan. Sebab itu kita lihat apabila mereka menyerang mata wang mereka berdagang mata wang kita, mata wang Rupiah, kemudian ekonomi lumpuh, apa cadangan pertamanya, maka mereka datang membawa berbagai-bagai cadangan dan cadangan-cadangan itu hanya untuk enhance, dengan izin, hanya untuk memperkukuhkan lagi agenda mereka, antaranya cadangan supaya naikkan interest, lagi kelam kabut. Lagi malang apabila kita ada pula pemimpin-pemimpin yang tidak faham ekonomi

sebab ilmu ekonomi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tahu Tuan Yang di-Pertua pun seorang arkitek, lawyer, tidak mudah hal urusan ekonomi ini.

Walaupun disebut pakar, profesor tidak mudah hendak memahami soal ekonomi ini. Saya masih ingat lagi waktu saya di Tingkatan 6 dahulu, saya baca buku teks, official teks book, ekonomi dahulu oleh Profesor Hacharan Singh Kera. Saya masih ingat lagi buku itu, dia menulis buku ekonomi, lepas itu saya tahu dia berniaga dengan satu kawan buat printing. Saya tidak tahu betul atau tidak betul, mungkin betul mungkin tidak betul terlibat dalam printing. Dekat-dekat hendak bankrap, dia profesor. Bagi lecture ekonomi cukup pandai. Ekonomi ini bukan perkara mudah, very complicated. Orang boleh bercakap, bijak dari segi berpidato yang pandai rhetoric, boleh, Yang Berhormat Mohamad Sabu boleh bercakap bab ekonomi. Ini yang hendak tubuh parti reformasi, nama Malek Husin, dulu di ITM orang panggil “Malek Potato”. Saya rasa dia kena buang dari ITM dahulu kerana tidak lulus belajar bukan kerana tunjuk perasaan. Boleh komen bab ekonomi dengan reporter, saya tengok dalam interview TV, bukan main lagi bergayanya; “Yes, I can hear you”. Diploma pun tidak ada, ya ada degree pun tidak semestinya bab ekonomi, bukan perkara yang mudah.

Dalam dunia globalisasi dengan perkembangan sains dan teknologi dan ekonomi yang menjadi tunggak kepada sesebuah negara, so you need somebody who really understand the economy, lebih-lebih lagi faham ekonomi, faham soal politik dunia, agenda Amerika lebih-lebih lagi. Kalau tidak faham kena perangkap terutama lagi yang ghairah. Saya terkejut di waktu Michel Camdessus pergi ke Indonesia di mana Indonesia terpaksa menerima pakej IMF, ada majlis upacara tandatangan, persetujuan Indonesia menerima pakej IMF. Suharto, Presiden Indonesia yang mewakili 200 juta orang bangsa Indonesia tandatangan macam perisytiharan kemerdekaan dahulu. Di sebelahnya Michel Camdessus, dalam TV saya tengok berpeluk tubuh, Michel Camdessus tengok bahawa Suharto terpaksa menggadai Indonesia, maknanya pinjam duit IMF ini menggadailah, macam kita pinjam duit bank, ada collateral dia. Kalau kita hendak kelulusan daripada bank ada collateral dia, mesti ada tanah, mesti ada kereta sebelum pinjam duit IMF ini kena collateral. Ini dia punya dictation: satu, interest kena tinggi, bank-bank kena tutup, itu kena telus, ini kena telus macam-macam dia punya kerenah, itu collateral IMF.

Oleh kerana dia datang ke Asia, termasuklah di Indonesia maka dia singgahlah di beberapa negara. Dia singgah juga di Malaysia. Saya tahulah dia singgah di Malaysia, saya baca dalam surat khabar. Dia singgah di Malaysia bertemulah dengan pemimpin-pemimpin negara kita.

Waktu itu bekas Timbalan Perdana Menteri merangkap bekas Menteri Kewangan yang sekarang ini dihadap ke mahkamah menjadi Menteri Kewangan. Saya sendiri tidak tahu, saya tahu selepas TV tunjuk baru-baru ini. Waktu itu Michel Camdessus datang ke negara kita, selepas dia pergi ke Indonesia dia mengunjungi bekas Menteri Kewangan kita yang berpakaian baju Melayu berpeluk Michel Camdessus. Saya pun terperanjat. Saya ingat selalu kita berjumpa, budaya bersalam, berpeluk saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, ini di kalangan orang Islam, orang-orang PAS, ABIM suka amalkan, selalu berpeluk. Rupanya amalan budaya berpeluk semua sekali, termasuk juga berpeluk dengan Michel Camdessus. Saya pun terperanjat, sebab pada saya the last person untuk berpeluk dengan Michel Camdessus orang macam Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang saya puja selama ini sebagai lambang patriotik negara. Zaman tahun 70-an dahulu, lambang kepimpinan Islam, lambang segala idealisme pelajar-pelajar, termasuk pegawai-pegawai kerajaan yang ada mungkin setengah-setengah dahulu graduate in the late 1970. Boleh berpeluk dengan Michel Camdessus, saya pun tidak tahu.

Dengan saya pun sudah lama, jarang tidak berpeluk, rupanya berpeluk dengan Michel Camdessus. Dia pun peluk saya dahulu, di Kem Kamunting dahulu pun berpeluk juga. Katil pun dekat-dekat, Yang Berhormat Datuk Sairin, tetapi tidaklah saya buat apa-apa pun. *[Ketawa]* I can't imagine, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dia boleh berpeluk dengan Michel Camdessus. Maka tidak hairanlah saya rupanya kawan dia Dato' Nallakarupan, yang menjadi Lembaga Pengarah kepada syarikat judi. Jadi, dunia ini kadang-kadang yang Allah buat manusia memang kita tidak tahu. Sebab itu dahulu ada Abdullah bin Ubai, ada Al-Ronji daripada Indonesia. Kalau dari segi sejarah Islam ada macam-macam.

Sebab itulah betul kata pepatah orang tua-tua kita, kalau tanya Datuk Zainuddin Maidin, dia tahulah, 'don't judge the book by its cover'. Baru saya sedar rupanya kita nilai manusia ini janganlah tengok kepada rupa bentuk, pakaian, percakapan. Saya pun baru sedar, rupanya di situ duduknya nilai segala-galanya. Bukan pada kopiah, pada ketayap, tetapi ia duduk pada yang saya katakan tadi. Jadi alat kepada IMF. Tetapi Perdana Menteri kita ini orang yang terlalu sabar. Dia tidak mahu juga sebut, dia pertahankan juga, baru inilah kita terpaksa mengakui bahawa kelam-kabutnya ekonomi negara kita ini. Walaupun kita tidak menerima pakej IMF, tidak menerima pertolongan IMF, alhamdulillah, tetapi sebahagian daripada cadangan IMF diterima pakai oleh negara kita di waktu ada bekas Menteri Kewangan, seperti menaikkan kadar faedah bank sebagai contoh.

Akhir sekali, saya cukup bangga apabila bekas Menteri Kewangan kita dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan IMF. Saya ingat mulamulanya perlantikan ini satu penghormatan kepada negara. Rupa-rupanya IMF, Amerika ini ada agenda di mana kalau orang yang dia sokong itu, sudah sah dikira dia boleh guna, dia boleh guna pakai, dia boleh peralat. Mungkin orang macam kita ini bukan sahaja jauh daripada dia hendak lantik, hendak pergi berurusan dengan kedutaannya pun susah. Dia tengok oranglah, maka dia kira siapa yang dia boleh peralat, yang boleh ikut telunjuk dia. Sehingga dia hendak masuk poket orang yang dia boleh gunakan ini, dia impress, macam-macam impress.

Kita sebagai manusia lemah. Serupa juga kita sebagai pemimpin kalau kita pergi ke kampung, pangkat tidak besar, kalau orang kampung palu kompong, bawa bunga manggar, yang tidak ada pangkat, yang tidak ada jawatan pun bila rakyat minta tiga buah komputer, lulus walaupun duit tidak ada. Sebab dia disambut dengan kompongnya, dengan pintu gerbangnya. Rakyat pun erti. Samalah juga dengan kawan kita ini. Amerika sudah tengok this is a fantastic man, good orator, very polish image, very shinning dari segi Islamic image. Tetapi mungkin dalam Michel Camdessus bercakap dengan pemimpin-pemimpin kita berkenaan ini, rupanya orang ini tidak berapa faham ekonomi. Saya yakin dia cadang itu, cadang

ini, okay you must be transparent, ini sesuai dengan dasar perjuangan you dahulu. Macam-macam, main okay sahaja. Dia tengok kawan ini tidak faham ekonomi, maka dia rasa dia boleh peralat. Kebetulan kawan ini melawat pula ke Amerika Syarikat hendak impresskan lagi, dibentang red carpet di depan Bangunan Pentagon dan salute, yang selalunya diberi kepada ketua negara. Kalau kita di Malaysia diberi kepada Agong. Kalau negara yang tidak beraja diberi kepada presiden. Diberi inspection guard of honour with the hand on the back.

Belum pernah berlaku hal Amerika boleh trick, dari segi protokol seorang Timbalan Perdana Menteri daripada Malaysia. Mula-mula kita rasa kagum, tetapi forward purpose because its against the protocol. Dari segi amalan biasanya that will be accorded, dengan izin, ke pada presiden ataupun raja sesebuah negara, with the hand on the back. Untuk tujuan apa? Sah pada saya inilah kawan saya. Bukan orang macam Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang selalu menegur itu dan ini, yang berani menegur mereka. Ini boleh pakai, yang Dr. Mahathir tidak boleh. Perdana Menteri pergi ke persidangan Earth Summit dahulu, yang lain semua bercakap mengampu sahaja. Dr. Mahathir berucap menegur soal keadilan sejagat, banyak perkara dia bercakap. Oh, ini seorang lagi, rupanya ada juga Castro di Asia, ada juga Saddam Hussin di Malaysia, ada juga Ayatollah Khomeini di Malaysia, mulai daripada itulah maka dia tidak senang hati. Sebab itu dalam hal ekonomi kita hendak pemimpin dunia sekarang ini kena fahamlah, it is not easy. Sebab itu saya selalu tegur kawan-kawan daripada PAS. Soal memerintah semua orang hendak perintah, semua orang hendak jadi pemimpin, hendak mentadbir, hendak melaksanakan dasar itu dasar ini. Cakap bolehlah, hendak buat tidak mudah. Hendak sebut 'français' pun tidak berapa betul, ada sesetengah saya tanya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat duduk di sanakah atau di sini. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi ke situ sebab Yang Berhormat sedang bercakap seronok sangat. Jadi,

sekarang sudah nampak lembut sedikit barulah saya berdiri. Hendak masuk sana susah juga. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan sedikit. Apakah kriteria hendak jadi pemimpin, hendak jadi Perdana Menteri Malaysia. Orang yang macam mana yang patut kita wujudkan. Tadi dia sebut berkenaan dengan Ayatollah Khomeini, Saddam Hussin dan seorang lagi Castro. Itu kita pun tahu ada yang baik ada yang tidak baik. Dari segi hendak jadi Perdana Menteri bukan semua orang boleh jadi Perdana Menteri. Orang macam Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali tidak mungkin boleh jadi Perdana Menteri. Orang macam saya ini pun tidak mungkin boleh jadi Perdana Menteri, tetapi barangkali kalau jadi Menteri Besar boleh. Jadi, apa kriterianya. *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah hurailah soal kriteria, kita tahu dasar kita dalam perspektif Islam pun ada, dalam konteks ekonomi pun kita boleh jawab, cuma kita ambil mana yang baik. Kriteria dari segi semangat patriotisme boleh kita pinjam daripada Cuba, Iraq dan Iran tetapi dari segi ekonomi jangan diikut mereka sangat, mungkin kita ada cara kita, flexible kita. Pokoknya kena faham, jangan tidak faham, yang saya bimbang yang tidak faham, tidak faham bab agama hendak menjadi pemimpin agama, tidak faham ekonomi hendak jadi pemimpin ekonomi, seperti Yang Berhormat Mohamad bin Sabu, ekonomi pun tidak berapa faham, agama pun tidak berapa mengaji, boleh bercakap semua sekali harung, sebahagian daripada pemimpinlah.

Jadi itu soal kriteria, soal layak atau tidak itu soal penilaianlah, saya setuju Dato' boleh jadi MB tetapi Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pernah diberi peluang menjadi Timbalan Perdana Menteri, saya ini dikira acuan yang samalah, saya rasa kalau tidak Perdana Menteri, timbalan boleh, hendak cuba-cubalah. Bukan tidak boleh yang pentingnya moral bagus, akhlak bagus, cakap-cakap pun bagus tetapi bercakap pun janganlah bercakap lain buat lain. Kalau tidak cukup satu, kahwin dua, tidak cukup dua, kahwin tiga, tidak cukup tiga kahwin empat, tetapi janganlah tidak cukup empat pun, kahwin empat pun belum lagi, kahwin dengan lelaki pula, mana boleh.

Ini bab moral, bab kebolehan dari segi kebolehan ekonomi kena diuji dahulu, saya cakap terus terang sebab saya orang transparent, bab ekonomi ada syaratnya, bidang ekonomi dia faham, kita dengar dia bentang kertas kerja, jangan pula dia bentang kertas kerja itu orang lain yang tolong tulis kertas kerja. Sebab itu saya selalu bercakap tidak pakai teks, saya hendak beritahu ini genuine, original dari saya. Walaupun memang ada yang membaca teks tetapi dia tulis sendiri, sebab itu kita kena lihat manusia ini, kita kena faham. Bentang kertas kerja, bercakap di IMF sebagai Menteri Kewangan, bercakap pun gunakan teks, bila orang tanya soal teknikal mula pening kepala, tidak boleh.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak sentuh apa-apa cuma hendak mengingatkan kita bersama, tadi tersentuh sedikit Datuk Ibrahim mengutuk kita dan budaya beliau memang selalu mengatakan kepada orang itu dan orang ini, semalam pun Datuk Ibrahim mengatakan sedikit kepada Dato' Zuki, saya terasa dalam masa yang sama Datuk Ibrahim mengatakan psikologi pun ada side effects juga tetapi sekarang saya ingin mengingatkan bahawa dasar perjuangan kami adalah Al-Qur'an dan Sunnah Rasul. Tuhan beri ingatan kita dalam Al-Qur'an, [*Membaca sepotong ayat Al-Qur'an*], Jangan kita mengata kepada orang itu, jangan kita mencela, kita bimbang takut orang yang kita katakan itu lebih baik daripada kita. Minta maaf, setakat itu sahaja.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Saya setuju dengan Yang Berhormat kakak saya ini daripada PAS, Yang Berhormat mungkin betul sebab itu saya tidak pernah mengata kepada Yang Berhormat, saya mengata kepada PAS. Saya kata pemimpin lain, orang-orang PAS pun lebih celaru daripada mulut saya, hendak saya buktikan, esok saya bawa tape recorder, kita dengar. Pemimpin-pemimpin PAS bercakap di masjid-masjid berceramah mengata Dr. Mahathir, mengata pemimpin UMNO, hendak dengar atau tidak? Saya takut tidak tahan mendengarnya nanti. Sebab itu saya kata kerana saya ada fakta dan Allah Ta'ala pun suruh bercakaplah perkara yang benar ini walaupun pahit, saya tidak

berselindung di sebalik agama tetapi orang PAS seperti itu, minta maaf bukanlah saya hendak mengata, tetapi saya mengata benda yang fakta.

Lihat dalam *Harakah*, saya baca dalam Asia Week, ini ada di depan saya, yang baru keluar. Ini Timbalan Presiden PAS condemn sebab tidak pernah diberi peluang dalam media-media tempatan. Dalam surat khabar *Utusan Malaysia* lihat berita Datuk Nik Aziz, saya pun tidak dapat sebanyak itu kalau dibandingkan dengan pemimpin PAS yang *Utusan Malaysia* beri tetapi buka dalam *Harakah* ada juga berita-berita yang baik untuk Dr. Mahathir, pemimpin-pemimpin kerajaan, apa salahnya tetapi semuanya tidak betul tetapi di surat khabarnya tidak apalah. Kalau orang tidak masuk PAS, dia kritik, ini bukti yang nyata, bukti yang jelas. Yang Berhormat saya tidak kata, baiklah Yang Berhormat balik dan nasihatkan mereka sebagai seorang ibu. Saya terima dengan baik pandangan itu tetapi saya terpaksa mempertahankan ini sebab hakikatnya begitu. Yang Berhormat bukan orang Kelantan cuma dilantik oleh kerana menjadi Ketua Muslimat PAS. PAS tidak boleh bertanding di luar Kelantan, kalau bertanding tidak akan menang, sama juga dengan Yang Berhormat Mohamad bin Sabu, Yang Berhormat Daeng Mariok kena bertanding di Kelantan sebab orang Kelantan ini terbuka sedikit. Walaupun dikatakan orang Kelantan ini regionalistic, semangat kenegerian tetapi for record, dahulu orang Perak menang, wakil Tumpat, orang Kelantan terima, orang Kelantan undi Yang Berhormat Mohamad bin Sabu, orang Kelantan undi Yang Berhormat Daeng Mariok, Yang Berhormat sekarang menjadi Senator atas Dewan Undangan Negeri Kelantan, tidak ada hal tetapi saya hendak beritahu yang sebenarnya itulah kelakuan pemimpin PAS.

Hal-hal reformasi sekarang ini, kata tidak campur, ada sesetengah campur, ada sesetengah tidak campur, ada yang sesetengah jadi tukang organize, duduk di hadapan dan kawan duduk di belakang, kita tahu, tidak usah berselindunglah pakai jubah macam mana pun nampak. Ini politik, saya faham lah oleh kerana PAS parti pembangkang, Yang Berhormat parti lain, saya parti lain, masing-masing hendak menang parti, masing-masing bercakaplah tetapi biarlah fakta itu menjadi saksi, itu

yang sebenarnya, saya bukan hendak mengata. Sama juga dengan soal kepimpinan sekarang ini, bab kriteria yang sekarang kita bincang MF ini, kalau tidak orang tipu, kena tipu.

Macam Menteri Besar Kelantan tandatangan perjanjian dengan Kelantan Water dengan syarikat dari Great Britian, Thames Water, hari ini apa yang jadi. Kita sokong penswastaaan, eloklah air itu diswastakan tetapi kena pandai. Saya cukup hormat kepada tokoh agama, orang tahu agama, yang boleh tafsir, kita pun hendak mengaji sama tetapi bila bab ekonomi ia tidak ada kena-mengena dengan tafsir, ia kena faham. Ini sains surat buta tuli, hari ini hutang sudah RM70 juta. Ini yang saya katakan bab ekonomi, kalau saya cakap, tidak tahan pula.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun].*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Kalau tanya tidak sempat saya hendak jawab pula, saya rasa sekejap lagilah, bila sambung nanti boleh bertanya, saya beri peluang nanti.

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas makan nantilah.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Selepas makan, nanti masuk 'sejuk' sedikit, nanti setuju dengan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak beri laluan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Insya-Allah saya akan beri laluan. Saya ingin memperjelaskan perkara yang fakta sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali diminta sambung.

2.30 ptg

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Dewan ini ditangguh, saya telah menyatakan bahawa IMF ini bukan sahaja Michel Camdessus ini sebagaimana usul Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz supaya meletakkan jawatan tetapi juga mempersoalkan sampai ke peringkat bahawa International Monetary Fund ataupun IMF ini dibubarkan sahaja.

Bagi menyambung hujah saya tadi, Tuan Yang di-Pertua, memang jelas bahawa IMF merupakan alat kepada kuasa besar Amerika Syarikat yang berfungsi sama seperti CIA iaitu Central Intelligence Agency of America di mana walaupun mereka bercakap soal pengurusan kewangan antarabangsa dengan kata-kata yang cukup sedap didengar, transparency, ketelusan dan dikaitkan juga dengan isu-isu yang tidak ada kena mengena dengan ekonomi, tetapi IMF sendiri tidak telus. IMF sendiri hanya bertindak berdasarkan arahan senyap ataupun di sebaliknya yang dilakukan oleh kuasa besar Amerika Syarikat.

Jadi sebab itu pada kita IMF ini kita kena terima hakikat bahawa ianya tidak mempunyai peranan apa-apa pun. Yang pentingnya ialah kita rakyat Malaysia, bangsa Malaysia, kena bersedia menerima hakikat ini kalau kita mahu menjadi sebuah negara yang bermaruah, berdaulat dan tidak dikucar-kacirkan oleh kehendak agenda daripada negara besar ini maka kita mesti bersedia apa yang dikatakan mempertahankan maruah bangsa dan negara ini dengan semangat patriotisme yang tinggi, kita boleh mengatasi masalah kegawatan ekonomi.

Walaupun IMF menutup mata, langsung tidak memberi perhatian atas saranan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita mesti, dengan izin, to regulate the financial system ataupun mesti diadakan peraturan tentang pengurusan kewangan antarabangsa. Walaupun hakikat ini telah mula diterima oleh banyak pihak dan diakui malah di sidang APEC bahawa krisis ekonomi yang berlaku sekarang ini akibat daripada kegiatan spekulasi mata wang, tetapi tidak ada keputusan malah tidak ada reaksi yang tegas untuk membincangkan perkara ini iaitu di mana kegiatan spekulasi mata wang ini mesti juga ada peraturannya seperti dagangan-dagangan lain.

Oleh kerana IMF langsung tidak menghiraukan perkara ini dan kita sedar apa yang berlaku tetapi bagi kita nyata sekali tanpa IMF pun kita boleh terus hidup dan maju. Cuma tinggal lagi, tentulah kita memerlukan pengorbanan semua pihak lebih-lebih lagi rakyat negara kita Malaysia. Setakat hari ini, saya cukup bangga, Tuan Yang di-Pertua, melihat sikap rakyat Malaysia di mana dalam tempoh setahun setengah kita menghadapi kegawatan ekonomi akibat daripada spekulasi mata wang ini, bukan sahaja kita tidak tunduk kepada kehendak IMF ataupun International Monetary Fund ini, malah pucuk pimpinan negara kita sedikit demi sedikit dalam keadaan yang dikecam dan ditekan begitu rupa masih lagi kita mampu bernafas dan masih lagi kita mampu berdiri sehingga kita lihat kenyataan yang dibuat oleh Gabenor Bank Negara baru-baru ini dengan menyatakan bahawa tempoh paling sukar sudah berlalu, di mana sesudah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan membentangkan rancangan tindak balas terhadap kegagalan IMF dan untuk menangani golongan spekulasi mata wang dengan mengemukakan tindakan apa yang dikatakan capital control ataupun kawalan modal di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengejutkan dunia iaitu mata wang kita sudah tidak diperlakukan lagi di luar negara.

Akibat daripada itu, ianya memberi kesukaran dan menghalang golongan dagangan spekulasi mata wang ini termasuk George Soros sehingga mereka juga mungkin mengalami kerugian walaupun sebelum ini mereka telah membuat dan mengaut keuntungan yang begitu banyak sehingga apabila kawalan modal ini diperkenalkan barulah mereka sedar bahawa negara Malaysia, kepimpinan negara Malaysia tidak mudah diperkotak-katikkan dan tidak mudah menyerah kalah seperti setengah-setengah negara lain yang mengalami masalah yang sama.

Kegagalan ataupun kekecewaan golongan spekulasi mata wang ini terutamanya George Soros dapat disahkan apabila beliau berucap di John Hopkins University baru-baru ini dengan secara yang terbuka menyeru kononnya menyeru rakyat Malaysia menukar kepimpinan negara, dengan lain-lain perkataan menjatuhkan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Datang dari

seorang kononnya pakar ekonomi tetapi yang kita tahu pakar spekulasi mata wang daripada George Soros ini, bukan sahaja George Soros malah kita dikejutkan dengan ucapan Al Gore di waktu berucap di majlis makan malam sempena sidang APEC baru-baru ini, hanya membuktikan bahawa mereka cukup kecewa sebab pada anggapan mereka pada awal-awal lagi Malaysia di antara negara-negara yang akan tunduk ataupun tumbang seperti Indonesia, di sebaliknya tidak berlaku. Baik kenyataan Al Gore ataupun kenyataan Soros di John Hopkins University baru-baru ini daripada sebuah negara besar, kuasa besar, Naib Presiden Amerika Syarikat dan daripada seorang yang dikatakan pakar ekonomi nyata sekali ucapan mereka, seruan mereka yang kita baca telah dikecam oleh pemimpin-pemimpin dalam negara kita ini tidak ada bahasa yang tidak boleh kita sebut - bukan sahaja biadap, kurang ajar, ucapan yang tidak ada otak, semuanya sesuai dilabelkan sebab kalau dia memahami tamadun manusia, dia mengiktiraf keilmuan dan juga sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara-negara di dunia ini tidak sepatutnya mereka membuat ucapan yang demikian.

Maknanya dalam satu ucapan yang terbuka menghasut rakyat Malaysia seperti mana mereka membuat ucapan menghasut rakyat Indonesia hari-hari bukan sahaja ucapan, membiayai tunjuk-tunjuk perasaan. Saya percaya seperti di Indonesia Tuan Yang di-Pertua, ada kuasa asing yang saya berani menyatakan sama ada langsung atau tidak langsung CIA mungkin terlibat dalam membiayai gerakan-gerakan di bawah nama kebangkitan rakyat ini sebab mustahil tunjuk perasaan boleh dibuat sepanjang hari, setiap hari dan mereka yang terlibat menggunakan kenderaan-kenderaan daripada jauh turun ke Kota Raya Jakarta yang saya percaya semuanya ini adalah agenda yang dilakukan oleh pihak CIA dan ada kena mengena dengan semua agensi yang membabitkan kepentingan Amerika Syarikat. Tetapi bagi kita sampai hari ini Malaysia masih mampu bertahan, tidak ada harga yang boleh dibayar.

Bagi mereka yang memahami apa itu semangat patriotisme, semangat patriotisme ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti tengok setengah-setengah negara

bagaimana rakyat Palestin berjuang untuk membebaskan bumi Baitulmaqdis, bagaimana bangsa Afghan berjuang untuk membebaskan negara Afghan satu ketika dahulu di bawah takluk Rusia. Mereka memberi nyawa, berbeza dengan kita setakat ini rakyat Malaysia belum lagi dituntut untuk bersedia berjuang jiwa dan raga sampai ke peringkat medan perang, baik kanak-kanak, baik wanita, golongan muda, golongan tua terpaksa mengangkat senjata untuk mempertahankan maruah dan hak tanah air mereka tetapi di negara kita ini dengan kebijaksanaan kepimpinan negara kita ini dibantu oleh sokongan rakyat, hanya apa yang diminta oleh rakyat ialah jangan terpengaruh dengan agenda asing ini. Setakat jangan terpengaruh dengan mereka ini, jangan mudah beremosi dan pada masa yang sama bersedia untuk menghadapi masalah ini dalam apa jua keadaan pun. Antara lain kita lihat kita bangga dengan rakyat Malaysia lebih-lebih lagi dengan kesatuan sekerja, CUEPACS, pertubuhan NGO dikecuali segelintir dan rakyat Malaysia yang majoriti umumnya bersama dengan pimpinan negara kita mempertahankan maruah dan tanah air kita.

Walau apa pun sebab, walaupun ada sedikit sebanyak kelemahan tetapi 'bottom line'nya apa pun keadaan, hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri kita, tidak ada perkara yang lebih berharga dan bernilai daripada mempertahankan martabat dan maruah bangsa negara kita. Inilah yang cukup membanggakan dengan rakyat Malaysia dan inilah yang mengecewakan Michel Camdessus, William Cohen, Rupert Rubin, AlGore dan Bill Clinton dari Amerika Syarikat. Mereka sungguh kecewa dengan semangat rakyat Malaysia, walaupun rakyat Malaysia tidak menunjuk patriotismenya di jalan-jalan raya, cuma tinggal lagi mereka tidak ikut serta dengan segelintir golongan reformasi yang diperalatkan oleh pihak asing ini juga.

Kita lihat bagaimana rakyat Malaysia dalam tempoh satu setengah tahun apabila kerajaan mengatakan tidak mungkin kerajaan dapat membayar bonus pada tahun ini. Oleh kerana defisit negara kita, belanjawan tahun ini RM16 bilion iaitu 6% daripada KDNK, ramai pihak termasuk parti pembangkang, golongan

reformasi, cuba menyemarakkan dan mengapiakan rakyat serta kakitangan kerajaan dengan macam-macam isu, macam-macam dalam Internet kita baca, cuba mengapiakan rakyat dengan macam-macam tohmahan, fitnah, tuduhan dan macam-macam, kalau kita baca sememangnya cukup mudah untuk membakar semangat rakyat bagi tujuan supaya rakyat memberontak, jadi huru-hara, akhir sekali keadaan tidak terkawal, keamanan akan hilang, kestabilan politik akan hilang, jadi macam Indonesia, itu yang mereka kehendaki tetapi tidak berlaku, alhamdulillah.

Dahulu berlaku tiap-tiap minggu di Masjid Negara, di Padang Kelab Sultan Sulaiman, di Masjid Kampung Baru, di Masjid Jamek sampai ke peringkat ada yang membawa sepanduk ataupun manila kad yang ditulis 'Bill Clinton, tangkap Dr. Mahathir!', 'AlGore, ganyang Mahathir!' yang bawa kertas-kertas dan sepanduk-sepanduk ini saya tengok adalah segelintir pelajar-pelajar universiti. Semuanya muka orang Melayu, kalau pun mereka tidak senang hati, tidak setuju dengan kerajaan dan bukan 100% rakyat setuju dengan kerajaan dalam negara demokrasi, usahkan 100%, hendak cari 60% pun tidak mudah dalam sistem demokrasi, sokongan majoriti sudah mencukupi tetapi kalau tidak setuju sekalipun saya tidak terfikir mereka tergamak boleh membawa sepanduk, kain rentang dengan memuji-muji Albright dan AlGore, memuji pihak asing dan mengecam pemimpin bangsanya sendiri yang dalam darah mereka itu, darah bangsa Melayu, darah kita sesama umat Islam, sesama bangsa kita mereka tergamak boleh diperalatkan.

Pertunjukan ini di Masjid Kampung Bahru di beberapa tempat dan baik CNN, CNBC News dan akhbar-akhbar asing mengambil gambar dalam sudut yang strategik menggambarkan seolah-olah kehadirannya 100,000 - 200,000 orang dan ianya seolah-olah berlaku setiap hari, tidak ada lagi keamanan di Kuala Lumpur dalam negara kita ini dengan tujuan semata-mata hendak menakutkan pelabur asing, hendak melemahkan negara kita tetapi walaupun usaha itu dibuat hari ini kita masih kuat.

Walaupun rakyat tidak tunjuk sokongan secara terbuka, turun juga ke jalan raya bagi menyokong kepimpinan yang ada pada hari ini tetapi kerjasama mereka sudah cukup. Kerjasama mereka membuktikan bahawa rakyat kita mempunyai semangat patriotisme yang tinggi cukup mengagumkan. Saya amat terasa sekali betapa hebatnya bangsa Malaysia ini, sudah sampai bukan sahaja kepada bangsa yang bertamadun tetapi tidak mudah diperkotak-katikan oleh orang luar sehingga ke peringkat hari ini kita lihat walaupun tanpa IMF keadaannya makin beransur pulih sehingga walaupun sebelum ini Perdana Menteri mengatakan tidak mungkin kita dapat beri bonus tetapi baru-baru ini kita semua maklum RM400.00 yang diberi sebagai apa pun bentuk kita hendak katalah, tanda ingatan kerajaan kepada kakitangan kerajaan yang melibatkan RM300 juta membuktikan bahawa dalam keadaan kegawatan seumpama itu pun kerajaan ambil berat dan kakitangan kerajaan menerima baik dan terus memberi sokongan walaupun ada orang kata cerita-cerita sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, 70% kakitangan kerajaan tidak sokong kerajaan, macam-macam cerita sebab teknologi maklumat Internet tetapi saya tidak percaya demikian, saya tidak percaya di mana kakitangan kerajaan mahupun rakyat, saya percaya kepada bangsa Malaysia mereka tidak akan bakar kelambu kerana marahkan nyamuk.

Kita terima hakikat bahawa ini semua permainan IMF, permainan CIA, permainan agenda kuasa besar Amerika Syarikat tetapi kalau kita kerjasama, memberi sokongan dalam tempoh satu setengah tahun di mana negara-negara yang dibantu oleh IMF belum lagi menunjuk ada apa-apa perubahan yang positif, ada orang kata Thailand sudah pulih, - belum, Thailand belum pulih. Indonesia makin hancur sampai ke peringkat sudah tidak ada lagi keamanan di Indonesia yang menerima bantuan IMF dan kita alhamdulillah tetapi keadaannya semakin pulih, kenyataan yang dibuat oleh Gabenor Bank Negara baru-baru ini, Tan Sri Ali Abul Hassan bin Sulaiman baru-baru ini, beliau mengatakan tempoh paling sukar sudah berlalu, maknanya the worst has over, dengan izin, sudah tidak ada, ini ke arah pemulihan. Maknanya kalau sakit, masuk hospital, kalau buat pembedahan jantung

sudah berpindah daripada wad ICU sudah masuk wad biasa, tidak ada lagi dalam wad ICU.

Bukti nyata sebagaimana kenyataan Gabenor Bank Negara baru-baru ini, ada banyak perkaralah, saya tidak payah ulang di sini, mungkin rakan-rakan saya yang ada di Dewan mulia ini telah membaca kenyataan Gabenor Bank Negara baru-baru ini, cuma saya bangkitkan ini bahawa kita boleh dan mampu mengatasi masalah kita sendiri tanpa IMF, kita tidak perlu kepada IMF. Sebab itulah yang saya katakan awal-awal tadi kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz kita tukar siapa pun, serupa sahaja, lebih baik kita bubar. Kita belajar daripada Iran, kita belajar daripada Iraq dan kita belajar daripada Cuba.

Saya mengambil kesempatan untuk mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke Cuba. Kalau baca berita daripada akhbar-akhbar asing dalam majalah-majalah *Times*, *News Week*, tidak ada yang betul dengan Cuba. Tetapi apabila saya pergi ke Cuba beberapa hari, saya tengok keadaan rakyat Cuba cukup jovial, very cheerful, aman, tidak sebagaimana yang digambarkan dalam akhbar. Macam-macam cerita keburukan Fidel Castro, saya bukan bela Fidel Castro, dia ideologi lain, saya tidak terima ideologi dia, tetapi apa yang saya lihat di Cuba dan mereka boleh maju dan mereka mampu juga boleh berdiri di atas kaki mereka sendiri, sama dengan orang Iran.

Masalah dengan kawalan modal, ada setengah-setengah pihak yang tidak faham dengan ekonomi, ini apa hendak jadi, bila kita buat kawalan modal dan duit kita tidak laku. Memang dari dahulu lagi, that our money cannot be traded outside. Cuma dahulu duit Malaysia ini, ada setengah-setengah negara kalau kita bawa boleh ditukar kerana ekonomi kita kuat. Masyarakat antarabangsa percaya kepada ekonomi kita sebab itu kalau kita pergi ke London, duit Malaysia boleh ditukar daripada Ringgit Malaysia ke Pound Sterling, boleh tukar cuma sekarang ini tidak boleh lagi.

Sebenarnya tidak boleh dari dahulu lagi, tidak boleh didagang dari dahulu lagi, yang boleh digunakan di peringkat antarabangsa ialah duit Dolar, itu yang

ditetapkan oleh IMF iaitu the only legal currency dari segi international trade ialah Dollar America, Pound Sterling tidak boleh, Deutschemark tidak boleh, Singapore Dollar tidak boleh. Termaktub sudah dalam ini bahawasanya duit ini tidak boleh termasuk duit Malaysia tidak boleh didagangkan di luar negara.

Kalau dahulu kita boleh tukar oleh kerana orang percaya kepada ekonomi negara kita, jadi bukan perkara baru dan akhirnya dapat menolong ekonomi negara kita. Saya sebut tadi macam Iran sejak revolusi sampai sekarang, Iran tidak diiktiraf, duit Iran hendak berdagang dengan Iran bukan main susah tetapi rakyat Iran hari ini umumnya bahagia, sudah 28 tahun mereka dapat berdiri di atas kaki sendiri, sama juga negara kita cuma mungkin kita tidak pernah mengalami dulu dan kita hidup dalam keadaan senang, maka bila kena macam ini kita terkejut sedikit tetapi ada blessing disguise, dengan izin, ada hikmahnya, mungkin ini dapat menggilap lagi semangat patriotisme bangsa dan rakyat kita.

Kita cukup banggalah dengan apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi sekali gus Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini bukan sahaja seorang pemimpin politik, bukan sahaja seorang pentadbir yang baik tetapi juga seorang ahli fikir ekonomi, walaupun latar belakangnya seorang doktor tetapi dari segi pemikiran beliau sudah diakui oleh banyak pihak. Sebab itu saya mengatakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir telah membawa doctrine politik dan ekonomi. Dia punya falsafah dan wawasan bukan sahaja di negara kita malahan juga di seluruh antero dunia.

Yang Amerika paling marah sekali, saya punya kefahaman, cukup paling marah sekali sebab dia tengok negara-negara lain pergi sahajalah ke mana-mana pemimpin di dunia ini, usah hendak tegur Amerika, hendak batuk pun tidak boleh, naik sahaja di rostrum hendak berucap di mana-mana sahaja dalam mana-mana summit mesti kena puji Amerika. Tidak berani hendak tegur, termasuk negara-negara di Afrika walaupun mereka ditindas, harta mereka dirampas atas nama pembangunan ekonomi tetapi mereka tidak berani bercakap tetapi yang bangun pergi ke rostrum di hadapan pemimpin-pemimpin besar dunia ini ialah Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri kita. Selamba sahaja - satu, satu, ulasan dia padat, mudah difahami, dia communicate pun mudah.

Ini yang mereka marah sehingga kalau hendak dibanding Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir dengan Al Gore, jauh bumi dengan langit. Al Gore masuk sahaja ke Malaysia terus sahaja ke Dewan PWTC berucap, hentam. Apabila selesai APEC, Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir buat press conference di The Mine, bila akhbar asing tanya, macam mana ucapan Al Gore, dia jawab, “Yakah, saya pun tidak dengar”. Wisdom, statement daripada seorang pemimpin negara Malaysia. Berbeza dengan sebuah negara Amerika yang mengatakan tamadun ini, yang dikatakan maju ini, di sini kita boleh dapat bandingkan di antara pemimpin negara kita dengan pemimpin Amerika.

Mereka cukup rimas sebab dahulu mereka ingat ada masalah, bila komunis hancur tidak ada masalah pada Amerika, dia the world police, dia pemimpin dunia. Dulu ada sedikit-sedikit di zaman pemimpin-pemimpin Negara Berkecuali, saya masih ingat masa Sukarno dahulu, Itto Yugoslavia dan Jamal Abdul Nasir daripada Mesir, ini pemimpin yang menubuhkan gagasan Negara Berkecuali, pun tidak begitu berkesan dari segi berhadapan dengan kuasa besar dan sampai sekarang ini bila timbul zaman pucuk pimpinan negara kita Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir bermula dengan Dasar Pandang ke Timur, menggerakkan inisiatif Dialog Selatan Selatan dan mencadangkan pula penubuhan EAEC yang membuat Amerika mengamuk sebab ini mengancam kepentingan mereka. Satu langkah demi satu langkah yang dibuat oleh pucuk pemimpin kita dan mereka dapat melihat, ini boleh menggugat kepimpinan mereka dan pada masa yang sama pucuk pimpinan negara kita dapat menggerakkan pembangunan negara kita sehingga bila Al Gore datang ke Malaysia baru-baru ini, dia turun di KLIA, dia singgah sahaja di KLIA, saya dengar daripada Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki, dia sampai sahaja di KLIA, dia terus masuk bilik VIP, dia tengok KLIA, dia tanya dia punya pilot, betulkah Malaysia ini? Dia ingat dia masih berada di Chicago lagi.

Rupa-rupanya dia tidak tahu bahawa yang kapal terbang sudah berada di Malaysia. Dia ingat masih berada di Amerika. Dia tidak terfikir bahawa Malaysia boleh ada lapangan terbang yang begitu canggih, hebat, moden dan cantik dalam dunia ini, betul. Sama dengan wakil rakyat PAS, mula-mula saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, kapal terbang MAS dari Kota Bharu datang ke Kuala Lumpur waktu pindah lapangan terbang dari Lapangan Terbang Subang ke KLIA, saya hendak beritahu Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

Ini cerita betul, kemudian saya ada di Kelantan hendak balik ke Kuala Lumpur, flight yang saya hendak ambil itu adalah yang pertama turun di KLIA ...

Tuan Yang di-Petua: Ada yang bangun.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali supaya jangan berborak dengan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dalam Dewan ini, kalau dia hendak bercerita tentang apa yang dia tahu, kita semua ini hendak dengar juga. Jadi mohon izin, Tuan Yang di -Pertua, supaya saudara saya ini bercerita kepada Dewan Negara, jangan bercerita dengan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki sahaja.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Memang saya bercakap di Dewan Negara, cuma saya rujuk kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki sebab dia bos kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini. Ya, Datuk, jadi

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di -Pertua, saya rasa tidak betul kalau mengatakan saya bos, saya bukan bos, saya hanya ahli biasa Dewan Negara seperti juga Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim dari Kelantan itu, hanya dia menyebut-yebut nama saya itu kalau boleh sebutlah Yang di -Pertua, kalau saya disebut sedikit-sedikit bolehlah semasa dia hendak duduk nanti saya boleh bangun tegur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini tidak begitu percaya dengan kata-kata dengan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim tadi yang mengatakan Al Gore memikirkan dia masih di Chicago, macam mana dia tahu semua ini, adakah dia ada di situ

ataupun dia dapat maklumat daripada orang lainkah atau daripada air hostesskah, macam mana dia tahu semua cerita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia pergi menyambut hari itu.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin Ali: Dia pergi menyambut tetapi takkan Al Gore kata: "I think I'm in Chicago", takkan dia hendak bercakap dengan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim macam itu, mesti ada cara-cara dia. Jadi saya tidak begitu yakin, tidak begitu percaya. Dari segi ucapan lainnya saya percaya, dia sudah bercakap dua jam. Saya berharap Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim akan bercakap sampai pukul lima setengah petang ini. Itu harapan saya supaya pagi esok saya boleh masuk pula. Oleh itu yang lain saya percaya kebanyakannya, ada setengah-setengah itu saya tidak percaya juga.

Tetapi yang ini saya tidak percaya, tidak yakin, melainkan dia mengatakan ada saksi, sekian, sekian dia mengatakan dia dengar cakap saya ataupun dia dengar cakap Al Gore sebab ini dia cakap dalam Dewan, semua ini direkod dan benda-benda ini mestilah betul. Jadi kalau dia tidak beri bukti mengatakan dia adalah pengiring Al Gore pada hari itu, saya susah hendak percaya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Zuki. Tuan Yang di-Pertua, Dato' Zuki ini orangnya full of wisdom, dia bercakap selalu rendah diri, tidak boleh panggil dia bos tetapi di luar kalau tidak panggil dia marah! *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, katakan Al Gore ini bila dia turun di KLIA dia tidak percaya itu Malaysia, dia rasa dia berada di Chicago sebab berdasarkan kepada ucapan dia – turun-turun sahaja dia terus pergi ke hotel penginapan, dia lalu ikut Jalan Ampang, dekat New World Hotel, tengok pula menara paling tinggi di dunia, lebih tinggi daripada Chicago dan daripada airport itu hendak pergi ke Kuala Lumpur, dia tengok lebuhraya pula jalannya cantik, lima, enam lane, lampu indah. Mana Amerika hendak tengok negara-negara membangun seperti Malaysia ataupun Indonesia, negara lain macam yang ada di Malaysia ini. Dia tengok ada jalan lebih baik daripada Amerika, dia tengok bangunan lebih tinggi daripada Amerika, dia tengok airport lebih cantik daripada

Amerika. Itu sebab dia pergi ke persidangan dia mengamuk tu, itu saya kata dia kata begitu itu, itu buktinya.

Sebab saya ini boleh baca dalam. [*Ketawa*] Saya boleh baca dalam, hendak buat macam mana, saya faham begitu dan lebih menyakinkan lagi saya sebab pengalaman dengan wakil rakyat PAS. Ada coincident, tidak tahulah mungkin incident. Tuan Yang di-Pertua, dari Kota Bharu saya naik kapal terbang, hari itu kapal terbang turun di KLIA, first time – duduk di business class, saya tidak hendak sebutlah orangnya, orang PAS, adalah! Saya tahu dia orang PAS! Turun-turun sahaja bila keluar dekat depan itu, seorang itu pusing balik, dia kata, “Eh, kita hendak pergi ke Kuala Lumpur, macam mana pula kapal terbang ini turun di Singapura”. Dia terkejut tengok KLIA, dia dok ingatkan sudah tersalah naik flight pergi ke Singapura. [*Ketawa*] Fasal apa? Dia terkejut sebab - tidak ada orang yang tidak terkejut tengok KLIA itu. Apakah kita tidak bangga?

Tuan Yang di-Pertua, ingat orang Amerika tidak marah, negara lain tidak marah atau tidak iri hatikah, lebih-lebih lagi Amerika Syarikat. Dia kalau boleh hendak beli kereta beli dengan dia, kalau hendak beli kapal terbang beli dengan dia, hendak beli alat tentera beli dengan dia, hendak melancong ke negara dia, serba-serbi kepada dia sahaja tetapi apabila dia tengok kita sudah boleh berdiri di atas kaki sendiri, maka itu yang dia marah. Sebab itulah saya katakan tadi yang mereka hangat hati sangat ini, cari jalan all the Asia tigers ini termasuk Malaysia ini mesti dilayak habis-habis, apatah lagi China sedang bangkit ini. China dahulu yang close economy, komunis telah mula mengamalkan dasar ekonomi terbuka, rakyatnya pun rajin. Kita tahu keturunan bangsa China ini semangat juang mereka pun tinggi, market penduduk pun 1.2 bilion. Amerika panik, Amerika memang takut, mereka rimas dan cemas! Macam-macam dia buat, menggunakan masalah hak asasi, hendak tekan juga dan apatah lagi negara-negara di Asia ini sendiri juga pasarannya besar, sudah boleh membuktikan, macam di Malaysia sudah mampu buat kereta, lori, van, motosikal dan mereka perlu kepada eksport kita dan kita tidak perlu lagi banyak kepada import mereka.

Ini yang membuatkan mereka gelisah, sebab itu mereka kontrol, mereka menguasai semua agensi termasuk IMF ini untuk tujuan tadi. Selagi mana masuk

dalam kepentingan mereka tidak ada masalah, terkeluar sedikit, menggugat mereka, ha lanyak! Ini apa yang jadi? Sebab itu kita tidak usah fikir bab IMF ini. Kita kena fikir kita boleh hidup kalau kita ada semangat patriotisme ini, sebab itu orang Melayu kita dahulu ada tinggalkan pepatah, ‘ulat dalam batu pun boleh hidup’ tetapi kena semangat. Kalau dahulu pakai S320 hari ini kena pakai Proton sekejap, tidak apalah. Kalau dahulu rumah besar ada swimming pool, sekarang ini boleh sewa tempat lain pula atau beri sewa, apa orang kata, reduce commitment itu, kalau dahulu mandi di swimming pool macam Dato’ Abdul Aziz sekarang ini boleh mandi di Sungai Pahang. Macam itu! Kena macam itu, berjimat cermat. Kalau ini boleh dilakukan, tidak ada masalah – go to hell with IMF ini. Ceh, go to hell – betul, go to hell! Sebab jangan kita hendak mengharap sesuatu daripada mereka. Mereka memang hendak menjahanamkan kita, itu sahaja!

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, yang betulnya banyak yang saya hendak tanya dengan Datuk Haji Ibrahim Ali tetapi ada satu bahasa yang beliau sebut tadi, “baca dalam” saya tidak tahu apakah ini maksudnya body language, dia boleh baca kedatangan Al Gore ke Malaysia tetapi satu perkara yang saya ingat perlu dijelaskan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali, tidak usaha fikir IMF tetapi sebenarnya kerana IMFlah kita sampai ada usul macam ini. Jadi, saya rasa yang penting di sini, saya tidak tahulah kalau Datuk bersetuju, IMF ini apa cara supaya dia jangan menjadi masalah kepada kita, apakah perlu kita diam sahaja seperti juga cadangan Soros supaya Perdana Menteri kita berhenti. Kita minta, barangkali untuk masa akan datang apa-apa masalah begini elok kita diamatkan, tidak payah mengambil perhatian, buat don’t know sahaja, dengan izin.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Pertama masalah ilmu mendalam itu, saya bukan bomohlah tetapi ini perlu kepada kepakaran juga, hendak kena belajar juga sedikit-sedikit. Sebab itu bila saya tengok Yang Berhormat Dato’ Zukikah, Yang Berhormat Haji Bakrikah, Dato’ Azizkah, Yang Berhormat Senator Kamaliakah, saya tengok air muka itu bolehlah saya baca sedikit-sedikit. *[Ketawa]* Jadi, kalau hendak belajar, boleh! *[Ketawa]*

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, apa dia air muka yang empat orang yang disebutkan tadi? Boleh baca

apa itu? *[Ketawa]* Katakanlah Dato' Aziz atau dengan saya, apa yang dia boleh baca. Jadi, itu satu perkara yang baik untuk kita semua ketahui.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Mengikut apa yang saya tenunglah, empat-empat orang ini orang yang tidak ada masalah, tenang sahaja! Tidak ada masalah, cuma dari segi ucapan semalam, saya dengarlah, dua, tiga orang ini banyak bercakap bab Viagra, saya pun tidak tahu apa pasal – kot-kot ada masalah itukah saya tidak tahulah! *[Ketawa]* Yang lain saya tengok tidak ada masalah tetapi bila ada persoalan Viagra cepat-cepat sahaja semua melenting, termasuk Yang Berhormat Datuk Sairin, pada hal di Sabah itu macam-macam akar kayu ada, hendak besar ini *[menunjukkan dengan tangan]* pun ada, macam-macam jenis!

Walau bagaimanapun, apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Datuk Sairin tadi, kita buat don't know sahaja tidak boleh juga. Usul yang dibawa ini amat baik sekali. Sebab itu saya ucap tahniah kepada Dato' Aziz sebab kita kena beri kefahaman juga dan kita sendiri kena tahu dan kita sendiri kena sedar dan bila kita buat usul ini dunia akan tahu, jadi perlu! Kalau kita buat don't know sangat pun tidak boleh juga. Kita kena beritahu, cuma kita jangan terpengaruh, yang penting kita jangan terpengaruh dengan segelintir rakan-rakan kita sekarang ini dalam negara kita atas nama Reformasi diperalatkan oleh pihak-pihak ini. Hei, jahat betul, Tuan Yang di-Pertua. Jahat sungguh-sungguh!

Kita ada sistem kita, kerajaan boleh ditukar melalui pilihan raya. Siapa sahaja hendak tubuh parti politik, boleh dan pertama kali Amerika, negara yang bertamadun yang dikatakan hebat ini termasuk Madam Medeleine Albright datang ke sini, boleh hantar kereta kepada seorang yang mereka fikir boleh dijadikan alat, berjumpa di hotel, buat pula interview dengan CNN secara close door, kemudian lepas sahaja Albright balik disiarkan pula dalam CNN dan saya hendak quote, Tuan Yang di-Pertua, ini serius, cukup serius. Saya tengok dalam TV, apabila ada pertemuan – bukanlah kita tidak simpati dengan apa yang dihadapi oleh isteri bekas Timbalan Perdana Menteri kita. Dia ada hak buat apa sahaja untuk membela suaminya tetapi kita tidak terfikir boleh sampai ke peringkat berjumpa dengan Albright, naik kereta milik Amerika Syarikat, itu sudah melanggar protokol, tidak patut dia buat begitu. Selepas itu yang paling tidak wajar sekali ialah apabila

Albright mengatakan, dengan izin, *‘I would like to tell to all the Malaysian’*, kononnya kepada golongan reformasi *“you can count on us, we will assist, we will support anything that you required”* – maknanya Albright buat kenyataan cara terbuka. Apa yang dia kata “sokongan” itu, ia boleh jadi duit, boleh jadi senjata, it can be anything, hanya hendak membantu dan menyemarakkan kumpulan reformasi ini menentang kepimpinan negara kita hari ini.

Jadi saya tidak terfikir pihak-pihak ini sampai tergamak ke peringkat itu. Kita tidak bersetuju, tidak puas hati pun pernah berlaku dalam negara kita ini. Kita ada pilihan raya, dalam tiap-tiap parti ada pertandingan, orang itu boleh tawar jawatan, mengejar jawatan. Maknanya ada caranya, ada ‘channel’nya. Jangan sampai kepada menjual maruah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya at any caused, atas apa juga alasan pun kita bermasalah sesama kitalah, apa pun sebab, apa pun kesalahan, ia tidak boleh sampai ke peringkat menjual maruah negara. Sebab itu hari ini kalau hendak tanya saya mengenai dengan Michel Camdessus ini, tindak-tanduk dia ini, samalah juga dengan dua, tiga kerat rakyat kita. Salah seorangnya Dr. Rahim Ghouse, Saifuddin Nasution dan juga seorang lagi Mohd. Ezam sekarang ini yang berada di luar negara membuat bermacam-macam kenyataan, mengunjungi pelbagai kedutaan, pergi ke Filipina, jadikan Indonesia sebagai ‘base’, keluar kenyataan akhbar, masuk dalam Internet dan mencemuh.

Tuan Yang di-Pertua, ‘this is an act of treason’, dengan izin. Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki tahu tidak ‘act of treason’, tolong jelaskan sedikit, terima kasih.

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada pihak yang bercakap itu iaitu rakyat Malaysia yang pergi ke luar negara dan bercakap, mencemarkan negara di luar negara,

apakah tindakan-tindakan yang patut diambil ataupun apakah pihak kerajaan akan buat tetapi Tuan Yang di-Pertua, dalam usul kita hari ini masalah yang timbul ialah pihak kerajaan tidak dapat menjawab, tidak ada jawapan. Jadi kita berbahas sesama kita sahajalah. Oleh itu sebab kerajaan tidak menjawab, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, apa tindakan yang patut diambil atau adakah tindakan atau adakah mereka ini tinggal di luar negara selama-lamanya.

Jadi berkenaan dengan 'treason' tadi saya tidaklah hendak memberi ulasan sebab itu ada 'legal implication' yang kalau saya berikan penerangannya apa maknanya 'treason'. Jadi tidaklah layak saya memberikan pandangan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya harap mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, walaupun beliau tidak dapat membuat sesuatu sebab dia sama juga dengan lain-lain senator, kedudukannya tidaklah di pihak kerajaan di sana. Baru-baru ini ada Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan datang, dia pun barangkali tidak tahu apa yang kita bahaskan buat sementara ini. Oleh itu saya beri peluang kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali untuk menjelaskan. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya kategorikan mereka ini dalam konteks 'the act of treason', sebab saya katakan demikian, kenyataan-kenyataan yang mereka buat, risalah-risalah yang mereka edar dan berhubung dengan agensi-agensi asing di luar itu 'act of treason', pada saya sebab dia boleh memusnahkan negara kita dan kemerdekaan negara kita. Jangan kita ingat 'act of treason' ini dalam bentuk senjata sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kesannya tidak sedikit. Kita hendak ekonomi kita ini pulih. Apabila seorang pemimpin batuk sahaja saham di Bursa Saham Kuala Lumpur boleh turun, 20 sen, 30 sen, 10 sen tetapi dia punya volume berapa banyak? Selepas itu ada tunjuk perasaan, reformasi walaupun sedikit digembar-gemburkan besar menyebabkan pelabur takut. So, kesan ini melibatkan kehidupan rakyat dan mereka ini terus lagi bertindak demikian. Kalau mereka ini pejuang tulen yang dikatakan mempertahankan kebenaran, keadilan, mereka tidak perlu lari. Mereka mesti berada di Malaysia dan berhadapan dengan kerajaan. Ada

salurannya. Ini ada setengah-setengah pihak bertindak hendak menegakkan kebenaran, kena tahan dua hari riuh-rendah, kena tahan 12 hari, ISA ganas, zalimlah, begitu, beginilah macam-macam, sesetengah itu lari.

Saya bukanlah berkata hendak mendedahkan saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Saya dahulu juga pernah dikritik, masa muda-muda dahulu penuh dengan idealisma, zaman Tuan Yang di-Pertua kita menjadi Menteri Pendidikan dahulu. Ada juga kita terlibat dalam macam-macam tunjuk perasaan tetapi kita tidak lari, polis tangkap, dia tanya "Betul awak buat?" – "Betul". "Apa sebab awak buat?". Saya pun jawablah, satu, dua, tiga, empat. Ini salah, pergi ke Kamunting, tidak adalah kita lari. Ini bercakap keadilan, hendak menjadi pemimpin, ribut belum turun sudah lari.

Jadi orang macam ini kalau mereka menjadi pemimpin pihak Amerika sukalah, boleh jentik sana, jentik sini. Mereka kata, kalau orang ini menjadi Perdana Menteri, sudah tahu macam-macam kelemahan, orang ini dia tahu di mana kelemahannya, lepas itu dia kata okay, untuk tahun hadapan Amerika hendak membuat pengkalan tentera di Pasir Mas, Kelantan, setuju, macam mana? Itu kalau pemimpin yang 'ball bearing' tidak kuat yang boleh diperalatkan. Itu maksud saya, tidak boleh jadi pemimpin. Dua, tiga hari kena riuh-rendah, ada yang suruh hapus ISA, ada yang kecam, ada yang suruh pinda. Pada hal, pada saya ISA itu sendiri ialah sesuatu inspirasi kepada pejuang-pejuang yang mahu menjadi jaguh pemimpin hebat pada masa hadapan, go through the process, biarlah ada pengalaman sedikit. Ini hendak menjadi pemimpin besar tetapi hendak tidur dalam kelambu, hendak menjadi pemimpin besar takut digigit nyamuk mana boleh, hendak menjadi pemimpin besar tetapi 'takut membuat rumah di tepi pantai, takut dilambung ombak', tidak boleh. Itu pun sudah mengamuk, samalah ini 'the act of treason'.

Apa bentuk tindakan sebagaimana Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tanya tadi saya pun tidak boleh hendak jawablah. Kalau saya sendiri beratlah Dato', pada saya kalau 'act of treason' sampai kepada lucut hak kerakyatan – you cannot come back to this country, if you don't like this country, you better not come back. Pada saya begitu mudah sahaja prinsip saya, kalau tidak sayang kepada

rumah tangga sendiri, tidak sayang tanah air sendiri, kita bergaduh dengan keluargakah, ada masalah dengan keluargakah, macam kita dalam rumah tanggalah, kita dengan adik beradik, sesama bangsa, sesama rakyat Malaysia juga, 'air dicincang tidak akan putus'. Hari ini mungkin kita berbeza pendapat, esok mungkin kita sama tetapi jangan sampai kita hendak menghancurkan negara kita, menjual maruah, ini yang saya katakan 'the act of treason'.

Saya menyeru kerajaan supaya bertindak tegas, jangan ini pula dijadikan sumber inspirasi kepada yang lain pula nanti. Kita biarkan dua, tiga orang ini, kita katalah ini budak-budak, nyamuk, jangan kisahlah, kalau kita beri perhatian lagi dia besar kepala. Tetapi ingat saya takut jadi ikutan, kita kena bertindak cepat mesti kita prevent kalau tidak nanti bila yang lain tengok pun ikut sama dan melakukan kerja yang sama. Jadi akhirnya dia buruk-burukkan, buat macam-macam cerita ini, akhirnya dari segi pelabur-pelabur mereka tidak akan datang ke negara kita dan rakyat serta negara kita have to go on, have to survive. Kita tidak hendak rakyat kita hilang pekerjaan, the bottom line nya apa, ialah kehidupan. Kalau kita tidak boleh berlari, kita berdiri, jangan sampai kita rebah. Alhamdulillah saya katakan tadi, sekurang-kurangnya bangsa Malaysia kita ini yang paling mengkagumkan saya, saya tidak tahulah rakan-rakan yang lain tetapi saya cakap tidak ada bangsa dalam dunia ini sebaik orang Malaysia sekarang ini. Kita should be really proud of our country, cukup-cukup bangga betul.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun saya percaya sudah tengok dunia luar. Tuan Yang di-Pertua pun sudah tengok, nothing that we can compare with our country, pergilah di mana pun. Sebab itu kita kata preserved the harmony, jaga keamanan ini, jaga kestabilan politik, ini yang penting. Dahulu lain, sekarang ini kita sudah ada asasnya sudah cukup, 'rumah' Malaysia ini telah dibina dengan cantik, cuma kalau perlu diperbaiki sedikit sana, sedikit sini sahaja sebab kita tidak statik. Asasnya nothing kita boleh compare dengan negara lain. Inilah yang menyebabkan bangsa asing cukup hangat hati.

Saya hendak beritahu satu pengalaman ada reporter/wartawan daripada majalah *Times*, saya sudah sebut dahulu sekali nama dia David Hood daripada

Times magazine, selalu menulis hal Malaysia. Dia datang jumpa saya, hendak interview. Saya kata “Saya bukan pemimpin besar”. Dia hendak jumpa juga, hendak minta pandangan. Saya kata, datang ke pejabat. Saya pun bercakap, saya bercakap. Rupa-rupanya dia bukan nak jadi wartawan, dia pula hendak lecture kita - begitulah, beginilah. Saya kata “You shut up, jangan cakap banyak” Saya pun tidak hendak cakap banyak lagi.

Cakap pun tidak guna, malam ini you ikut saya pergi ceramah, saya hendak tunjuk dengan you kampung-kampung di Malaysia ini, ada satu tempat di Selangor. Dia kata hendak ikut, saya bawa dia. Saya pusing ikut KLIA. Dalam kereta itu dia bercakap, dia membebel, dia menggeleng kepala. I don’t aspect Malaysia is like this. Dia pun tengok itu, tengok ini, dia masuk ke kampung-kampung, tengok rumah-rumah orang Melayu, tengok orang bersatu. Jadi, apabila balik, saya tanya, so what do you think? Okay, now I get the clear picture” Saya kata “You better write properly”. Dia balik dia tulis lain pula, tidak betul. Baru ini saya telefon dia, dia ada bagi kad. Saya kata “When you are coming again?” Dia kata, tengoklah, saya hendak berbuat baik dengan dia ini sebab bila dia datang nanti, Yang Berhormat jangan ceritalah nanti, saya hendak bawa dia nanti pergi ke Pantai Timur pula, hendak bawa dengan kereta lalu di Gua Musang, selepas itu hendak balik pukul 2.00, 3.00 pagi sampai dekat Gua Musang saya kata, you better go out and you walk back to K.L.

Orang macam ini kadang-kadang kita kena ajar macam itu, sebab nyata sekali, paling besar sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah mereka terlalu cemburu, terlalu cemburu dengan kejayaan Malaysia dan mereka terlalu sakit hati dengan keupayaan kepimpinan negara kita membawa doctrine ekonomi dan politik untuk keadilan dunia sejagat. Just say any subject saja. Daripada hak asasi manusia ataupun subjek alam sekitar, subject trade semua, serba-serbi.

Kalau dikira Perdana Menteri kita Dr. Mahathir ini releks sedikit, diam tidak macam orang lain, dia cukup selesa. Tapi ada juga orang kita bercakap, satu, dua orang bercakap, kurangkan sedikitlah bercakap, kita ini Malaysia, negara kecil, kita kena bergantung pada Amerika juga, janganlah kita keras-keras sangat.

Ada juga orang-orang kita yang bercakap begitu. Walaupun kita akui pandangan-pandangan mereka, sebab orang-orang ini, orang berniaga. So dia concern about dia punya business, tapi kita akui ada juga kebenarannya, tetapi dalam soal perkara-perkara penting seperti prinsip umpamanya, jangan kita fikirkan soal duit, emas kita. Sebab itu saya katakan tadi, harga maruah, bangsa dan patriotisme ini tidak ternilai, tidak boleh dijual-beli.

Sebab itu kita hendak kemerdekaan. Kalau kita perkatakan soal duit, emas sahaja, yang kita kira kebendaan sahaja, ini sahaja yang kita kira dalam dunia, maka tidak payah kita merdeka. Kita duduk di bawah British dahulu, asalkan British boleh tadbir Malaysia dengan baik, rakyat Malaysia makmur, boleh pakai kereta Mercedes besar-besar, semua senang-lenang, maka tidak bayah kita merdeka, kita bernaung di bawah British, asalkan kita boleh hidup, tapi kita hendak merdeka itu kenapa? Memang kita hendak kesenangan hidup, kita hendak mentadbir negara kita sendiri tapi bottom-line'nya ialah kerana harga diri kita, harga diri kita inilah yang tidak boleh dijual-beli.

Sebab itu, pada saya Tuan Yang di-Pertua, walaupun sampai ke peringkat IMF ini buli kita, tekan kita sehingga kita kena berlapar, kalau setakat lima, enam hari tidak makan nasi demi mempertahankan maruah negara, saya sanggup masuk golongan seumpama ini. Saya juga hendak kesenangan seperti orang lain tapi at that time kita rela hilang segalanya demi maruah bangsa kita dan patriotisme bangsa dan negara sebab inilah matlamat kemerdekaan, bukan dollar and cent. Kalau dollar and cent tidak payah merdeka pun, kita jadi hamba sahaja dia boleh bayar kita, dia bagi kesenangan kepada kita, tetapi kita hendak memelihara kemerdekaan negara, kita mesti mempertahankan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah cukup. Tadi sejam, ini sejam, sudah dua jam cukup saya bercakap dan saya hendak beri peluang kepada rakan-rakan yang lain, tetapi sebelum itu saya amat berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya bercakap, sebab saya bila bercakap subjek macam ini, ia masuk habis di dalam ini, sekali dengan darah, perasaan semua sekali, darah mengalir cukup lancar. Sekiranya saya sakit, saya tidak payah pergi ke ICU, boleh

bercakap perkara macam ini pun sudah segar, Yang Berhormat Dato'Haji Sairin. Saya punya marah dengan Amerika ini, punya geram dengan Al Gore, pada saya ini pun penawar sebab kita sebagai bangsa yang saya katakan tadi, bangsa yang ada, kita tahu kita ada harga diri.

Jadi saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz yang mengambil inisiatif membawa Usul yang begini penting dan saya percaya Usul ini merupakan pernyataan kita bersama, ikrar kita bersama, bahawasanya bukan sahaja Usul ini sebagai manifestasi tetapi perkara-perkara yang dibangkit berkaitan dengan Usul ini adalah sesuatu yang harus kita renungi bersama. Mudah-mudahan Tuan Yang di-Pertua, ia akan menyemarakkan lagi daya juang rakyat Malaysia dan kita semua dan kita akan berdiri teguh dan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

3.28 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya turut menyokong cadangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman membawa satu Usul dan saya juga turut mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada beliau kerana ini adalah merupakan satu usul yang membuka ruang perdebatan bagi semua ahli Dewan yang mulia ini untuk memperkatakan pendapat -pendapat kita mengenai krsisi ekonomi serantau yang dikatakan akibat spekulasi mata wang yang telah menggugat bukan saja kestabilan ekonomi tetapi juga kestabilan politik dan seterusnya menimbulkan keresahan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan juga Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali bahawa apa pun yang kita fikirkan baik untuk negara kita, apa pun tindakan yang akan kita lakukan untuk negara kita adalah hak mutlak kita. Kita tidak perlu tunduk kepada mana-mana pihak untuk menentukan arah tuju dan nasib bangsa negara. Kita juga tidak perlu dipengaruhi oleh elemen-elemen luar untuk menentukan polisi-polisi negara, apatah lagi kita dapati bahawa memang menjadi satu matlamat

dan agenda Barat terutamanya Amerika yang menggunakan landasan pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dimajukan dengan agensi-agensi seperti IMF dan World Bank untuk melaksanakan agenda dan perancangan mereka untuk melihatkan rantau Pasifik ini, terutamanya di South East Asia menuju kepada satu kehancuran jika tidak kepada satu keadaan yang huru-hara, kerana kalau kita lihat di negara-negara Asia terutamanya di South East Asia ini, ianya adalah sama dengan the Balkan State di mana kita mempunyai banyak budaya, berbeza agama, bahasa dan juga mempunyai pelbagai latar belakang dari segi kaum.

Jadi kepada mereka, di mana pun mereka berada, mereka akan cuba campur tangan dan akan cuba menggugat kestabilan politik, ekonomi dan sosial tiap-tiap daerah yang mereka nampak berpotensi akan maju. Kita sedar dan tahu bahawa Pacific rim ini adalah merupakan satu kawasan yang dijangka dalam millennium akan datang merupakan satu daerah yang akan menjadi daerah yang amat besar dalam semua bidang, terutamanya dalam bidang ekonomi dan kita telah juga menunjukkan bahawa negara-negara di Pacific rim ini telah berjaya mencapai tahap perkembangan ekonomi yang tinggi dan pada mereka ini adalah merupakan satu kerunsingan apatah lagi penulis-penulis seperti Huntington yang telah menulis sebuah karya bertajuk *The Clash of Civilization* dan juga Fukuyama yang juga menulis tentang *The Death of Civilization*

Apa yang telah diperkatakan oleh penulis-penulis ini telah banyak memberikan satu perkara yang mungkin dilihat merupakan cabaran kepada kuasa Barat terutamanya kepada Amerika dan Amerika kita tahu telah lama menggunakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui IMF dan World Bank untuk memastikan negara-negara yang berpotensi seperti yang saya katakan tadi tidak akan maju. Kita lihat bahawa banyak negara yang menjadi mangsa kepada IMF dan ini telah pun terbukti terutamanya negara-negara di Afrika. Kita lihat bagaimana negara-negara di sana tidak boleh naik atau tidak boleh maju tetapi terus hidup dalam keadaan terhutang dengan banyaknya dengan World Bank dan IMF.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terus memperdebatkan hutang IMF dan seterusnya mengapakah kita perlu memikirkan bagaimanakah IMF ini perlu diubah dan seterusnya mungkin dapat benar-benar berfungsi seperti mana hasrat ianya diwujudkan selepas Perang Dunia Kedua iaitu ianya telah diwujudkan selepas

adanya Financial Conference di Bretton Woods tahun 1944 yang mana IMF telah diwujudkan bersama dengan World Bank untuk mengawal selia stabiliti dalam hal ehwal kewangan antarabangsa dan untuk memperkembangkan perdagangan dunia dan juga keahlian dalam World Bank memerlukan keahlian dalam IMF dan kedua-dua institusi adalah agensi khusus Perbadanan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk the United Nation dan World Bank pula berfungsi untuk membiayakan pinjaman jangka panjang bagi negara-negara yang memerlukan manakala IMF pula mempunyai empat fungsi yang utama iaitu:

- (i) untuk mengawal selia pertukaran asing;
- (ii) menyediakan pembiayaan jangka pendek untuk pengimbangan, balance of payment, dengan izin;
- (iii) menyediakan forum untuk perbincangan mengenai perkara-perkara kewangan antarabangsa; dan
- (iv) memberi bantuan teknikal kepada negara-negara.

Sebenarnya falsafah PBB dan juga falsafah IMF ini adalah merupakan falsafah yang murni. Ianya seperti mana PBB diwujudkan selepas Perang Dunia Kedua dahulu untuk menjaga keamanan dan juga berbagai-bagai agensi PBB ditubuhkan. Ianya berhasrat untuk memajukan negara-negara di seluruh dunia tetapi kita dapati bahawa oleh kerana keanggotaan IMF sama juga keanggotaan PBB, Security Council dan sebagainya adalah dianggotai oleh negara-negara yang besar dan negara-negara yang mempunyai wang maka kita dapati bahawa ianya menjadi satu monopoli kepada negara-negara yang kaya dan berkuasa dan oleh kerana itu mereka berpeluang untuk menggunakan IMF contohnya, dan dalam konteks ini IMF untuk melaksanakan polisi-polisi yang bukan sebenarnya untuk membantu tetapi sebenarnya untuk menakluki negara-negara yang mereka rasakan perlu ditakluki dan seterusnya perlu dikawal selia agar ianya tidak merupakan satu competition kepada negara-negara Barat terutamanya Amerika.

Ini bukanlah satu tuduhan yang melulu, kalau kita dengar ucapan daripada Dato' Abdul Aziz dan Datuk Ibrahim mungkin ada yang menyangkakan kita ini

prejudis tetapi ini adalah perkara sebenar kerana banyak bukti yang telah menunjukkan bahawa IMF telah banyak digunakan untuk menjatuh dan mewujudkan krisis-krisis ekonomi terutamanya di negara-negara Asia dan juga Afrika. Tadi saya sebut di Afrika, contoh yang dapat saya berikan di sini ialah apa yang telah berlaku di Nigeria.

Di Nigeria apabila ada seseorang pemimpin yang dikatakan boleh memimpin negara itu, yakni di Nigeria contohnya ini, dalam tahun 1985 dan oleh kerana pemimpin yang memimpin Nigeria itu tidak mahu tunduk kepada Amerika, maka mereka telah mewujudkan keadaan suasana yang tidak aman dan berlakulah satu 'coup' dalam tahun 1985 dan dengan 'coup' itu dinaikkan pemimpin yang lebih mirip kepada prinsip-prinsip dan polisi-polisi IMF dan apabila itu berlaku maka pemimpin yang dinaikkan itu bukanlah merupakan pemimpin yang sebenarnya mahu majukan rakyatnya malah rakyatnya membawa kepada satu pengurusan mismanagement of the national resources of the country dan akhirnya kita dapat bahawa negara itu terus tidak maju dan terus menjadi non-productive dan banyaknya penyalahgunaan kuasa yang berlaku. Ini adalah satu contoh yang kita lihat yang berlaku di Nigeria. Ada juga yang berlaku di Congo tetapi yang mungkin kita dapat lihat yang telah berlaku di negara kita. Ada juga kita dapat lihat yang berlaku di Indonesia yang paling dekat, kalau pun kita tidak boleh lihat apa yang berlaku di Russia. Kita tahu IMF banyak memasukkan wang di Russia semasa kejatuhan ekonomi Russia dan apa yang berlaku ianya bukannya membangunkan ekonomi tetapi terus merosakkan ekonomi di negara tersebut.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya IMF bukan dikatakan gagal, saya bersetuju apa yang dikatakan oleh Datuk Ibrahim tadi, bukan merupakan satu kegagalan tetapi sebenarnya ia merupakan satu rancangan yang sengaja dilaksanakan bagi membolehkan pihak-pihak tertentu memastikan bahawa tidak adanya competition ataupun persaingan yang akan berlaku di negara-negara yang akan maju. Ada saya baca di sini bahawa ada pernah dikatakan oleh Perdana Menteri France, Edward Balado, ia telah mengatakan apabila mereka berbincang tentang pembangunan dan kebangkitan di negara-negara luar daripada negara Barat. Ia telah mengatakan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, 'question now is how to organise to protect ourselves from countries who is different values and able them to under cut us.' Jadi, mereka memikirkan tentang nilai-nilai yang mereka

mahu wujudkan dan negara-negara patuhi supaya nilai-nilai yang mereka perembangkan itu bukanlah merupakan nilai-nilai yang sama piawainya. Kalau mereka mengatakan mereka memperjuangkan prinsip-prinsip demokrasi dan juga mereka memperjuangkan hak-hak asasi, mereka akan meletakkan dua piawai yang berbeza bagi negara-negara Barat, prinsip-prinsip demokrasi dan human right akan berbeza dengan apa yang mereka katakan perlu dilakukan, contohnya, negeri China. Negeri China adalah merupakan satu negara persaingan yang paling hebat bagi Amerika. Dengan kejatuhan USSR maka tentu sekalilah China dilihat sebagai satu negara yang akan bersaing dengan Amerika dan apakah yang dihebohkan di dalam media massa oleh ahli-ahli atau wartawan-wartawan atau penulis-penulis dari Amerika. Mereka akan memperbesarkan apa yang berlaku di Tiananmen Square contohnya, bahawa wujudnya dasar di negeri China, wujudnya pembunuhan beramai-ramai di negeri China, di Tiananmen Square contohnya. Ada yang diperkatakan bahawa di sana semasa berlakunya demonstrasi student di sana, ada saya terbaca, seorang wartawan yang memberi burger kepada seorang penuntut dan mereka sebenarnya yang memberitahu penuntut-penuntut itu apa yang perlu mereka buat dan itulah yang dilaporkan.

Jadi kita dapati bahawa ada wujudnya satu ketidakadilan, ada wujudnya ketidakadilan yang begitu ketara di antara Barat dengan Timur. Barat dengan negara-negara yang masih belum membangun. Mereka bukan sahaja melihat dari prinsip demokrasi dan juga dari prinsip human rights tetapi juga dari segi ekonomi terutamanya, contohnya Uruguay Round. Itu juga adalah satu daripada helah mereka untuk memastikan bahawa sebenarnya mereka dapat mengawal tindak tanduk perniagaan dan perdagangan. Apa yang dijadikan prinsip-prinsip perdagangan oleh Barat itu sebenarnya adalah prinsip-prinsip yang cuba mengikat perkembangan perdagangan di negara-negara luar yang lain daripada negara Barat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, IMF telah terbukti bahawa ianya banyak lebih menimbulkan masalah daripada ianya dapat membantu dan kita lihat bahawa dengan adanya polisi-polisi IMF telah dikatakan tahun '80-an ianya telah berubah menjadi satu badan yang lebih cenderung untuk membantu creditor nation dan commercial banks dan lebih membawa kepada kegiatan-kegiatan tentang hutang-hutang bagi

negara-negara tertentu dan ianya juga lebih memberikan sokongan kepada commercial bank yang telah menjadi masalah kerana pinjaman-pinjaman yang besar, kita mungkin dapat lihat apa yang berlaku di Mexico, bail out yang begitu banyak yang telah dibuat kepada bank-bank, begitu juga di Korea Selatan. Jadi di sini, apabila mereka melakukan polisi bailing out ataupun membantu bank-bank yang mempunyai masalah ianya merupakan satu moral hazard sepertimana yang dikatakan oleh Datuk Aziz tadi bukan ianya membantu, tetapi ianya lebih menjadikan masalah kepada negara-negara yang menghadapi ekonomi.

Jadi, IMF dalam ianya cuba hendak membantu dari ertikata dia memberi bantuan sebenarnya ia merumitkan lagi keadaan, kerana apabila ia membantu bank-bank yang bermasalah maka apa yang berlaku ialah ekonomi yang berasaskan pinjaman-pinjaman bank yang akhirnya tidak berbayar dan apa yang dikatakan oleh Paul Krugmann sebagai satu yang menyebabkan nilai-nilai perbankan yang tidak baik maka ianya akan berterusan dan apabila ianya berterusan maka negara-negara lain juga akan menerima implikasi yang sama kalau sepertimana yang berlaku di Mexico apabila bank-bank itu telah diselamatkan oleh kerana pinjaman-pinjaman yang hanya berasaskan kepada apa yang difikirkan oleh pihak bank akan menjadi untung bukannya sebenarnya berdasarkan nilai feasibility sesuatu pinjaman itu maka ia akan memberi satu implikasi yang akan merosakkan perniagaan bagi bank-bank yang di negara-negara lain. Itu adalah salah satu daripada perkara yang dikatakan menyebabkan moral hazard kepada negara-negara yang mempunyai masalah kewangan dengan bank-bank.

Dan juga didapati IMF bail out yang telah dilaksanakan contohnya di Indonesia, ataupun di South Korea adalah merupakan solution ataupun penyelesaian masalah yang tidak adil kerana ianya merupakan penyelesaian yang mahal. Korea contohnya, pihak IMF kena mengeluarkan 57 bilion untuk menyelamatkan bank-bank di Korea. Walau bagaimanapun, ianya terus mewujudkan krisis di sana dan tidak dapat sebenarnya membantu Korea. Begitu juga di Indonesia, komitmen yang telah diberi oleh IMF ialah 40 bilion untuk

menyelamatkan bank-bank di sana. Dan kita dapati walaupun adanya komitmen dan bantuan daripada IMF yang begitu mahal dan begitu tinggi harganya tetapi negara-negara yang menerima bantuan tidak dapat melaksanakan reform-reform ataupun perubahan-perubahan seperti mana yang dikenakan oleh IMF.

Banyak telah mengatakan apa yang sebenarnya apa yang dikatakan reform oleh IMF itu ialah sebenarnya lebih menyusahkan. Ada mengatakan "is it to cure or to kill" oleh IMF. Jadi itu adalah dua perkara yang dikatakan kegagalan ataupun ketidakmampuan IMF menyelesaikan masalah. Yang ketiganya, dikatakan juga bahawa penyelesaian cara IMF ini terutama cara bail out ini juga adalah merupakan satu cara yang sebenarnya menghakiskan kepercayaan kepada pasaran untuk ekonomi sesuatu negara itu. Dan kita dapati bila adanya bantuan sebegitu rupa ianya tidak akan dapat menyelesaikan masalah kerana kalau adapun syarikat-syarikat yang perlu kena tutup maka syarikat itu perlulah ditutup dan bukanlah ianya dapat sebenarnya membantu perkembangan ekonomi malah ianya akan lebih menyusutkan, menguncupkan ekonomi dengan adanya hakisan kepada kegiatan ekonomi dengan cara tindak polisi-polisi IMF menyelesaikan masalah-masalah negara yang mempunyai masalah ekonomi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, banyak penganalisa ekonomi telah datang mengatakan bahawa apa yang telah dilakukan oleh IMF sebenarnya bukan membantu tetapi lebih lagi memberi kepada implikasi negatif. Persoalannya adakah kita mengatakan ianya dapat diselesaikan dengan perletakan jawatan Camde ssus ini, ataupun adakah kita perlu membincangkan bahawa sebenarnya IMF dan the World Bank yang diwujudkan di bawah PBB ini perlu dikaji semula atau apakah caranya yang kita perlu mungkin mengekalkan institusi-institusi ini dapat melaksanakan fungsi ianya diwujudkan.

Banyak telah diperkatakan sebenarnya daripada badan induk kepada dua institusi ini iaitu PBB iaitu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Banyak telah diperbincangkan sama ada PBB harus diperbincangkan sama ada sebenarnya PBB

ini harus terus dikekalkan. Adakah ianya perlu difikirkan semula peranannya, kerana kalau badan induknya itu sendiri dipersoalkan keberkesanannya tentu sekalilah agensi-agensi seperti World Bank, dan juga IMF juga perlu juga dikaji semula.

Kita tahu bahawa dari segi kewangan PBB juga tidak mempunyai wang yang mencukupi apatah lagi IMF. IMF yang telah banyak mengeluarkan berbilion wang dan banyak telah dipersoalkan oleh tax payers daripada Amerika ataupun pembayar-pembayar cukai Amerika kerana Amerikalah penyumbang utama untuk membiayai badan-badan PBB dan juga IMF dan World Bank.

Apa yang berlaku di Mexico, mereka menganggapkan mereka tidak keluar wang langsung kerana pembayaran kepada bailing out kepada Mexico sebenarnya menyelamatkan keadaan ekonomi mereka. Begitu juga di South Korea kebanyakan bank yang diselamatkan juga adalah merupakan investment daripada Amerika. Jadi apabila IMF itu wujud dan duitnya adalah daripada pembayar cukai Amerika sendiri tentu sekalilah apa yang ditentukan oleh mereka, polis-polisi mengikut kehendak mereka. Jadi apakah caranya yang kita fikirkan dapat kita ubah. Adakah institusi itu relevan atau sebenarnya kita perlu memikirkan bahawa kita sendiri di Asia, satu kumpulan negara-negara yang mempunyai tamadun yang beribu-ribu tahun, adakah Asia masih perlu tunduk kepada barat. Tidakkah tiba masanya bagi millennium 21 ini, bahawa Asia akan menentukan nasibnya bahawa Asia sendiri akan mengambil inisiatif untuk mewujudkan satu badan atau institusinya sendiri untuk dapat memikirkan apakah sistem kewangannya, ekonomi, politiknya dan cara mana manusia di negara Asia itu patut berperilaku. Kalau kita lihat Jepun adalah satu negara yang boleh dijadikan contoh sebagai satu negara Asia yang telah maju dan masih dapat mengekalkan nilai-nilai budaya negara itu sendiri.

Jadi kita perlulah banyak berfikir balik adakah Asia perlu tertakluk kepada agenda Barat atau Asia perlu ada agendanya sendiri. Dalam konteks ini, Tuan Yang

di-Pertua, saya ingin menyuarakan rasa bangga saya dan juga tahniah saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana beliau telah berani untuk mewujudkan satu polisi yang berbeza daripada semua negara lain. Beliau berani untuk mencuba satu cara untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara walaupun kita tahu, kita telah maju dan kita telah dapat berkembang kerana kita telah mengambil faedah daripada sistem yang diwujudkan oleh Barat iaitu sistem ekonomi yang banyak elemen spekulasi, riba dan peluang-peluang yang mana bila digunakan atau diambil peluang memang merupakan peluang yang baik untuk kita. Tetapi kita juga tahu bahawa sistem yang wujud itu bukanlah sistem yang terbaik dan kita perlulah memikirkan apakah cara baru yang mana sekarang ini apa yang kita telah gunakan ialah capital control dengan izin dan penetapan foreign exchange sebagai satu tindakan yang sementara. Tetapi saya inginlah mencadangkan bahawa kita perlu membuat satu analisa memikirkan strategi-strategi baru bagi Asia untuk menangani masalah yang kita hadapi ini agar tidak berlaku lagi.

Kita banyak membuat perancangan dalam negara yang berasaskan kepada prinsip-prinsip dan polisi-polisi Barat. Kalau kita lihat dari segi ekonomi sekali pun ia banyak berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah direka dan telah dibentuk oleh Barat. Adam Smith adalah merupakan satu contoh untuk kita menentukan prinsip-prinsip ekonomi dan banyak lagi ahli ekonomi barat yang kita gunakan sebagai panduan.

Apa kata kalau kita berbalik kepada prinsip-prinsip yang lebih sejagat dan lebih menjanjikan ekonomi, politik dan sosial negara itu akan lebih baik. Kita dapat lihat bahawa dalam sistem ekonomi yang mana yang diperjuangkan oleh IMF, World Bank adalah berasaskan faedah dan spekulasi – riba dan spekulasi dan kita telah dapat lihat bahawa riba dan spekulasi itu sebenarnya merupakan tindakan-tindakan yang memberi pulangan-pulangan yang sementara dan ia juga mempunyai kelemahan-kelemahan yang membolehkan pihak-pihak tertentu

mengambil kesempatan. Contohnya untuk mengadakan spekulasi kewangan yang mana kita banyak menunding jari kepada Soros atau Hadge funds yang mengambil peluang-peluang yang memang terwujud sebab kita mengamalkan sistem ekonomi yang direka dan diwujudkan oleh mereka. Mungkin kalau kita dapat wujudkan satu sistem yang tidak mempunyai elemen spekulasi dan elemen riba maka peluang-peluang untuk kita ditindas ataupun kita diambil peluang oleh pihak-pihak lain untuk menggugat ekonomi negara boleh diatasi.

Prinsip-prinsip ekonomi yang diperuntukkan di dalam Al-Quran adalah prinsip-prinsip yang tidak mempunyai elemen spekulasi dan riba dan ia menjanjikan bahawa ianya adalah cara berniaga, perdagangan yang sebaik-baiknya.

Kalau kita lihat kepada ajaran agama, kita dapati bahawa 90% daripada pendapatan adalah daripada perdagangan dan perniagaan. Tentulah sekali ini membuktikan kepada kita bahawa cara yang hendak kita buat dalam perdagangan dan perniagaan itu perlulah cara mengikut asas, prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam al-Quran. Dan kita tidak perlulah bersusah payah membuktikan bahawa prinsip-prinsip itu sebenarnya merupakan prinsip-prinsip yang terbaik.

Jadi adalah perlu bagi kita orang-orang di Asia ini mungkin Malaysia boleh merupakan negara pertama untuk megajukan idea-idea baru ini dan kita wujudkan institut, kalau kita ada institut of strategic studies kita wujudkan institut financial studies yang lebih komprehensif, yang buat kajian yang komparatif di antara semua sistem yang ada dan kita menggubal satu sistem yang lebih baik daripada apa yang digunakan oleh IMF.

Mungkin ini agak sukar bagi kita mewujudkan satu badan PBB yang lain tetapi kita ada OIC tetapi oleh kerana negara-negara arab ini tidak begitu mahu membawa kepada perubahan tetapi saya percaya kalau ada seorang pemimpin yang boleh dipercayai yang telah dapat membuktikan kepada dunia bahawa ianya mampu untuk membawa kepada perubahan.

Samalah dahulu kita lihat kepada Almarhum Tunku Abdul Rahman. Beliau telah mencadangkan pewujudan OIC dan beliau adalah dari negara kita dan dia telah dapat memakat orang-orang Arab untuk bersatu di bawah OIC walaupun

mungkin masih banyak lagi perkara-perkara yang belum dapat diperkembangkan. Tentu sekali juga saya rasa, tidak mustahil kalau Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dapat membawa satu kepimpinan dalam bidang ekonomi kepada OIC dan negara Arab yang begitu kaya dengan minyak.

Kalau kita lihat Iraq adalah negara yang paling banyak supply of oil dan itulah sebabnya ia merupakan target kepada Amerika. Begitu juga dengan Iran seperti mana kata Datuk Haji Ibrahim tadi yang mana saya amat bersetuju bahawa semangat kebangsaannya yang begitu kuat itu adalah satu prinsip yang sangat penting untuk kita dapat gunakan untuk membangunkan pula dalam bidang-bidang yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, IMF adalah satu badan yang merupakan alat kepada Barat dan mempunyai agenda untuk Asia. Asia tidak hanya boleh berpeluk tubuh dan menunggukan mereka merealisasikan agenda mereka kepada Asia. Oleh kerana itu kita perlu bertindak segera. Kalau kita dapat menjayakan polisi-polisi ekonomi yang kita telah laksanakan di negara ini dan dapat membuktikan kepada dunia bahawa perubahan pemikiran reformasi kepada tindakan bukan hanya reformasi yang dilaung-laungkan di jalan-jalan raya tetapi reformasi yang dalam erti kata sebenarnya berubah dalam bentuk untuk membangunkan negara dan menolak segala jenis penaklukan oleh negara luar adalah satu tindakan yang perlu dibuat dengan segera.

Dengan kejayaan itu, kita boleh menjadikan ianya sebagai contoh dan seterusnya dapat kita jadikan ianya satu cara baru bagaimana ekonomi negara dapat dibangunkan dan seterusnya ekonomi yang mungkin telah ditindas dapat terus survive dan hidup walaupun banyak cabaran yang dihadapi. Tentu sekalilah kalau kita lihat bahawa kerjasama di antara negara-negara ini adalah penting. Kita lihat Barat, dia sangat bekerjasama rapat dengan negara di barat contohnya di European Union walaupun mempunyai masalah-masalah tertentu dan pentadbirannya telah berjaya mewujudkan satu sistem ekonomi yang kukuh terutamanya bagi pertanian, supply of food yang mana merupakan satu daripada perkara yang penting yang telah berjaya mereka laksanakan dan oleh kerana kekuatan mereka itu kerana kekukuhan mereka bekerjasama itu agak payah bagi negara lain untuk turut campur

untuk menembusi agenda-agenda mereka hinggakan kita dapati bahawa apa pun pandangan daripada Barat itu begitu kukuh dan begitu berpengaruh hingga ianya dapat meresapi apa sistem pun di negara kita ataupun negara-negara di Asia ataupun di Afrika.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita perlulah sama-sama bekerjasama di antara satu negara dengan satu negara yang lain, bantu membantu untuk terus meneguhkan ekonomi negara. Kita juga ingin menyampaikan kepada pihak Barat dalam kita menegur ataupun mengecam mereka dalam percubaan mereka untuk melaksanakan agenda mereka dari segi ekonomi, penaklukan ekonomi negara kita. Kita juga mahukan pihak Barat berfikir untuk sama-sama memikirkan bahawa bukan hanya orang Barat yang bijak berfikir tetapi orang di Timur juga berkemampuan untuk berfikir dan di Timur kita juga boleh menentukan apakah yang wajar kita laksanakan. Ada satu forum strategik studies di mana seorang penulis dari Singapura yang banyak memperkatakan tentang pemikiran-pemikiran orang Asia. Apakah pemikiran orang Asia itu adalah sebenarnya setanding jika tidak lebih baik daripada negara Barat dan banyak telah diperkatakan untuk kita menyatakan ketidaksetujuan kita dengan apa yang cuba mereka kenakan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam keadaan kita di negara ini yang banyak memerlukan bantuan daripada negara Barat, sebenarnya Barat perlu sedar bahawa kita bukanlah negara yang bergantung kepada mereka tetapi sebenarnya negara kita juga ada mempunyai kemampuan untuk merealisasikan rancangan-rancangan agar dapat kita menentukan arah tuju negara kita. Oleh itu apa pun yang diperkatakan oleh IMF ataupun oleh PBB ataupun Barat sekalipun kita mahukan mereka dapat mengambil kira bahawa negara-negara di Asia juga mahukan satu persamaan untuk dapat menentukan nasib negara ini dan juga kita mahukan satu keadilan daripada pihak di sana. Kita mahukan bekerjasama untuk mewujudkan satu dunia yang aman, dunia yang lebih adil dan tidak terbelah bagi kepada utara dan selatan.

Dahulu kita pernah dengar banyak memperkatakan tentang utara dan selatan (south and the north) dan kita tidak mahulah jadi dipergunakan seperti terutamanya

negara-negara Afrika yang menjadi sasaran utama kepada negara-negara Barat ini untuk mengenakan tindakan-tindakan atau rancangan-rancangan mereka agar tidak wujud negara yang lebih kuat dan kukuh melainkan mereka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks Malaysia sendiri kita haruslah mengukuhkan semangat kewarganegaraan dalam negara. Kita patutlah bersyukur bahawa dalam kegawatan ekonomi dan cabaran-cabaran yang kita hadapi negara masih lagi boleh dapat meneruskan pentadbiran dan rakyatnya dapat terus hidup seperti biasa walaupun mungkin ada rasa sedikit kesusahan dari segi kewangan.

Kejayaan kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi kini perlulah kita lihat sebagai salah satu daripada kejayaan kita untuk bersama-sama dengan pemimpin memerangi kegawatan dan mengatasi cabaran yang dihadapi. Kita sebenarnya patut menyokong pemimpin yang bertungkus-lumus untuk memastikan negara dapat terus aman dan ekonomi negara dapat terus berjalan, perniagaan dapat terus dilakukan, anak-anak kita masih lagi boleh pergi ke sekolah, kita boleh lagi pergi bekerja tanpa sekatan dan tanpa gangguan seperti mana yang berlaku di Indonesia. Indonesialah negara yang terdekat dengan kita. Kita masih lagi boleh pergi mengamal agama kita. Kita masih lagi boleh pergi ke masjid-masjid, kita masih lagi boleh pergi mendengar ceramah-ceramah dan kita masih dalam keadaan di mana kalau kita sakit masih ada lagi hospital. Kalau kita memerlukan makanan masih ada lagi supermarket.

Kita haruslah ingat bahawa kita tidak boleh terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang cuba mengambil kesempatan kerana ekonomi kita yang merosot, kerana adanya campur tangan luar yang cuba merosakkan bukan sahaja ekonomi negara ini tetapi ekonomi serantau, dan juga adanya dakyah-dakyah luar yang cuba hendak menjatuhkan pucuk pimpinan negara dan kita terpengaruh dan seterusnya mewujudkan rasa tidak puas hati, rasa keresahan di dalam negara ini. Kita perlulah rasional dan berfikir dengan waras bahawa sebenarnya yang menentukan apa yang berlaku dalam negara ialah kita sendiri. Kalau kita hendakkan negara itu menjadi tidak aman, memang boleh kita menimbulkan kucar-kacir. Kalau semua orang

berpakat pergi ke jalan raya dan memusnah kenderaan-kenderaan di jalan raya dan berterusan menyebabkan berbagai-bagai kekacauan, tentu mudah sekali kerana kita tahu negara kita adalah negara yang berbilang bangsa, berbilang agama.

Kalau tercetusnya rasa tidak puas hati dan timbulnya satu krisis, satu rusuhan, seperti mana berlaku pada tahun 1969 tentulah kita tidak dapat mengubah keadaan dalam negara ini. Tentulah apa yang telah dirancang oleh pihak Barat itu akan berjaya, dan yang ruginya ialah kita. Kerana kita mungkin tidak akan dapat lagi meneruskan cara hidup kita kini yang kita hadapi hanyalah rasa tidak puas hati dalam keadaan-keadaan tertentu. Mungkin ada yang mengatakan negara ini tidak adil, tidak wujud. Sistem yang kita anggap sistem yang adil, tetapi sebenarnya apa pun yang ada dalam negara ini adalah tertakluk di bawah undang-undang yang mana undang-undang utamanya ialah perlembagaan negara. Perlembagaan negara menentukan bidang kuasa eksekutif, menentukan bidang kuasa perundangan dan bidang kuasa kehakiman. Apa pun berlaku jikalau ianya bertentangan dengan peruntukan perlembagaan, maka dengan sendirinya tidak akan menjadi sah.

Jadi, kita telah bina satu negara yang aman. Kita telah dapat membina satu negara yang maju, dan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad kita tahu memimpin negara ini, dan pada hemat saya dalam fikirannya ialah hanya untuk apa yang baik dan kebajikan untuk negara. Tentu sekalilah kalau kita merasa keperitan ekonomi sebab kegawatan ekonomi, dialah orang yang pertama yang tidak mahukan masalah yang kita hadapi. Tentu sekalilah dia yang pertamanya memikirkan apakah rakyat negara ini cukup mempunyai makanan, adakah anak-anak masih boleh pergi ke sekolah, adakah kita masih lagi mendapat bekalan air, api dan sebagainya. Jadi, adalah tidak wajar bagi kita dalam kita menerima tamparan dan tendangan daripada luar yang cuba menggugat kestabilan, bukan sahaja kestabilan ekonomi tetapi juga kestabilan politik negara. Kita memberi simpati kepada mereka yang cuba mengambil kesempatan dalam keadaan ekonomi kini.

Kita banyak kaitkan seperti saya katakan tadi, rancangan-rancangan daripada Barat yang menggunakan agensi-agensi seperti IMF ataupun The World Bank untuk ianya dapat meresapi dan seterusnya menakluki negara dan seterusnya menjadikan negara ditakluki walaupun secara zaman dahulu di mana kalau bangsa asing datang, ia menakluki dengan cara langsung, tetapi dengan cara tidak langsung dengan menggunakan orang-orang tertentu yang difikirkan boleh dipengaruhi untuk ianya dapat menentukan keadaan di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saya menyokong usul Dato' Abdul Aziz ini, saya ingin mengatakan bahawa sebenarnya kita mahukan Michel Camdessus ini mungkin meletakkan jawatan kerana dia tidak dapat melaksanakan falsafah dan juga matlamat IMF itu diwujudkan semasa ianya pertama diwujudkan dalam tahun 1944. Kita juga meminta kepada pihak kerajaan untuk mengusulkan melalui PBB agar IMF ini dapat distrukturkan semula dan diberikan matlamat yang sepatutnya seperti mana yang telah diwujudkan dan seterusnya ianya perlulah tidak lagi dijadikan satu agensi yang dikawal sepenuhnya oleh pihak Barat. Kita perlulah berusaha untuk mendapatkan lebih ramai daripada ahli negara-negara yang mempunyai wang untuk sama-sama menjadi ahli-ahli IMF yang dapat membuat keputusan yang lebih nyata dan jelas selain daripada tindakan-tindakan kita untuk mengusahakan alternatif baru, contohnya dengan OIC mewujudkan satu lagi sistem kewangan yang boleh diterima pakai sebagai satu cara untuk kita mengawal perkara-perkara yang boleh menimbulkan masalah krisis ekonomi. Kerana krisis ekonomi ini bukanlah pertama kalinya di sini. Ianya telah berlaku di Mexico, di Russia, malah di Britain sekalipun apabila spekulator-spekulator mata wang ini telah menembusi pasaran-pasaran di seluruh dunia. Jadi, sebenarnya sistem itu sendiri yang perlu diperbaiki dan bukannya selain daripada sistem pengawasan, kerana sistem itu yang membolehkan keadaan apa yang berlaku itu wujud.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyampaikan rasa kesyukuran saya kerana negara kita terus aman dan kita dapat menghadapi krisis ekonomi negara dengan begitu tabah, dan insya-Allah, kita akan dapat mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi dan kita menyeru kepada rakyat semua lapisan di negara ini, kita menyokong pihak kepimpinan terutamanya Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad agar kita dapat terus memajukan negara ini dan

seterusnya dapat kita mengembalikan keadaan kestabilan ekonomi dan politik negara untuk kita terus dapat mencapai matlamat Wawasan 2020. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Zainuddin bin Maidin.

4.20 ptg.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta dalam menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang menyedari akan hakikat yang kita hadapi dan juga dihadapi oleh negara-negara Asia Tenggara khususnya, dari tindakan-tindakan IMF. Mungkin ada pihak yang akan bertanya siapakah kita untuk membawa usul ini untuk mendesak supaya Michel Camdessus meletakkan jawatan. Siapakah kita sebuah negara yang kecil yang harus mengemukakan ketetapan ini tetapi saya rasa suara kita telah didengar, suara kita telah sedikit sebanyak telah menggugat dunia dan suara kita kadang-kadang menjadi perhitungan malah tetap menjadi perhitungan sehingga ke hari ini.

Maka itu walaupun keputusan ini adalah merupakan hanya satu keputusan daripada sebuah negara yang kecil tetapi saya rasa akan didengar oleh dunia seperti mereka telah mendengar suara-suara kita terdahulu sehingga kita sekarang menjadi negara yang disebutkan oleh *Times Magazine* sebagai satu negara yang paling banyak disebut di dunia. Bukan soal kerana adanya perbicaraan skandal dan sebagainya tetapi adalah kerana keberanian kita, kenekadan kita bukan untuk keluar dari sistem kapitalisme itu sendiri, tetapi adalah dengan menggunakan sistem itu sendiri untuk mempertahankan diri kita daripada serangan-serangan tanpa belas kasihan daripada spekulator mata wang dan juga investors yang hanya mementingkan keuntungan diri tanpa memikirkan akibat-akibat yang buruk kepada rakyat yang berkenaan.

Walaupun barangkali dalam menghadapi kegawatan ekonomi ini suara kita diiktiraf tetapi mungkin belum disahkan, tetapi apa yang kita lihat apa yang telah berlaku suatu consented affords ataupun suatu kerjasama daripada foreign media

asing, suatu komitmen untuk terus menimbulkan ketidakpercayaan terutamanya terhadap apa yang telah kita lakukan. Apa yang kita lihat dari masa ke semasa, dari semua media Barat, daripada electronic network sendiri dan juga daripada akhbar-akhbar dan majalah-majalahnya bahawa serangan itu akan berlaku terus menerus, mengambil kesempatan dan kita melihat serangan itu disusun begitu rupa sehingga pada ketikanya kita melihat bagaimana pada masa menjelang persidangan APEC itu seluruh media yang dikuasai oleh Amerika digunakan untuk menggunakan apa juga yang boleh digunakan bagi melemahkan keyakinan terutamanya pihak investors asing daripada datang ke negara ini, tetapi seperti mana mereka gagal dalam cuba menggagalkan Sukom itu sendiri mereka gagal untuk menggagalkan imej APEC dan hakikat ini telah diakui oleh kebanyakan mereka dan kemudiannya mereka mulai berlembut. Ada suara-suara terakhir yang menunjukkan bahawa ada sikap-sikap yang akan positif dalam majalah-majalah asing tetapi hal ini hanya menunggu kemungkinan-kemungkinan yang lain di mana mereka akan meneruskan serangan mereka. Jadi apa yang berlaku, langkah kita tidak confirm kepada langkah-langkah IMF telah menggugat unregulated kapitalisme yang dijuarakan oleh Barat dan juga oleh pihak Amerika ke atas negara-negara Asia.

Sebenarnya saya kira tentangan-tentangan yang hebat ini adalah kerana menampakkan debaran mereka, debaran mereka yang utama ialah kalau sekiranya langkah ini berjaya. Kalau langkah ini berjaya ia akan mencabar kewibawaan, kredibiliti dan juga economic policy yang di'prescribe'kan oleh IMF sendiri akan menjadi persoalan tentang kredibilitinya. Hal ini akan menjatuhkan maruah dan akan menghilangkan keyakinan dan ini akan berlaku sekiranya keyakinan ini juga dikongsi bersama oleh negara-negara Asia lainnya yang menghadapi kegawatan.

Jadi inilah maka saya kira seperti yang telah diperkatakan oleh rakan terdahulu bahawa mereka berusaha sedapat mungkin untuk menggagalkan atau untuk menghilangkan keyakinan yang telah dibina atau dijuarai oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sendiri.

Walau bagaimanapun rakan-rakan kita yang rasional adalah menyedari bahawa walau apa pun yang cuba digambarkan oleh pihak-pihak media asing sebagai kita untuk keluar daripada sistem kapitalisme itu sendiri tetapi sebenarnya mereka memahami bahawa itu bukanlah cara kita iaitu kalau kita bandingkan cara kita atau sistem kita, bukanlah tiba-tiba kita keluar untuk memeluk sistem sosialis ataupun sistem kapitalis di mana dalam negara-negara berkenaan pihak rakyat sendiri tidak boleh keluar dari negara itu, pihak rakyat tidak boleh membuat pertukaran asing, pihak rakyat tidak boleh mempunyai harta di luar negara, rakyat di negara-negara berkenaan tidak boleh melancong dan sebagainya. Hal ini tidak sama sekali berlaku di negara kita, jadi hal ini tidaklah seharusnya sehingga menimbulkan anggapan bahawa kita telah menentang sistem kapitalisme itu sendiri dan cuba untuk menentang Barat dan menimbulkan salah tafsiran tetapi hal ini terus dilakukan.

Sebenarnya seperti yang saya tidak perlu terangkan, telah banyak orang berbicara tentang perkara ini iaitu apa yang kita lakukan sekadar untuk melaksanakan satu selective a capitol control dan juga untuk mengenakan kawalan ke atas pertukaran asing. Bukanlah kita melaksanakan apa yang telah dilakukan oleh negara-negara komunis. Kita bukanlah menjalankan, seperti yang saya katakan, dasar ekonomi yang mirip kepada sosialis dan komunis ataupun sekurang-kurangnya kita lebih banyak liberal daripada apa yang dilakukan di India sendiri. Amerika sedar akan hal ini tetapi saya kira oleh kerana agendanya tersendiri yang terbuka dan bukan tertutup lagi, maka mereka haruslah meneruskan usaha-usaha untuk menggagalkan ataupun untuk menghilangkan keyakinan kita terhadap apa yang kita lakukan.

Agenda mereka adalah mudah iaitu apabila kita memeluk kapitalisme Barat, mengapa seharusnya kita menidakkan elemen-elemen atau anasir-anasir yang ada dalam sistem kapitalis itu sendiri. Hal ini mungkin tidak dimengertikan oleh mereka iaitu apabila disaat kita memeluk sistem mereka, maka kita haruslah juga menerima seluruh konsep kapitalisme itu sendiri secara total iaitu mesti ada demokrasi sepenuhnya, mesti ada kebebasan individu, mesti ada pre market yang tidak terkawal lagi dan demikian juga kebudayaan yang bebas.

Hal ini adalah seolah-olah hendak dipaksa ke atas kita dan hal ini amat jelas apabila mereka telah berjaya dalam menyerang mata wang di Asia, setelah kejayaan ini berlaku apa yang jelas kalau kita ikuti daripada foreign media ialah mereka kemudiannya melakukan serangan ke atas nilai-nilai Asia, itu saya perhatikan daripada awal, setelah berjaya mereka itu menyerang nilai-nilai yang telah didakwa oleh Asia sebagai menjayakan ekonomi kita, tetapi sebenarnya kita tidak pernah berbangga, apa yang mereka katakan itu adalah dikatakan oleh mereka sendiri, mereka yang mengatakan kita sebagai 'tiger' malah pernah kalau tidak salah ingatan saya sendiri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sendiri tidak mahu kita dipanggil sebagai 'tiger', tetapi apabila kita gagal, mereka telah mengatakan kejayaan kita bukanlah kerana nilai-nilai confiuses, bukanlah kerana nilai-nilai Islam, mereka kata kejayaan kita adalah kerana....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Zam tadi dan sebelum ini kita ada mendengar Yang Berhormat Kamalia ada menyebutkan bahawa kita kembali kepada satu sistem, sistem universal, sistem yang ada disebutkan dalam al-Qur'an untuk kepentingan sejagat. Hari ini kita menganuti satu fahaman iaitu demokrasi dan juga sistem kapitalisme yang dibawakan oleh Barat yang dianuti oleh kita selama ini. Semasa kita menganuti sistem ini kita dapati bahawa mereka sendiri yang telah menunjukkan kepada kita bahawa sistem itu sendiri dilemahkan oleh Amerika sendiri, pada pandangan saya, kerana yang menyerang dan juga yang melakukan pengkhianatan kepada sistem demokrasi itu adalah Amerika sendiri dan kita tahu satu lagi sistem yang diperkenalkan di dunia ini adalah sistem komunis ataupun sistem sosialis.

Adakah kita sebagai sebuah negara yang merdeka kita perlu terikat dengan mana-mana sistem kerana kedua-dua sistem ini adalah sistem ciptaan manusia sama ada sistem kapitalisme ataupun sistem sosialisme adalah sistem yang dibawa oleh manusia.

Bagi saya, saya rasa ini bukan sesuatu yang mutlak, sesuatu yang tidak boleh dipinda, tidak boleh diubahsuai dan sekarang Malaysia mungkin memperkenalkan

satu sistem sejagat yang kita menuntut kepada keadilan. Mungkinkah Dato' setuju dengan apa yang saya katakan bahawa kedua-dua sistem ini ada kelemahannya, ada kebajikannya dan kita mencari kebaikan daripada kedua-dua sistem ini untuk kita menentukan masa depan kita. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya rasa bukanlah saya untuk menjawab soalan ini, tetapi saya rasa apa yang paling tepat dalam soal ini ialah kita telah sampai kepada peringkat ini menerusi satu sistem yang telah kita terima daripada Barat. Kita cuba untuk keluar daripada sistem ini. Kita telah cuba kalau kita balik kepada sejarah daripada zaman apabila kita bangunkan negara-negara Afro-Asia. Kita bangunkan kebangkitan suatu pemimpin Asia daripada Sukarno, Mao Tse Tung, Nasser, Nehru dan Tito, kita cuba untuk bangunkan suatu bangsa yang merdeka, yang bebas daripada sistem kapitalis Barat. Tetapi dalam pada itu, ibarat seperti orang kata "lari daripada mulut naga, masuk ke mulut buaya". Jadi kita cuba lari daripada buaya, kita akan masuk kepada Rusia atau Soviet Union ataupun China itu sendiri.

Jadi, dalam keadaan kegawatan itulah yang menyebabkan apa yang kita ada adalah hasil daripada kita mesti terus terang kepada diri kita sendiri iaitu hasil daripada buaya Barat itu sendiri. Apabila kita menghadapi komunism di Vietnam, mungkin kita tidak dapat nafikan bahawa Amerika yang menyuruh kita menubuhkan ASA untuk mengimplementasikan suatu strategi ekonomi kapitalis yang akan melemahkan komunism. Maka itu kita tubuhkan ASA. Daripada ASA kita berpindah kepada ASEAN apabila kita berjaya dalam menggagalkan komunism di Indonesia. Kita berjaya menghancurkan satu parti komunis yang paling besar di sebelah Asia dan maka itulah lahirnya ASEAN. Menerusi ASEAN inilah kita dengan bantuan mahu tidak mahu, bantuan dari Amerika itu sendiri, Amerika sendiri saya tidak nafikan yang membantu kejatuhan Sukarno. Amerika sendiri yang membentuk Timor-Timur, kemudian sekarang mereka menentang Timor-Timur. Mendalangi kebangkitan Timor-Timur untuk menentang Indonesia demi untuk kepentingan globalisasinya.

Jadi apa yang berlaku saya kira ialah, apa Yang Berhormat Kamalia sendiri bercakap tadi ialah suatu hasrat yang lahir daripada zaman Sukarno lagi, daripada zaman Tito lagi, selepas negara-negara Afro-Asia merdeka. Tetapi itu hanya menjadi satu impian dan kita melihat ini sebagai impian. Dan kita melihat bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sekarang keseorangan dalam memahami, dalam menghayati semangat anti-kolonialisme ini, beliau keseorangan dan telah tidak difahami oleh generasi baru yang wujud di negara ini sekarang. Ya, saya tidak menyatakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad semuanya betul, tidak, tetapi di sini kalau kekayaannya dikatakan nepotism, kronisma dan sebagainya kita share, kita kongsi. Kalau di Indonesia, kalau Suharto hanya untuk anak Suharto tetapi di sini tidak. Tetapi ini tidak difahami. Kita melihat doktor-doktor, pharmacist dan sebagainya yang membangun daripada reformasi di Malaysia tetapi lupa, tidak tahu, mereka mengedarkan risalah-risalah reformasi di klinik-klinik dan sebagainya, yang lahir mereka sendiri lahir, pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan sendiri sesetengahnya tidak faham. Kenapa jadi begini, sedangkan mereka sendiri lahir daripada reformasi. Jadi saya kira bagi menjawab kepada pertanyaan itu tadi, bahawa kita hendak keluar daripada sistem ini. Saya memahami apa yang Yang Berhormat Puan Mastika tadi bercakap, itu hasrat tetapi bagaimana hendak keluar dari sistem ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Yang Berhormat Dato' saya minta jalan sekali lagi. Saya amat tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin tadi. Soal kita menjadi rakyat yang merdeka dalam sebuah negara yang merdeka telah berapa tahun kita merdeka, 41 tahun kita telah merdeka. Maaf, saya kadang-kadang confuse dengan UMNO. Daripada perdebatan kita menunjukkan bahawa kita merdeka pada hakikatnya negara kita telah pun merdeka, tetapi sebenarnya pemikiran kita tidak merdeka, semangat kita tidak merdeka. Kalau kita dapat melahirkan generasi yang merdeka saya rasa

persoalan sama ada kita mesti terikat dengan kapitalisma ataupun terikat dengan mana-mana tidak timbul.

Kita sepatutnya menjadi rakyat yang merdeka yang boleh menentukan masa depan kita. Dari segi globalnya saya memang setuju apa yang Datuk sebutkan seolah-olah kita melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan negara kita keseorangan dalam memperjuangkan hak-hak kita sebagai sebuah negara yang merdeka kerana penjajahan itu walaupun pada fizikalnya tidak berlaku tetapi hakikat yang sebenarnya penjajahan itu masih lagi menular sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak mahu pergi panjanglah perkara ini, tetapi apa yang paling tepat sekali, apa yang sedang berlaku, saya akan ambil daripada tulisan Henry Kissinger sendiri yang cukup tepat iaitu tentang kapitalisma itu sendiri. Apa yang berlaku sekarang dan apa yang kita hadapi sekarang iaitu katanya, maaf, minta izin Tuan Yang di-Pertua. Katanya;

“But just as the reckless *laissez faire* capitalism of the 19th century, sponge marxism. So discriminate globalism of the 1990 may generate a worldwide assort on the very concept of prim financial market”

Erti dalam terjemahannya barangkali lebih kurang begini:

“Dalam kegelojohan budaya kapitalis itu di abad ke 19, ia telah menyuburkan marxism. Demikianlah juga sekarang, globilisasi tanpa perbezaan lagi di dalam tahun 90-an ini mungkin akan menyebabkan serangan seluruh dunia ke atas konsep kapitalis itu sendiri.”

Dan kini kita adalah antara negara-negara yang berada dalam keadaan ini yang berani untuk menentang. Dan kita adalah juara dalam menggunakan kapitalism itu sendiri untuk check kapitalisma yang tidak teratur, yang tidak salah, tetapi untuk keluar kita tidak boleh menafikan bahawa sistem kapitalis itu sendiri pada pandangan saya, dari bacaan saya, dari pengalaman kita, dari pengalaman Asia sendiri, tetap merupakan satu sistem yang telah membangun dan memakmurkan kita.

Kita tidak akan keluar, tetapi hanya penyesuaian perlu dibuat oleh kita dan kita bukanlah keseorangan dalam perkara ini, dalam negeri ini, barangkali di Asia nampaknya cuba membawa diri masing-masing tetapi kita ada rakan-rakan kita di luar yang juga bersimpati dan memahami seperti yang telah kita tahu daripada kalangan intelektual, economist, world politician sendiri yang memahami apa yang kita lakukan.

Jadi, saya kira soal ini apa yang paling menakutkan kita dalam konsep globalisasi ini ialah hasrat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia itu sendiri iaitu agenda Barat. Apakah agenda Barat? Apakah agenda Barat terhadap kita? Secara terang-terangan, iaitu mereka perlu mewujudkan, mereka telah berjaya menghancurkan komunism dan sosialism. Langkah mereka seterusnya ialah telah lahir suatu unipolisis power yang harus dikekalkan dan mereka telah mendakyahkan, telah cuba untuk mengetengahkan globalisasi itu semestinya menurut konsep Barat itu sendiri. Tidak boleh lari daripada konsep itu. Kekuatan itu semesti terus ada. Itu yang harus kita sedar tetapi kesedaran itu sejauh mana kita dapat mengatasi itu adalah bergantung kepada apa yang Malaysia lakukan sekarang yang merupakan suatu langkah ke arah satu sejarah baru. Apakah kita akan berjaya atau tidak, itu bergantung kepada kekuatan dan keyakinan kita sendiri. Tetapi apa yang mereka mahu lakukan ialah mereka cuba untuk memperkenalkan yang telah ditulis oleh seorang penulis yang agak kritikal terhadap dasar-dasar globalisasi sendiri iaitu William 'Park' yang telah kita lihat apa yang dilakukan oleh IMF sendiri adalah sebahagian daripada agenda Barat itu atau sebahagian daripada kepercayaan Amerika sendiri untuk sebuah dunia yang tidak bersempadan. Ini menakutkan. Apa yang dikatakan William 'Park' ialah sebahagian mereka adalah capitalism, kita harus pergi kepada nihil capitalism, iaitu nihilism. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, iaitu katanya William 'Park' menulis, "The natural tendency of nihil capitalism is to destroy social structure".

Sudah kita lihat berlaku di Indonesia sekarang. Kemudian cheer people, from their cultural root memisahkan rakyat di tiap-tiap negara itu daripada akar

umbi budayanya, mesti dipisahkan. Kita sekarang hidup umpamanya dengan makanan segera, right. Walaupun ini tidak bahaya tetapi ia a part of the culture, kita makan Kentucky Fried Chicken, McDonald, kita terima Michael Jackson so itu globalisasi, a part of the globalisasi, kemudian install 'improverishiss' internationalization of the consumer market and popular culture. Apa dia popular culture. Untuk internationalization of the consumer market ialah monopoli, hancurkan penguasaan tempatan tanpa dunia sempadan. Kenapa kita harus pertahankan lagi, kita harus terima. Kemudian popular culture, kalau kita baca very simple, kita baca majalah-majalah Inggeris apabila China menerima free-market apakah yang disebutkan, simple, disko mulai dibuka di China. Disko mulai ada di India. McDonald dibuka, Kentucky Fried Chicken dibuka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Saya ingin juga membahaskan apa yang telah dikatakan oleh Datuk Zainudin, tidakkah kita pada masa ini dapat sebenarnya melihat bahawa Amerika telah berjaya dengan konsep globalisasi itu sebenarnya is another form of colonisation, kalau kita kata dari segi apa dia popular culture, apa yang dikatakannya sebagai budaya dan ianya cuba menghakiskan the social structure dalam negara-negara yang kita lihat. Kita bukan sahaja mungkin South East Asia tetapi juga Russia, mungkin juga China the penetration is there every where. Cuma yang sekarang ini yang kita dapat lihat dengan konsep globalisasi itu bermakna bahawa tahap pencapaian kemuncaknya ialah dengan wujudnya apa yang dikatakannya konsep globalisasi.

Adakah agaknya kita dapat pada hari ini mengatakan to a certain extend di satu tahap yang tertentu bahawa mereka telah berjaya. Adakah mereka amission. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya merasakan mereka telah berjaya, saya agak pessimistic, walaupun kita berjuang tetapi saya agak pessimistic di mana dalam rumah kita sendiri, kalau kita bercakap tentang Islam mereka umpamanya apa yang berlaku di Asia sekarang yang melibatkan negara kita, mereka melihat bahawa mahu tidak mahu satu kebangkitan Islam, Indonesia dan Malaysia adalah merbahaya kalau sekiranya tidak confirm kepada Amerika itu sendiri, tidak confirm akan menyusahkan sebuah penyatuan kebangkitan Islam antara Malaysia akan menjadi satu masalah yang besar kepada Amerika kalau sekiranya menjadi seperti Iraq atau beberapa buah negara lain.

Tetapi masalahnya Iraq mempunyai satu sistem yang lain yang mudah untuk dihancurkan, ada alasannya, perkaranya, yang menghalalkan mereka untuk mengatakan tegakkan demokrasi tetapi Malaysia sebuah negara yang menjadi bukti yang bahawa dengan menggunakan sistem mereka di samping membangunkan nilai-nilai kita sendiri, menggunakan sistem politik, ekonomi, dan sosial mereka di samping cuba untuk membina keperibadian kita sendiri mengurus penubuhan IKIM, PERKIM menerusi research yang kita jalankan, melahirkan golongan profesional Melayu dan Islam, membangunkan suatu the tallest building in the world yang dahulunya kita kagum dengan Singapura sebagai orang-orang dunia yang datang dan melihat mendongak ke atas yang menunjukkan bahawa keupayaan orang Islam untuk ini semua hanya status sebagai simbol-simbol di dalam psychologically adalah satu perkara yang membangunkan keyakinan diri orang-orang Malaysia terhadap diri sendiri yang akan menyebabkan mereka tidak merasa diri kecil kita meras kecil dahulu.

Jadi hal-hal ini saya kira ini adalah merbahaya apabila orang-orang Islam yang dapat hidup bersama bukan orang Islam mewujudkan satu keyakinan yang lebih besar yang di samping itu orang-orang kita memang kita sudah separate out

sudah ada orang-orang kita yang telah dapat memberi khidmat di dalam pertubuhan-pertubuhan dunia itu sendiri yang membuat nama-nama di dunia. Hal-hal ini bukanlah perkara yang kecil tidak boleh dicapai oleh negara-negara Islam termasuk Indonesia sendiri.

Suatu dasar yang telah kita susun mengkagumkan diri kita sendiri tetapi hal ini tidak dapat dilihat yang kita sedih tidak dapat disedari oleh di mana silapnya kita tidak tahu tidak dapat disedari oleh generasi baru yang telah mendapat kekayaan dan kesenangan dengan mudah, turut menyebarkan reformasi dan sebagainya.

Jadi hal-hal ini yang saya kira, di manakah silap kita. Jadi kepada Yang Berhormat Kamalia tadi bertanya itu saya tidak tahu kita cuba untuk struggle tetapi tetapi saya lebih takut kalau kita sebut tentang Islam dan sebagainya. Mungkin itu akan lebih mendedahkan kita ketegangan yang lebih besar kita telah sampai pada satu peringkat di mana mereka ini bahaya Malaysia mesti dihancurkan. Soalnya apa yang berlaku IMF di Indonesia walaupun dia mengatakan dia akan membantu Indonesia dengan RM45 bilion tetapi dalam tulisan Henry Kissinger ini orang-orang China telah mengeluarkan wang daripada Indonesia sebanyak RM10 bilion, RM60 bilion. IMF akan membantu sebanyak RM45 bilion tetapi bukan soal bantuan 45 bilion soal di mana tindakan IMF itu sendiri telah menghancurkan sistem sosial di Indonesia orang-orang telah lari keluar daripada Indonesia dan keyakinan terhadap Indonesia itu telah hilang orang-orang China yang menjadi network supply beras di seluruh Indonesia dan network itu sendiri sudah hancur.

Inilah yang dilakukan orang IMF, Michel Camdessus tanpa menyedari hakikat keadaan hakikat social structure ataupun bagaimana institusi-institusi sosial itu dibangunkan. Apa yang dikatakan oleh Kissinger sendiri itu IMF tidak sahaja dia mahu membaiki seluruhnya dengan serta-merta dan akhirnya apa yang

dihancurkan lebih dahulu ialah sosial itu sendiri yang dihancurkan yang menyebabkan IMF itu sukar untuk membetulkan yang ini telah berlaku di Indonesia sendiri. Ini bukan kita sahaja yang melihat atau Perdana Menteri sendiri yang melihat tetapi dinyatakan oleh Perdana Menteri Russia, Primakov, Primakov mengatakan maaf Tuan Yang di-Pertua, IMF employ young kids who have seen nothing in life, inilah orang-orang IMF katanya dan who we talk knowing our situation start to detect or recommended sometimes of development plan di Russia. Itu bukan kita kata, itu Russia yang mengatakan demikian. World Bank sendiri mengatakan langkah-langkah yang diambil oleh IMF itu umpamanya tentang the highest interest rate grated huge number bankruptcies as a small businesses suddenly could not pay of debt or buy raw material kemudian berapa orang yang hilang kerja di Indonesia dan sebagainya.

Jadi, hal-hal inilah yang saya kira, kita mempunyai banyak prasangka, mempunyai ketidakpercayaan terhadap pihak IMF yang walaupun kita cuba untuk menuntut supaya disusun semula, supaya di'regulate' semula sistem kapitalis tetapi apakah suara kita akan dengar tetapi kalau kita katakan tidak dengar juga tidak betul sebab walaupun kita daripada negara kecil, kenapa Barat begitu sibuk untuk menyerang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir untuk menganggap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dengan pelbagai tuduhan dan menampakkan seolah-olah ia menjadi seorang yang mengancam kepada sistem itu sendiri.

Kalau suaranya tidak logik, masalahnya bagi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri masalahnya ialah ia menggunakan logik, 'argument'nya bukan retorik seperti Sukarno, bukan retorik seperti pemimpin-pemimpin Asia lain yang dahulu. Ini masalahnya, kalau pemimpin Asia dulu hanya retorik. Hanya orang Melayu kata hendak cuba menentang pihak lain dengan gigi tetapi kita tidak, masalahnya kita ada strategi kita yang terbukti, kadang-kadang kita memikirkan

masalah tentangan terhadap apa yang kita lakukan yang menerima tentangan yang paling hebat dari media-media asing bukanlah perkara baru. Media asing tidak pernah menjadi friendly kepada sun of soil tidak pernah, daripada zaman Tun Abdul Razak, kalau Tuan Yang di-Pertua dapat mengingatkan adakah foreign media menyokong Dasar Ekonomi Baru, tidak ada seorang pun daripada foreign media, saya masih mengingat nama-nama mereka umpamanya Habbie Stockwim daripada Far Eastern Economic Review dan beberapa orang daripada Reuters, semuanya menentang DEB ini sebagai dasar yang menekan orang-orang bukan Melayu di Malaysia.

Tidak ada dan kita, apabila dalam tahun 80-an apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir mula memperkenalkan kempen untuk menarik investors kepada negara ini, mereka telah menyerang mengatakan kita rasuah dan sebagainya. Kita telah persona non gratakan dua orang wartawan World Street Journal daripada Malaysia, dua orang dihalau keluar daripada Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir sendiri telah pergi Confront the editor of the World Street Journal di New York dan demikian juga ketakutan kita dan kebimbangan kita sama juga seperti hari ini. Tetapi untuk beliau menukarkan sikap beliau sudah terlalu lambat.

Saya fikir dia tidak boleh menukar sikapnya lagi iaitu dia percaya apa yang dia lakukannya dan beberapa kali kita telah menang. Kemenangan ini seharusnya menyakinkan kita sendiri terhadap kemampuan kita, terhadap suara kita akan didengar, terhadap suara kita akan berkesan tetapi yang perlu ialah kesedaran daripada dalam negeri sendiri dan menunjukkan kita kuat apakah yang kekuatan yang kita bina selama 30 tahun yang diasaskan oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman itu sendiri, yang bukan sukar kita menghadapi tekanan dan tentangan dari pihak golongan-golongan kiri sendiri dan golongan-golongan sosialis sendiri tetapi akhirnya kita berjaya dan sampai kepada keadaan yang ada sekarang, tiba-tiba kita hendak hancurkan dalam masa satu hari.

Dan hal ini adalah sesungguhnya amat membimbangkan sebab kita tahu apa yang ada sekarang dan kita lebih menjadi sesuatu masyarakat yang percaya kepada khabar angin, sesuatu masyarakat yang lebih tertarik kepada berita daripada sumber-sumber yang tidak sah daripada media yang sah. Hal ini adalah juga bukan satu perkembangan yang menyakinkan sebab mahu tidak mahu, saya kira kita haruslah mengakui bahawa kebanyakan media, saya harus bercakap perkara ini sebab ada kaitannya iaitu kebanyakan media di Malaysia ini memanglah kita akui. Kenapakah kita tidak mengakui terus terang bahawa media ini dipunyai oleh UMNO, apa yang hendak kita sembunyikan, kita boleh dapatkan daripada annual report siapa yang mempunyai saham-saham dalam media-media tertentu.

Tetapi soalnya apakah media ini tidak menyiarkan, media ini bias, kita terima media ini sebagai bias. Kita terima, kita tahu umpamanya, saya bagi sejarah sedikit sahaja apabila satu masa *Utusan Melayu* sebab *Utusan Melayu* yang paling besar, sebab *Utusan Melayu* yang menjadi suatu sejarah, *Utusan Melayu* dikuasai oleh orang-orang komunis dan sosialis dalam tahun 60-an.

Golongan komunis dan sosialis menguasai *Utusan Melayu*, saya masih bekerja pada masa itu, surat khabar *Utusan Melayu* pada hal yang mendapatkan kemerdekaan negara ialah Tunku Abdul Rahman, ialah UMNO tetapi golongan sosialis dan komunis yang berkumpul di *Utusan Melayu* di Singapura dan juga di Kuala Lumpur, menyakini diri sendiri bahawa pembaca-pembaca menyokong mereka.

Surat khabar *Utusan Melayu* jatuh daripada 40,000 kepada 15,000, hendak bayar gaji pun susah, tetapi akhirnya kerajaan terpaksa, ini sejarah yang tidak boleh disembunyikan. Tun Abdul Razak, kerajaan sendiri terpaksa mengambil alih *Utusan Melayu* dan circulation *Utusan Melayu* daripada 15,000, sebab yang membeli *Utusan Melayu* ialah penyokong-penyokongnya UMNO. Daripada 15,000 naik kepada 50,000 dan apa yang kita takutkan surat khabar tidak laku,

kalau orang ramai akan terus membeli, kalau mereka menyokong mereka akan terus membeli.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, walaupun surat khabar itu pembacanya pun ramai termasuk rakyat UMNO, surat khabar pun UMNO adakah pihak yang berucap tadi, sahabat saya Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin bersetuju bahawa surat khabar kita yang ada ini *Utusan, Strait Times* ialah satu surat khabar yang terbuka iaitu yang menceritakan apa sebenarnya perkara berlaku, tidak macam surat khabar *Harakah* dan *Aliran* yang daripada muka pertama hingga muka akhir semuanya kerajaan tidak betul.

Pada saya sebabnya kalau setuju mintalah penjelasan kepada Yang Berhormat Datuk Zam bahawa surat khabar kita yang kita baca biasanya daripada *Strait Times, Utusan* dan *Star*. *Utusan* dulu harga RM1 sekarang RM1.20 masih laku, hari Ahad RM1.50 masih laku, lambat sedikit bukan saya hendak menaikkan *Utusan* tidak, saya lambat sedikit sahaja, saya tidak melanggan, saya beli di warung dan di kedai-kedai, bila lambat sedikit sahaja tidak dapat surat khabar. habis, laku.

Jadi mengapa laku ini, bukan sahaja ahli UMNO yang membelinya semua orang yang faham dalam bahasa Malaysia membeli *Utusan, Strait Times, Star* dan berita-berita yang disiarkan adalah sangat terbuka.

Setuju atau tidak jika dibandingkan dengan surat khabar seperti mana *Harakah*, yang saya dengar *Harakah* ini tidak berapa laku. Walaupun ahli-ahli sahaja yang membeli tetapi saya dapati tidak begitu laris sudah dan juga *Aliran*. Saya ada membeli *Aliran* ini sungguhpun tidak diharamkan lagi tetapi sekarang saya sudah seperti kata orang Inggeris dengan izin fed-up, fed-up pasalnya tidak ada benda langsung yang baik dari kerajaan, semuanya tidak baik belaka. Ini yang saya hairan mengapa berita seperti ini boleh dijualkan boleh lagi hidup ataupun ada orang yang memberi sponsorship kepada surat khabar-surat khabar seperti ini.

Saya meminta Yang Berhormat Datuk Zam yang berpengalaman dari segi berita, surat khabar dan akhbar ini amat meluas dan dia lebih tahu dengan mendalam lagi dari segi rahsia-rahsia yang tersimpan. Terima kasih.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk bertanya juga dengan Yang Berhormat Datuk Zam sebagai ahli dalam bidang kewartawanan. Dalam journalism saya ingin menyambung soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi. Apakah dia sebenarnya dalam erti kata journalism yang disiarkan dalam akhbar? What is the truth? Sebab apa yang kita kata hendak truth itu terpulung kepada apa yang kita lihat sebagai the truth. Terima Kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat kerana telah memberi peluang kepada saya untuk bercakap satu perkara yang saya takut hendak bercakap nanti tidak kena mengena dengan perbahasan ini, tetapi saya rasa ada mungkin pertama, tentang surat khabar-surat khabar di Malaysia.

Sebenarnya surat-surat surat khabar di Malaysia ini walaupun dipunyai oleh parti tetapi tidak ada logical dan terbuka, untuk mengatakan surat khabar-surat khabar menyelewengkan berita-berita pun tidak mungkin berlaku sebab kita dikawal oleh undang-undang. Kita tidak boleh menyiarkan berita bohong, kita tidak boleh menyiarkan berita yang menfitnah sebab kalau kita menyiarkan, orang ramai berhak dan mempunyai hak untuk mengambil tindakan kepada mahkamah dan orang ramai kalau surat khabar-surat khabar seperti mosquito paper macam beberapa surat khabar yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi, mereka tidak sue sebab mereka tahu tidak ada duit, tidak ada wang untuk bayar, tetapi kalau *Utusan* dia sue, sebab itu saya sendiri PAS pernah sue saya, kita bayar RM100,000 di mahkamah. Itu sebab surat khabar tetapi apa surat khabar, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Puan Kamilia tadi iaitu surat khabar memberi information, maklumat, hiburan dan juga gambar, sukan dan sebagainya, maklumat yang benar.

Kita tidak boleh, misalnya kalau kematian seseorang kita hendak sembunyikan – tidak boleh! Sebab kita macam Dato' Zuki sendiri mengetahui cerita orang mati tidak wujud, di Malaysia tidak boleh begitu, cumanya kata demonstrasi ini tidak ada seorang pun yang mati, didiamkan. Yang bertanya kepada saya, kononnya bercakap ini ialah Thomas Fuller – wartawan Herald Tribune mengatakan kepada saya ada yang mati dalam tunjuk perasaan di Kuala Lumpur tetapi disembunyikan, saya sedih! Sebab hal ini tidak boleh berlaku. Dari zaman komunis dahulu, mungkin ditahan berita kematian itu untuk sehari dua, tangkapan ditahan sebab rupa-rupanya seorang anggota parti komunis ada ditangkap di Kuala Lumpur tetapi kita tahankan berita itu untuk sehari dua supaya komunis yang berada di Ipoh datang ke Kuala Lumpur ini, dapat tangkap semua sekali baru kita keluarkan. Itu ada tetapi untuk menahan berita tidak mungkin berlaku.

Di Malaysia tidak mungkin berlaku sebab lahir pun kita report, mati pun kita report. Kita ada sistem kita sendiri yang berlainan. Apa yang Lee Kuan Yew kata kita ada check system, Lee Kuan Yew kata. Sama, dia memahami kita dan kita memahami dia, same with, English administration yang sama. Jadi, kita ada sistem kita tersendiri. Demikian juga akhbar, akhbar terkawal tetapi apa yang saya hendak katakan kalau disebutkan berita yang tidak benar berlaku itu, bias, bias tentu bias, surat khabar *Utusan*, *Straits Times*, *Star*, dia ada agendanya tersendiri di dalam soal parti tetapi tidak menyiarkan berita bohong, berita mesti betul! Kalau tidak betul akan ada teguran, kalau kita menyiarkan gambar yang salah, besok ada pembetulannya, itu akan berlaku.

Saya bawa satu contoh, satu surat khabar yang mewakili satu parti Islam yang besar, yang saya sedih bila saya baca iaitu apabila berlaku pembangunan di Langkawi, apabila peluang kerja terbuka kepada orang-orang tempatan, pembangunan memberikan pekerjaan. Apa yang disiarkan? Anak-anak gadis Pulau Langkawi telah mengandung tanpa nikah, berita begini tidak akan disiarkan oleh akhbar-akhbar yang establish, tidak boleh, pembohongan! Tidak baik. Apabila itu berlaku orang ramai tidak tahu, tidak seperti orang surat khabar, kita check dan

cross checking. Dia orang tidak ada, dia percaya bahawa gadis-gadis di Langkawi mengandung kerana bekerja di hotel-hotel, ibu bapa di Langkawi tidak membenarkan anak-anak bekerja di hotel-hotel – negative thinking dilahirkan oleh media yang seumpama ini, inilah cara-cara yang tidak betul.

Saya boleh membawa pelbagai contoh tetapi orang sekarang dalam keadaan kegawatan politik terus mempercayai. Saya bukan tidak mahu percaya, saya mahu untuk membaca tetapi biarlah ada intelektualitinya, bukan ada.....apa saya hendak describe, tidak ada kredibilitinya langsung tetapi tidak apalah, keluarkan, berapa lama orang hendak baca ideologically paper.

Saya syorkan supaya kerajaan memberikan lesen harian kepada *Harakah*. Berikan! Surat khabar, apa yang perlu ada surat khabar. Kita beli surat khabar bukan kita baca berita politik, baca berita politik itu sambilan tetapi kita hendak membaca cerita-cerita yang lain, cerita viagralah ataupun satu penemuan baru, tentang accident, kemalangan kapal terbang, penemuan-penemuan baru, hiburan, Siti Nurhaliza. Kalau *Harakah* keluar ia tidak boleh adakan program TV, tidak boleh adakan – bertentangan dengan dasar PAS, adakah surat khabar yang begini boleh wujud? Kemudian bank-bank pun bukannya terdiri daripada orang-orang yang terlalu, yang agak kolot, tentu dia hendak menyokong surat khabar – hendak mendapat pinjaman bank dan sebagainya.

Inilah perbezaannya antara – kalau orang mengatakan surat khabar bohong, tidak betul tetapi bias menyokong kerajaan betul tetapi kalau sekiranya beli belilah, tidak beli sudahlah tetapi surat khabar laku. Apabila langkah pemuluan ini dianjurkan oleh satu parti yang tidak berdaftar - Gerak meminta supaya akhbar-akhbar kerajaan dipulaukan tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah peningkatan akhbar berlaku. Yang saya tahu *Star* sendiri terpaksa mengawal circulationnya kerana cetakan yang terlalu besar yang menyebabkan kerugian. *Utusan* sendiri terpaksa kawalkan cetakannya, menghadkan jumlah cetakan kerana harga kertas yang bertambah mahal dan yang saya bimbangkan ialah apabila kita menaikkan harga daripada RM1 naik kepada RM1.50 oleh kerana keadaan kertas yang mahal

tetapi surat khabar hanya terbantut untuk satu, dua minggu tetapi terus naik sehingga kita menghadapi masalah sekarang – demand yang terlalu besar dan audience TV3, audience RTM bertambah dalam keadaan keinginan manusia untuk mengetahui sesuatu yang benar, audiencenya bertambah, audience TV saya ingat rating boleh tanya dengan TV3, ratingnya bertambah.

Kita harus yakin kepada masyarakat yang rasional, masyarakat yang educated, masyarakat yang seperti Dato' Zuki yang akhirnya akan membuat pembacaan yang kosong, pembacaan yang tidak memberi sumbangan kepada perkembangan intellectualism . Perkembangan dengan berita-berita yang kita akhirnya sebagai orang yang terpelajar kita kata ini bohong. Seperti saya katakan tadi, berita-berita yang negatif, berita-berita yang tidak memberi sumbangan ke arah kematangan berfikir. Seperti yang Dato' Zuki kata, akhbar-akhbar ini mulai menurun, ini hanya temporary dalam keinginan-keinginan manusia untuk tahu, dia berpeganglah kepada sumber-sumber mana, kononnya untuk balance, apa yang kita hendak balance kalau akhbar-akhbar ini tidak ada apa pun. Kalau baca *Times Magazine*kah, *Newsweek*kah atau lain-lain, itu lain walaupun dia bohong.

Jadi, minta maaf saya sudah menjawab perkara-perkara yang saya rasa mungkin tidak relevan dengan apa yang harus saya katakan lagi.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya hendak menyampuk sedikit sebab Datuk Zam tadi mengatakan yang soalan kami tadi tidak relevan kepada topik kita hari ini. Sebenarnya amat relevan sebab perkara-perkara yang tidak betul dikatakan dalam surat khabar berkenaan dengan negara kita ini dan kita tadi membandingkan surat khabar-surat khabar yang menceritakan perkara yang benar. Jadi, kebanyakan berita-berita yang keluar daripada surat khabar-surat khabar asing ini adalah tidak benar. Disebabkan itu tidak ada keyakinan dan kepercayaan kepada negara kita ini disebabkan surat khabar. Misalannya, tidak lama dahulu saya ke New Zealand menghadiri CPA, saya berjumpa dengan satu keluarga Canada yang berkata kepada saya, “saya hendak pergi ke Kuala Lumpur, hendak singgah balik ke Canada dan saya dapati Kuala Lumpur tidaklah begitu

selamat”, dia kata. Jadi, saya pun cerita kepada dia tidak ada apa yang berlaku di Kuala Lumpur sebenarnya, yang ada ini hanya sedikit-sedikit di belakang-belakang kedai, di Chow Kit dan Kampung Bharu, selamat sangat saya kata kalau pergi ke sana tidak ada apa yang akan berlaku, saya kata, kalau hendak pun saya boleh jadi tour guidenya untuk membawa awak, “tidak payahlah,” dia kata. Dia kata, “Yang Berhormat sudah kata begitu saya akan singgah di Kuala Lumpur empat hari”. Jadi, saya rasa dia singgah di Kuala Lumpur empat hari.

Inilah berita-berita yang tidak betul yang disiarkan melalui media kita –TV dan surat khabar dan kadang-kadang ada masanya kita nampak dalam TV perkara-perkara yang berlaku di Malaysia ini tidak semena-mena TV itu tunjuk di Jakarta, “ini yang berlaku di Kuala Lumpur”, dia kata tetapi perkara itu berlaku di Jakarta, jadi orang-orang di luar negara kita menonton TV ini memikirkan perkara ini betul.

Kita tidak persalahkan mereka sebab mereka tengok apa yang dibaca, apa yang disiarkan, oleh itu perkara yang kami bangkitkan tadi dan apa yang dijawab oleh Datuk Zainuddin bin Maidin tadi amatlah relevan untuk negara-negara lain memberi keyakinan dan mempunyai keyakinan untuk melabur dan datang ke negara ini dengan membetulkan siaran-siaran di TV dan surat khabar dan saya mohon kepada Datuk Zainuddin bin Maidin iaitu seorang yang penuh pengalaman dalam journalism dan ada pengaruh dalam surat khabar. Bagaimana pula kita hendak cuba mempengaruhi surat khabar-surat khabar luar dari Malaysia ini, kita sudah puas hati dengan ‘*Utusan*’ dan ‘*The Star*’ tetapi pada saya bagaimana kita hendak mencelah, hendak mempengaruhi surat khabar macam ‘*World Street Journal*’, ‘*Herald Tribune*’, ‘*Newsweek*’, ‘*Times*’, ‘*Asiaweek*’, ‘*Far Eastern Economic Review*’, bagaimana kita hendak memberi mereka ini penjelasan yang betul.

Adakah cukup peranan-peranan yang dimainkan oleh pesuruhjaya tinggi kita di luar negara, ambassador kita di luar negara, adakah mereka memerlukan Ahli-ahli Dewan Negara untuk cuba membantu mereka? Itu saya telah bangkitkan dahulu tetapi jawapan daripada kerajaan tidak perlu katanya. Jadi saya rasa inilah

perkara-perkara yang patut kita lakukan sekarang ini. Mana tenaga kita, jangan kita berteriak di dalam Dewan sahaja, bercakap di dalam Dewan sahaja tetapi kita mesti gunakan mekanisme-mekanisme yang ada untuk cuba mempengaruhi di luar negara. Adakah, tidak ada! Jadi apa yang mereka tulis itu, dia tulis, kalau kita ada kaitan dengan editor-editor daripada *'World Street Journal'*, *'Herald Tribune'*, kita akan cuba mempengaruhi melalui telefon, melalui Internet, melalui pergi ke sana menceritakan yang sebenarnya apa yang orang ceritakan ini tidak benar. Tidak ada berlaku di sini, tolonglah betulkan. Kami menceritakan hal yang berlaku di New York dalam surat khabar, tengok penjelasan kami, betul atau tidak betul – betul, macam inilah patutnya 'oh kami tidak tahu', apa yang berlaku sebenarnya kami dapat maklumat daripada sini.

Jadi saya rasa peranan-peranan ini patut dimainkan oleh High Commissioner kita, dengan izin, ambassador kita dan penuntut-penuntut kita di seberang laut dan juga journalist seperti Datuk Zainuddin bin Maidin. Jadi inilah saya hendak memberitahu kepada Datuk Zainuddin bin Maidin, relevan sangat perkara yang you jawab tadi dan terima kasih walaupun kami ini – hari pun sudah lewat dan sebagainya. Satu hari usul kita sudah tidak ada, usul ini usul ini sahaja tetapi pada masa ini memberi peluang kepada kita untuk bertukar-tukar fikiran sebab pihak kerajaan pun tidak ada di sini untuk menjawabnya, hanya yang ada seorang dan dua pemberita. Yang lain saya rasa tidak tahu, di belakang menunggukah atau mendengarkah tetapi saya harap apa-apa yang Datuk Zainuddin bin Maidin ceritakan itu saya pasti akan keluar esok barangkali ataupun tidak, saya pun tidak tahu. Tetapi kalau tidak, kita ini bercerita, berborak macam satu-satu, baik kita pergi ke lobi, lebih baik barangkali. Walau bagaimanapun saya harap ini akan memberi manfaat kepada kita. Terima kasih

Datuk Zainuddin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan keyakinan kepada saya apabila seorang peguam mengatakan relevan, saya percayalah relevan. [*Ketawa*] Jadi saya tidak dapat hendak menjawabnya nanti jadi berpanjangan pula. Memang sukar sebab apa saya kira tiap-tiap negara

ada konsepnya sendiri, seperti yang disebutkan iaitu ada agendanya sendiri, kalau kita siap tulis, kita minta mereka siarkan, mereka tidak akan siarkan, mereka ada 'mind set'nya sendiri.

Jadi umpamanya ini adalah pengalaman saya sendiri iaitu seorang wartawan daripada 'Asiaweek' yang datang ingin menemui saya di Hotel Hilton pada suatu petang, dia pernah bekerja di sini kemudian dia tunjuk kepada saya, dia kata "*Café di Hotel Hilton itu kosong*", dalam pukul enam hingga pukul tujuh. Kemudian dia berkata, "Kadang-kadang sengaja pihak hotel menyuruh pekerja-pekerja pergi duduk untuk menunjukkan bahawa ramai". Jadi saya rasa hal itu tidak berlaku di Malaysia. Lagipun pukul enam hingga pukul tujuh, orang memang tidak ada di situ tetapi apabila malam berkurangan orang. Saya kata perkara ini tidak benar, saya boleh bawa awak pergi ke kawasan di kampung sehingga sekarang pun ada kedai kopi yang dibuka 24 jam, orang kita makan dan sebagainya tidak ada masalah kerana keadaan kita lain. Kemudian setelah berpanjangan bercakap dengan dia, akhirnya dia berkata kepada saya, "You tahulah kadang-kadang apabila saya tulis tetapi apabila balik ke Hong Kong, pengarang saya edit mengikut cita rasa mereka sendiri. You tahulah sebagai editor, saya tidak agree, saya sendiri tidak boleh untuk meng 'edit' mengikut cita rasa sendiri." Apa yang dikatakan oleh Y.B. Dato' Michael Chen Wing Sum, mestilah itu yang dikatakan, saya tidak boleh menambah, mengurangkannya boleh tetapi untuk menambah dan untuk memesongkannya itu bukanlah kerja kita. Tetapi hari ini dilakukan, oleh kerana mereka seperti yang telah kita bincangkan tadi mereka ada 'mind set' sendiri iaitu agenda mereka sendiri, ketakutan mereka kepada kebangkitan Asia.

Itu yang saya kira mesti dihancurkan iaitu kalau kita ingat sendiri apabila Cohen balik dari Malaysia singgah di Indonesia dan bertemu dengan Suharto, selepas itu apa yang dikatakannya. Dia kata "*Saya gembira kerana China telah settle untuk menjadi kuasa Asia*". Itu sahaja, kuasa Asia dia gembira tetapi kadang-kadang kita dapat membaca apa katanya. Dia tidak mahu China menjadi

satu kuasa besar dunia ataupun lain-lain kita menjadi satu yang akan menggugat mereka kemudiannya.

Demikian juga umpamanya macam apa yang terjadi kepada Mahathir punya rancangan – EAEC, sudah hancur tidak ada apa lagi. Apa lagi yang hendak kita katakan dan kita juga pada satu masa mengatakan, selepas Sukom ini kita akan menghadapi kehancuran ekonomi, kita akan menghadapi syarikat-syarikat mega kita, projek-projek besar tidak akan ada lagi. Itu yang kita perkatakan, itu menjadi sebagai satu rumors, yang diperkatakan oleh ahli-ahli ekonomi kita bahawa kita akan menghadapi gelap dan sebagainya masalah-masalah ekonomi tetapi selepas Sukom, sebelum Sukom lagi kita telah menghadapi keadaan yang tidak diduga oleh sesiapa pun, yang lebih teruk lagi. Sebelum semua ahli-ahli ekonomi, pakar-pakar ekonomi, apa yang berlaku, daripada ramalan yang kecil suatu malapetaka ekonomi telah menimpa kita lebih besar lagi tetapi adakah keyakinan kita hilang? Keyakinan kita tidak hilang, jadi hal-hal ini saya rasa kita harus melihat diri kita sebagai satu bangsa yang lain, yang lain daripada Filipina, yang lain daripada Indonesia. Kita harus ada keyakinan terhadap diri kita sendiri dan bagi saya sendiri keyakinan ini telah kita bina bukan dengan mudah.

Ini harus difahami oleh anak-anak muda, pegawai-pegawai yang baru mendapat kedudukan yang tidak sedar daripada mana kita datang. Bagaimana kita boleh menjadi pada keadaan yang ada sekarang. Bukan mudah, langkah yang dihadapi oleh Tunku Abdul Rahman sendiri ialah menghadapi masalah tentangan dari Indonesia sendiri. Nasib baik kita tidak dijajah oleh Indonesia, pada hakikatnya Indonesia memberi masalah dari semasa ke semasa. Bukan sahabat abadi, tidak, hakikatnya harus diterima. Apakah dalam keadaan kita sukar mereka boleh menunjukkan simpati atau mereka memberikan masalah kepada kita. Hakikatnya apakah Filipina satu kawan yang rapat, satu kawan yang setia, satu kawan yang boleh dipegang, apakah satu negara yang mempunyai keperibadian yang utuh, yang boleh kita yakini dan bagaimana sikap kita terhadap negara-negara lain, terhadap negara-negara jiran kita? Adakah kita satu orang yang tidak boleh

dipercayai, kita mempunyai integriti kita sendiri, mempunyai maruah, mempunyai ketokohan yang besar di Asia, negara kita kecil, maka sebab itu kita dihormati. Maka itu pihak British kalau boleh kita dekati, mereka tidak lari daripada kita, mereka melihat masa hadapan kita, mereka melihat masa hadapan mereka di sini.

Dalam hal ini barangkali Amerika ialah dengan aerogen, dengan dutanya yang entah dari mana dia hantar ke sini, yang menimbulkan masalah yang tidak membantu hubungan antara Amerika dengan Malaysia, yang telah mencemarkan hubungan antara Amerika Syarikat dengan Malaysia. Dutanya yang ada di sini Mr. Merat adalah bertanggungjawab dalam mengeruhkan hubungan antara Amerika Syarikat dengan Malaysia, gagal memahamkan tentang social structure dalam economic development tentang masa hadapan Malaysia terhadap Amerika. Maka salah faham inilah menyebabkan apabila berlaku kegawatan ekonomi, maka Malaysia diletakkan dalam satu basket bersama-sama dengan Thailand, Indonesia dan Filipina. Tetapi kita lain, kita harus menyedari hakikat kita lain, kita bukan Thailand. Hakikatnya apa yang ada di Thailand, be owners to ourself, pergi lihat, dia mengatakan pembangunan digembar-gemburkan pembangunan di Thailand, apa yang ada di Thailand, bagaimana bumiputeranya menjual anggur, menjual mangga, menjual buah-buahan, manisan lebah atau honey di tepi-tepi jalan.

Bagaimana di Filipina sampai sekarang marketnya memuncak, kita berhenti di trafik light, 40-50 peminta sedekah akan datang, sampai ke hari ini. apa di Indonesia negara yang heret mayat di jalan raya, apakah kita hendak bandingkan kita dengan negara ini. Apakah ini yang dilihat oleh Amerika dalam menilai Malaysia, kita telah terlalu jauh, highway kita sudah setanding dengan di Amerika, di Britain atau di negara-negara barat, itu hakikatnya tapi di Thailand, `highway`nya kita boleh cross berada di tengah-tengah bandar. Highway kita sama seperti di Britain, sama seperti negara Eropah yang bandarnya terasing, yang hebat yang lebih indah.

Kemudian bila saya bertanya kepada generasi baru dia tidak menghargai, memang secara jujur, dia tidak kagum kerana dia telah lahir dalam suasana ini.

Kalau saya dahulu hantar satu reporter pergi ke Hong Kong, balik cerita pasal Hong Kong hebat, tentang Taiwan hebat, tapi budak generasi sekarang yang di hantar pergi ke Hong Kong, pergi ke Taiwan atau pergi ke Indonesia dia akan mengatakan Malaysia lebih baik, tetapi dia tidak menilai bukan semua, bukan semua, tetapi dia tidak menilai apa yang ada.

Dia merasakan ini akan kekal, tetapi ini boleh hancur yang ketakutan generasi yang telah melalui proses pembangunan ini ialah ketakutan kepada kehilangan apa yang kita ada hari ini, dihancurkan oleh sentimen kerana seorang manusia mungkin, kita sanggup menghancurkan sistem social structure yang ada mungkin, dengan tiba-tiba orang Melayu dengan perasaan marah dan sebagainya memberikan undi atas undi protes kepada suatu pihak lain yang akan melemahkan kuasa orang-orang Melayu, yang akan melemahkan kuasa politik, yang ditakui oleh orang-orang Cina, orang-orang bukan Melayu sendiri itu yang membimbangkan.

Jadi dalam soal ini, saya rasa banyak kerana kita pergi ke arah ini kerana kita percaya apa yang dikatakan oleh IMF, apa yang dikatakan oleh pihak asing tentang kita, kita tidak percaya kepada apa yang dikatakan oleh kita sendiri. Apa yang cuba dicanai, apa yang cuba dijalankan oleh kita sendiri tetapi kita tidak yakin, bukan semua kita tidak yakin, tetapi banyak di antara pegawai-pegawai kerajaan sendiri, di antara orang ramai sendiri mungkin kerana tidak memahami, kerana terpegun dengan reformasi. Reformasi itu bagaimana, umpamanya DAP sendiri pada peringkat awalnya sendiri turut dalam menyokong reformasi ini dan orang-orang yang pernah hadir dalam perhimpunan dan bagaimana mengapa sekarang Lim Kit Siang berdiam diri terhadap reformasi.

Kenapa dia tidak bersuara lagi, dia telah tahu bahaya, bahaya yang akan dihadapinya, sebab ketakutan orang Cina sendiri di Malaysia ini melihat reformasi. Konotasinya tidak boleh dipisahkan. Reformasi yang berlaku di Malaysia adalah reformasi Indonesia, itu kaitannya. Konotasinya kalau dicakap reformasi di Malaysia bukan reformasi yang lain, reformasi Indonesia tetapi terutamanya saya ingat, kita harus sedar kita telah memisahkan diri kita daripada

sentimen nusantara ini dari zaman Dato' Onn lagi, apabila golongan-golongan minta maaf saya hendak habiskan.

Kita harus sedar terutama orang-orang UMNO sendiri harus sedar bahawa kita telah memisahkan diri kita daripada sentimen nusantara daripada sentimen blood brothers, darah sedaging daripada zaman Dato' Onn lagi, sebab apabila kita menolak golongan-golongan yang cuba untuk mengkiplatkan kita kepada Indonesia apabila perjuangan secara perlembagaan itu berjaya dengan menentang Malayan Union, maka kita telah begitu yakin bahawa inilah cara kita dan itulah menyebabkan kelumpuhan golongan-golongan kiri yang berkiblatkan kepada Sukarno, yang berkiblat kepada Indonesia, berkiblatkan kepada China ialah kerana suatu budaya politik kita sendiri yang telah diasaskan oleh Dato' Onn diikuti oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan sebagainya, maka itu harus kita lihat bahawa budaya kita ialah budaya yang dicetuskan melalui suatu toleransi, satu-satu tolak ansur, kehidupan bersama-sama dengan kaum lain.

Inilah yang paling besar, budaya kita bukan soal tarian Melayu, soal tarian Naga, soal benda-benda ceremonial yang menjadi suatu kebanggaan untuk pada ketikanya, tetapi dalam kehidupan harian ini suatu budaya yang paling besar yang harus kita suburkan, yang harus kita kukuhkan, yang harus kita terus promotekan ialah budaya toleransi itu sendiri yang kita lihat apa yang menjadi kegawatan kita yang menjadi bukti bahawa itulah yang menyumbang.

Umpamanya di dalam masalah kegawatan ekonomi sendiri, apabila kita menghadapi apa budaya yang tiba-tiba kita kuat, tiba-tiba daripada DEB sendiri yang melahirkan perimbangan ekonomi yang tiba-tiba orang Melayu merasakan bahawa dia tidak harus lagi menyerang dan membakar rumah orang Cina, oleh kerana dia sudah ada suatu sikap compromise dan toleransi itu sendiri, sudah melahirkan satu masyarakat yang sedikit sebanyak telah share daripada perkongsian ekonomi yang telah berlaku, maka itu mencetuskan satu kestabilan yang diasaskan daripada toleransi itu sendiri, maka hal inilah yang harus kita 'promote'kan, harus kita ketengahkan, harus kita jadikan sebagai satu budaya kita

yang terus menerus dan dengan keadaan inilah pada hari ini kita dapat melihat dan mengkritik kesilapan-kesilapan IMF dalam pendekatannya untuk menyelesaikan keadaan kegawatan ekonomi di Asia Tenggara.

Saya tidak mahu memanjangkan lagi ucapan ini, tetapi pada akhirnya saya ingin mengatakan bahawa Michel Camdessus telah berdosa kepada rakyat terutamanya rakyat di Asia Tenggara bahawa saya menyertai sentimen Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim dan lain-lain bahawa penyusunan semula harus dilakukan.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin cuma meminta pandangan, sepanjang saya mengikuti apa Yang Berhormat telah suarakan banyak input yang saya rasa perlu diambil perhatian khususnya oleh sama ada pihak kerajaan atau mana-mana pihak yang berwajib. Apakah Yang Berhormat tidak bercadang untuk mencadangkan sesuatu sebagai contoh menubuhkan jawatankuasa untuk memperjelaskan hal-hal yang Yang Berhormat sebutkan tadi sebagai contoh, golongan muda kita ataupun para belia kita tidak begitu memahami atau kurang menghayati tentang perjuangan-perjuangan bagaimana kita berjuang, pemimpin-pemimpin dahulu sehingga keamanan dan kejayaan yang dicapai oleh negara seolah-olah golongan muda kita terutama yang mengikuti reformasi ini tidak begitu memahami bagaimana sebenarnya ia dilaksanakan. Apakah Yang Berhormat bermaksud untuk meminta kerajaan atau pihak berkenaan membuat apa juga jenis jawatankuasa atau membolehkan negara kita ini akan terus aman. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat, saya tidak hendak mencadangkan apa-apa tetapi ini ialah satu proses biasa di dalam perkembangan masyarakat itu sendiri, umpamanya di Amerika sendiri, Clinton tidak begitu memahami masalah yang dihadapi oleh Johnson ketika perang vietnam dahulu, mungkin dia mengetahui sejarah tetapi dia tidak memahami, kalau dia memahami dasar yang berlaku di Asia sekarang, apa yang berlaku oleh Amerika sekarang terhadap Asia tidak berlaku. Bagaimana beribu-ribu anak-anak

muda Amerika mengorbankan nyawa di Vietnam untuk siapa, bukankah untuk suatu free market enterprise, untuk mewujudkan satu pasaran bebas di Asia.

Ramai anak-anak muda di Amerika yang telah berkorban sehingga menimbulkan satu bantahan yang hebat di dalam negara Amerika sendiri. Tetapi kenapa mereka harus - pembangunan ekonomi, suatu dasar ekonomi yang dilaksanakan yang telah membangunkan Asia ini kenapa mereka harus hancurkan sekarang. Jadi, proses tidak faham terhadap sejarah itu akan terus berlaku dalam mana-mana masyarakat pun tapi hanya sekadar tanggungjawab kita hanyalah untuk memahamkan di institut-institusi pelajaran kita sebagai ibu bapa ataupun di mana juga parti-parti politik itu tanggungjawab kita terus menerus.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga tertarik dengan perbincangan yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi. Mengenai anak-anak muda kita terutamanya pelajar-pelajar di peringkat universiti yang tidak memahami hasrat dan juga perjuangan yang telah kita buat selama ini.

Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, bagaimana pensyarah-pensyarah yang mana mereka ini diberi peluang belajar dan mereka merupakan orang yang matang dalam kehidupan telah pun melalui satu proses pembelajaran, menjadi seorang pendidik tetapi mereka merupakan sebahagiannya bukanlah semua tetapi sebahagian daripada mereka menjadi pendorong kepada reformasi itu sendiri.

Jadi di mana silapnya dalam keadaan ini kerana kita hendak betulkan anak-anak yang belajar, tetapi saya rasa pensyarah-pensyarah juga merupakan satu daripada pihak yang harus memahami hasrat Yang Berhormat sebutkan tadi.

Datuk Zainudin bin Maidin: Minta maaf, saya tidak mahu menyalahkan pelajar itu sendiri sebab elemen-elemen untuk melihat kesilapan-kesilapan di pihak kita pun akan terus ada dan akan terus dipergunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk melihat, untuk menentang establishment. Ini berlaku di dalam

mana-mana institusi pun. Jadi, kesanggupan kita saya kira, bukan semua tapi seperti juga apa yang telah berlaku sebelum ini.

Umpamanya satu angkatan, satu generasi yang lebih awal juga menentang keadaan pada masa itu iaitu pada keadaan kemiskinan, umpamanya kalau saya sebutkan beberapa orang yang di sini iaitu umpamanya golongan orang-orang Melayu yang menyertai gerakan sosialis dan komunis di Universiti Malaya dahulu. Mereka menentang establishment sebab mereka datang dari keluarga yang miskin di kampung, jadi yang kaya pada masa itu ialah orang-orang Cina, yang kaya.

Tetapi mereka menyertai suatu kebangkitan antarabangsa, yang tidak lihat sebagai satu komplot yang kolot iaitu mereka menyertai parti yang bersifat antarabangsa seperti parti rakyat atau gerakan sosialis di universiti tetapi yang mereka tentang ialah the urban elite dalam universiti-universiti itu. Jadi, tentangan itu ada tetapi orang-orang ini ialah orang-orang yang bijak, orang-orang yang pergi ke universiti sebab kesukaran memasuki universiti, pemilihan-pemilihan yang terlalu rigid pada masa itu.

Tapi berlaku tentangan itu dan sekarang ini keadaan yang lain yang juga terdapat elemen-elemen yang menyebabkan mereka menentang. Jadi saya tidaklah menyalahkan seluruh pelajar tetapi saya ingat perkara itu apabila mereka juga bekerja, suatu masa nanti mereka juga seperti mereka yang menentang kerajaan dahulu akan menjadi part of the establishment dan akan membantu usaha-usaha kerajaan tetapi dalam pada itu masalah politik kita hadapilah bukan kerana kesilapan mereka sendiri mungkin kesilapan kita pun ada juga.

Jadi dalam keadaan ini memberikan kesedaran kepada kita untuk membetulkan diri kita untuk meyakinkan mereka terhadap keupayaan kita dalam melihat juga apa-apa yang mereka lihat yang kita tidak nampak yang harus kita betulkan. Jadi, memang kita kecewa dan kekecewaan itu juga ada sebabnya, kerana jika kita hendak bincangkan akan mengambil masa yang lebih lama. Saya kecewa tetapi mungkin ada kena mengena dengan sistem pembelajaran itu sendiri dan sebagainya yang mungkin tidak kita boleh lihat dalam masa yang sekejap ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat, saya telah bercakap panjang dan saya minta maaf, barangkali ada pihak lain yang ingin bercakap dan sekali lagi saya rasa pada hari ini kita patut merasa bangga bahawa Dewan Negara akan mencatat suatu sejarah, merekodkan satu bantahan antarabangsa terhadap penerusan Michel Camdessus sebagai Pengurus IMF yang telah gagal dan telah menyebabkan malapetaka kepada umat manusia di dunia sebelah sini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah sampai 5.30 petang.

Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin: Sedikit penjelasan. Esok dari pukul 11.00 tengah hari hingga pukul 1.00 tengah hari kita masih atas usul ini dan Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya berapa orang hendak berucap esok. Cukup tak kita.

Tuan Yang di-Pertua: Satu, dua, tiga, empat orang saja. Perbahasan sampai pukul 1.00 tengah hari, saya rasa ada lima orang Yang Berhormat yang akan berucap. Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguh pada pukul 5.30 petang.